

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 58

Selasa

5 September 2006

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 25)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2007	(Halaman 25)
USUL: Anggaran Pembangunan 2007	(Halaman 25)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 5 September 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pelajaran menyatakan persiapan-persiapan yang telah dan sedang diambil untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban di Tingkatan 4 dan 5 di sekolah-sekolah di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 di sekolah menengah di Sarawak telah diluluskan melalui Surat Pekeliling Kementerian Pelajaran Malaysia bertarikh 4 Mei 2005. Bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut, Kementerian Pelajaran telah menyediakan sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran bahasa Iban.

Di samping itu juga, Kementerian Pelajaran telah menyediakan bahan-bahan sokongan untuk pengajaran dan pembelajaran serta latihan kepada guru sedang dilaksanakan sekarang sebagai persiapan untuk pelaksanaan penuh bahasa Iban Tingkatan 4 di sekolah menengah pada tahun 2007 dan pelaksanaan rintis Tingkatan 5 pada tahun 2008.

Kementerian Pelajaran juga telah mengambil beberapa langkah untuk menarik lebih ramai murid mempelajari bahasa Iban dengan menggalakkan penyertaan murid-murid menerusi pelaksanaan aktiviti ko-kurikulum yang dijalankan oleh kelab dan Persatuan Bahasa Iban seperti Minggu Bahasa Iban, Peraduan Menulis Esei Bahasa Iban dan sebagainya.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran juga telah menyediakan kertas cadangan format pentafsiran mulai SPM tahun 2008 dan bidang estetik sebagai persediaan pelaksanaan pengajaran dan pelajaran bahasa Iban di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 di Malaysia. Di samping itu juga, Kementerian Pelajaran sudah menyiapkan buku teks Tingkatan 4 dan akan diguna pakai untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban Tingkatan 4 mulai Januari 2007. Manakala, buku teks Tingkatan 5 untuk kegunaan tahun 2008 masih dalam proses penulisan.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya bagi pihak kaum saya, kaum Iban ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kementerian, kepada kerajaan, kepada Menteri, warga

kementerian dan lebih-lebih lagi pegawai-pegawai di bahagian kurikulum kita dan juga pegawai di Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak kerana usaha mereka yang telah memberi khidmat yang begitu baik kepada kaum saya dalam isu pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban.

Pertanyaan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, pengajaran bahasa Iban ini patutlah memang sudah diajar dengan cara yang baik tetapi yang merisaukan saya ialah sebahagian besar daripada proses pengajaran dan pembelajaran dibuat di luar waktu sekolah dan saya ingin tahu apakah usaha-usaha yang digunakan untuk menentukan murid yang mengambil bahasa Iban ini akan terus berkembang, diperbanyakkan lagi dan juga, apakah usaha-usaha yang akan dijalankan untuk menentukan bahasa Iban ini nanti tidak akan diajar di luar jadual waktu apabila diajar nanti. Sekian, terima kasih.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian akui bahawa tingkat pembelajaran dan pengajaran adalah bergantung kepada kualiti guru dan Kementerian Pelajaran pun telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan kemahiran guru-guru untuk mengajar bahasa Iban.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara langkah-langkah yang telah dijalankan setakat ini adalah bahawa Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak telah mengadakan satu kursus pada 13 hingga 18 Ogos tahun ini di Sibu untuk melatih beberapa guru-guru bahasa Iban supaya mereka ini sedia melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bahasa Iban Tingkatan 4 pada tahun depan dan juga Tingkatan 5 rintis pada tahun 2008. Sama ada bahasa ini adakah dimasukkan ke dalam jadual yang sedia ada ataupun di luar jadual waktu pembelajaran, saya akan sampaikan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

2. Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan usaha bagi menggalakkan pengeluaran hasil dan peningkatan pendapatan petani-petani tradisional di seluruh negara serta perubahan dari segi polisi yang dijalankan oleh kerajaan khususnya dari segi bantuan kewangan yang diberikan kepada petani-petani moden.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Dasar Pertanian Negara, pelbagai projek sedang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran hasil dan pendapatan petani-petani tradisional. Di antara projek-projek tersebut ialah:

- (i) meningkatkan perkhidmatan pengembangan dan perundingan yang bertujuan membangunkan keupayaan golongan sasaran melalui aktiviti pengembangan dan latihan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran, pemindahan teknologi, pembentukan sikap positif dan perubahan minda serta memupuk budaya kerja usahawan;

- (ii) melaksanakan projek-projek pembangunan industri tanaman makanan melalui penggunaan teknologi moden dan berskala besar merangkumi pembangunan taman kekal pengeluaran makanan, industri sayuran dan tanaman ladang, industri buah-buahan dan industri padi di mana petani-petani sedia ada usahawan dan juga sektor swasta akan dipelawa untuk menyertainya;
- (iii) projek pembangunan industri asas tani yang bertujuan untuk membangunkan usahawan asas tani melalui aktiviti agro pelancongan dan nilai tambah lain bagi petani tradisional untuk mempelbagaikan dan meningkatkan pendapatan mereka; dan
- (iv) projek pembangunan industri florikultur dan komoditi berpotensi seperti herba, rempah ratus, cendawan dan lembah madu.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kementerian telah menambah bantuan kewangan dengan adanya peluasan skop bagi projek-projek pertanian dengan beberapa insentif yang telah diluluskan mengikut projek-projek. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kalau kita dengar jawapan daripada kementerian tidak kisahlah kementerian manalah bukan main cantik. Tetapi kenyataan di *ground* adalah kadang-kadang kita sedih - menangis. Kita Ahli Parlimen melihat sendiri. Jadi persoalan yang saya hendak tanya dengan Setiausaha Parlimen hari ini ialah, di Sarawak kita mempunyai dua juta tanah yang belum disukat yang mungkin diterokai oleh penduduk tempatan. Tetapi apakah pengaruh dan usaha pihak Kementerian Pertanian peringkat pusat

Tuan Yang di-Pertua: Dua juta apa tu Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:untuk mendorong.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dua juta apa? Dua juta apa, ekar ke apa?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Hektar.

Tuan Yang di-Pertua: Hektar, baik.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Dua juta hektar tanah, tanah adat yang tanahnya begitu subur, tanahnya boleh diterokai dan tanah itu terbiar yang boleh diterokai dan masih ada yang meneroka tetapi malangnya tanah ini tidak ada geran, tidak boleh dibawa ke bank dan tidak mendapat nilai daripada pihak perbankan. Jadi apakah pengaruh yang boleh diberi oleh pihak kementerian supaya kerajaan negeri.... [*Telefon bimbit berbunyi*] orang telefon daripada kawasan tanya tanah ini. [*Ketawa*]

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Supaya pihak kerajaan negeri boleh mendorong strategik *alignment* dengan pihak kerajaan negeri supaya tanah-

tanah adat ini boleh diterokai dibangun dan akan menjana kepada pembangunan usaha tani ini di mana-mana negeri sama ada di Sarawak, di Sabah ataupun di mana-mana sahaja. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Memang betul kata Yang Berhormat perancangan atau rancangan yang diolahkan oleh kementerian memang begitu cantik. Tetapi kita di Kementerian Pertanian bukan sahaja cantik insya-Allah dengan adanya pendekatan-pendekatan yang diambil dengan beberapa maklum balas yang kami terima melalui Ahli-ahli Yang Berhormat, kita merubah sedikit pendekatan supaya betul-betul sampai kepada kumpulan sasaran. Jadi Yang Berhormat tadi menanyakan sesuatu yang begitu penting dan pada masa yang sama begitu meruncingkan kita di pihak kementerian iaitu tanah.

Terima kasih Yang Berhormat telah memaklumkan bahawa ada dua juta hektar tanah yang ada di Sarawak dan memanglah kami di kementerian urusan tanah ini adalah di bawah bidang kuasa negeri. Tetapi kita mengguna beberapa pendekatan iaitu melalui Mesyuarat Menteri-menteri Pertanian seluruh negara dan insya-Allah minggu depan ada mesyuarat itu. Dan perkara yang sama memang sentiasa dibangkitkan di dalam satu agenda yang penting, iaitu permohonan tanah daripada kerajaan negeri, satu untuk taman kekal pengeluaran makanan.

Keduanya untuk kami memulakan *land bank* dengan izin, supaya mana-mana pihak yang berkenaan yang memerlukan tanah, jadi adalah satu ruang untuk mereka memperoleh tanah-tanah ini di peringkat negeri.

Ketiganya adalah melalui mesyuarat pegawai-pegawai, iaitu di antara pegawai-pegawai pusat di kementerian kami dan juga pegawai-pegawai di peringkat negeri. Memang sentiasa membawa masalah ini dan juga melalui Mesyuarat Ketua-ketua Menteri dan Menteri-menteri Besar. Jadi terima kasih Yang Berhormat itu adalah juga satu daripada masalah kami, iaitu apalah gunanya perancangan yang cantik-cantik ini kalau tidak dapat dilaksanakan oleh kerana ketiadaan tanah yang sesuai. Memang kerajaan negeri ada mengagihkan tanah kepada kementerian tetapi setelah dibuat penyelidikan kesesuaian tanah, tanah itu tidak sesuai untuk pertanian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada dua juta hektar tanah yang tadi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, dua juta itu saya....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, itu yang perlu diselesaikan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Memang itu adalah juga. Kerajaan negeri Tuan Yang di-Pertua sudah mengagihkan, satu melalui taman kekal pengeluaran makanan sudah ada beberapa bidang tanah di Sarawak digazettekan. Yang pertamanya di Kampung Endap tidak banyakkah sebagai permulaan hanya 50 hektar tetapi dijanjikan dalam 5,000 hektar. Dan satu lagi zon perindustrian akuakultur telah juga digazettekan, tetapi semua ini

memang kita memerlukan satu kerjasama yang begitu baik daripada kerajaan negeri. Terima kasih.

Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi telah dikatakan berbilion ringgit telah diberikan bantuan-bantuan kepada petani-petani. Jadi saya sendiri adalah merupakan petani mengusahakan ikan dalam sangkar, kelapa sawit dan juga mengusahakan ternakan lembu *feed lot*. Jadi pengalaman saya di bawah sana saya telah memohon beberapa kali pinjaman untuk bantuan daripada kerajaan. Tetapi dengar sahaja baik yang di bawah sana tidak ada, terus tidak ada. Apa guna kita katakan banyak bantuan di sini tetapi di bawah sana tidak ada. Jadi soalan saya apakah jenis-jenis bantuan ataupun pinjaman yang boleh diberikan oleh kerajaan jika seseorang itu mengusahakan kelapa sawit ke, ternakan lembu *feed lot* ke ataupun mengusahakan ikan dalam sangkar. Jangan katakan ada tetapi sebenarnya di bawah sana tidak ada, kosong.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali saya ingin jelaskan di sini bahawa subjek pertanian di Sarawak adalah di bawah bidang kuasa negeri. Jadi apa-apa permohonan Yang Berhormat, *[Disampuk]* apa-apa permohonan Yang Berhormat melalui Jabatan Pertanian dan barulah dihantar ke peringkat kementerian. Tetapi oleh kerana yang demikian Yang Berhormat saya mohon jasa baik Yang Berhormat pula, boleh tidak Yang Berhormat memberikan melalui saya permohonan-permohonan itu yang saya tahu dahulu mungkin di bawah MOE incorporated. Yang Berhormat ada tidak mohon di bawah MOE incorporated sebab memang jawatankuasa MOE incorporated baru sahaja dihidupkan baru-baru ini. Yang Berhormat mengenai kelapa sawit itu bukan di bawah bidang kementerian kita itu di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

Mengenai insentif-insentif yang lain memang banyak Yang Berhormat, di sini kalau dapat izinkan saya membaca ya beberapa dan bukan sahaja untuk Yang Berhormat tetapi untuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang lainlah.

Satunya dinamakan projek pembangunan industri buah-buahan di mana insentifnya adalah untuk membangunkan dusun yang ada kepada dusun komersial iaitu dengan RM6,000 sehektar. Semualah kawasan semua. *And then* projek pembangunan kelapa insentif adalah untuk pemulihan semula kawasan kelapa. Sebab saya tahu ini pun menjadi satu perhatian kepada Yang Berhormat. Membangunkan semula kawasan kelapa iaitu diberi RM2,500 satu hektar. Lepas itu projek pembangunan industri sayur-sayuran dan tanaman ladang di mana insentif sayur-sayuran dan tanaman ladang ini dinaikkan kepada RM6,000 sehektar. Dan untuk ladang organik sebab kita hendak menggalakkan tanaman sayur organik RM8,000 sehektar. Selepas itu di bawah projek pembangunan taman kekal pengeluaran makanan setelah kawasan itu dikenal pasti akan diberi bantuan RM20,000 sehektar. Lepas itu di bawah pembangunan industri komoditi berpotensi seperti rempah ratus, herba dan sebagainya diberi RM5,000

sehektar dan industri bunga-bunga. Sebab kita hendak menggalakkan industri bunga-bunga akan diberi kepada pengusaha iaitu RM40,000.

Lepas itu industri hiliran ada beberapa insentif seperti pembinaan bengkel, pembelian peralatan melalui kraf tangan dan bermacam-macam. Jadi saya berharaplah Yang Berhormat silalah pergi ke Jabatan Pertanian yang terdekat. Dan kalau ada juga bermasalah silalah bagi maklumat kepada saya dan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli Parlimen Jerai.

Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]: Saya jumpa dengan Menteri sendirilah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ahli Parlimen Jerai kerana telah menjemput saya turun padang bersama dengan dia dan syukur alhamdulillah saya rasa kegembiraan terserlah di muka Yang Berhormat. Terima kasih.

3. **Datuk Seri Panglima Salleh Bin Tun Said [Kota Belud]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapa kerajaan tidak mengawal penggunaan nama-nama jalan, tempat, bangunan dan sebagainya supaya lebih bercirikan Malaysia kerana pada masa ini imej negara tidak langsung dicerminkan menerusi nama-nama yang bercirikan Malaysia tetapi lebih kepada nama-nama Inggeris.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kaedah penjenamaan ataupun penamaan jalan di sesebuah pihak berkuasa tempatan adalah di bawah bidang kuasa PBT berkenaan melalui peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan. Di bawah Akta Kerajaan Tempatan, PBT dengan persetujuan kerajaan negeri boleh menetapkan atau mengubah nama bagi tempat awam atau taman perumahan.

Di negeri Sabah, tanggungjawab telah ditetapkan di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan Negeri. Cadangan-cadangan penamaan ini pada biasanya akan dicadangkan kepada kerajaan negeri untuk mendapatkan kelulusan. Di bawah peraturan dan garis panduan tersebut terdapat beberapa perkara yang akan diambil perhatian oleh PBT bagi proses penamaan jalan dan tempat seperti berikut:

- (i) nama tokoh warganegara Malaysia yang meninggal dunia, yang telah banyak berjasa kepada negara;
- (ii) nama kekayaan sumber atau semula jadi negara;
- (iii) nama sumber sejarah dan sosial budaya tempatan; dan
- (iv) penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa penamaan.

Selain itu, Jemaah Menteri telah bermesyuarat dalam mesyuarat pada tahun 2001 telah memutuskan supaya kerajaan negeri perlu mendapatkan ulasan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sekiranya terdapat permohonan daripada pihak berkuasa tempatan bagi

menukarkan nama sesuatu jalan yang melibatkan nama orang, ataupun tempat yang mempunyai unsur-unsur sejarah ataupun pengiktirafan yang tertentu.

Melalui peraturan dan garis panduan ini, maka kementerian percaya proses penamaan jalan dan tempat dapat dilaksanakan dengan teratur serta boleh mencerminkan identiti kebangsaan. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen kementerian. Saya hendak tanya di Putrajaya ia guna *precinct*, ia guna *boulevard*, kalau sudah tidak ada nama guna nama wakil rakyat pun boleh. [Disampuk] Jalan Ahli Parlimen Jerai. Saya hendak mencadangkan supaya sebelum nama-nama jalan ini hendak dinamakan, walaupun di bawah bidang kerajaan tempatan dan kerajaan negeri, boleh atau tidak boleh kalau dirujuk juga kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan juga Dewan Bahasa supaya nama-nama itu betul? Dan, boleh atau tidak saya hendak mencadangkan, kita tidak mahu mengingati penjajahan.

Jadi, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya Georgetown – Fasal apa kita hendak kata Georgetown? Gunakan 'tanjung'. Ada nama bunga tanjung apa semua, Kelabakan ataupun kenapakah kita hendak guna, masih *maintain* nama-nama penjajah, nama-nama Mat Salleh. Sejarah yang menghina kita, yang menghentam kita, itu tidak payah kita ingat.

Macam gunung, gunung Jerai, apa salah? Saya boleh tukar kepada Gunung Geroge, apa hendak tukar kepada Gunung George. Tidak mahu. Kita gunakan sejarah-sejarah yang menghitamkan hidup kita ini tidak harus kita ambil sebagai ingatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya minta – Yang Berhormat ini *floor* saya. Soalan saya, apakah pihak kementerian akan mengkaji balik supaya nama-nama Barat, nama-nama penjajah ini tidak kita pahatkan di dalam ingatan rakyat dan gunakan bahasa Melayu daripada guna bahasa-bahasa macam di Putrajaya itu. Kenapa, bahasa Melayu tidak adakah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macam Yap Ah Loy tidak apa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macam jalan di Pulau Pinang tidak apa, fasal itu pemimpin kita, orang kita, orang Malaysia. Tetapi orang Mat Salleh tidak bolehlah, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya supaya kita kekalkan identiti Kemalaysiaan daripada kita mengekalkan identiti kebaratan yang telah menjajah kita beratus-ratus tahun? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian melalui dasar yang telah saya sebut tadi telah memberi peluang kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk membuat pertukaran-pertukaran yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Oleh itu, dari segi dasar, tiada apa-apa halangan supaya nama-nama tempat yang mempunyai ciri-ciri yang tidak diperlukan pada masa sekarang boleh ditukar. Dari segi dasar, kemudahan itu sedia ada.

Oleh itu, terpulanglah kepada kerajaan negeri dan terpulanglah kepada pihak-pihak berkuasa tempatan untuk menggunakan apa yang telah sedia ada di dalam dasar untuk membuat mana-mana penukaran yang diperlukan pada tempat dan keadaan yang tertentu. Oleh itu, cadangan-cadangan yang dibuat Ahli Yang Berhormat boleh dibawa kepada kerajaan-kerajaan negeri yang tertentu supaya mereka boleh menggunakan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan dan membuat mana-mana penukaran yang perlu dibuat sewajar dengan pandangan Ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. berkenaan dengan nama ini, salah satu nama bangunan dan institusi terpenting negara iaitu *Kuala Lumpur International Airport* atau KLIA, sebenarnya tidak tepat namanya, [*Ketawa*] sebab KLIA, tidak berada di Kuala Lumpur. Dalam amalan negara-negara lain, ia dinamakan kepada tokoh-tokoh, pemimpin-pemimpin yang kita akui dan terima. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk menghormati bekas Perdana Menteri kita yang telah terlibat banyak dalam pembangunan-pembangunan [*Disorak*] yang besar dalam negara ini dan menamakan semula KLIA sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa Tun Dr. Mahathir. Terima kasih.

[*Dewan gamat*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya rasa ini tidak berapa ikhlaslah.

Dr. S. Subramaniam: Cadangan ini mempunyai tujuan-tujuan di belakangnya yang mungkin – saya tidak mahu bincang. Walaupun demikian, kuasa penamaan lapangan antarabangsa ialah di bawah Kementerian Pengangkutan dan bukan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih.

4. **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) semua projek kerajaan dikecualikan daripada kehendak penyediaan Laporan Kesan Kajian Alam Sekitar (EIA). Jika ya, nyatakan dalam peruntukan undang-undang mana; dan
- (b) Laporan Kesan Kajian Alam Sekitar (EIA) telah diperolehi sebelum pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu; pemindahan penduduk Kampung Sri Tanjung ke Kampung Maang dan pemotongan Bukit Vor di Putatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan bahagian (a) adalah tidak benar. Tiada pengecualian dalam menjalankan kajian EIA bagi aktiviti yang tertakluk kepada perintah EIA, termasuklah projek-projek kerajaan.

Bagi menjawab soalan bahagian (b), Jabatan Alam Sekitar masih belum menerima laporan EIA bagi projek tersebut. Walaupun begitu, pemaju projek telah pun mengadakan perbincangan dengan pihak jabatan mengenai bidang rujukan ataupun *terms of reference*, dengan izin, bagi kajian EIA yang sedang mereka jalankan. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin bertanya, soalan tambahan, sebagai Ahli Parlimen kawasan tersebut, saya sering menerima, orang tampil ke hadapan bertanya saya.

Jawapan soalan (a) tadi memang tidak ada. Ya, betul. Tetapi saya selalu ditanya oleh beberapa rakyat di negeri Sabah dan saya bukanlah bermaksud bertindak sebagai negatif atas semua projek-projek kerajaan.

Yang Berhormat, ini soal prosedur dan peraturan undang-undang. Undang-undang Alam Sekitar (*Environmental Quality Act Order*) Tahun 1987 menyatakan dengan jelas bahawa pembinaan Lapangan Terbang Kota Kinabalu memerlukan laporan EIA. Hanya apabila laporan itu diterima atau diperoleh dan diluluskan baru kerja-kerja pembinaan dapat dimulakan.

Soalan saya, kenapakah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ini gagal untuk menyekat, menguatkuasakan undang-undang itu dalam pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang sekian lama berjalan? Laporan EIA belum lagi selesai apatah lagi diluluskan sehingga hari ini dan adakah kementerian bercadang untuk meminta Kementerian Pengangkutan supaya kerja-kerja pembinaan yang berjalan itu dihentikan? Sekian, terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Sememangnya kementerian sedar berkenaan dengan perkara itu. Kelulusan diberikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan salah satu syarat di dalam kelulusan untuk memulakan kerja tersebut ialah penyediaan laporan EIA.

Bagi mematuhi syarat tersebut, penguatkuasaan seharusnya dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di dalam memberi kelulusan untuk memulakan kerja. Itu tiada kena mengena dengan bidang kuasa kita di dalam memberi kelulusan untuk memulakan kerja tetapi walau bagaimanapun oleh kerana telah dibangkitkan di dalam Parlimen ini, pihak kementerian akan menghubungi pihak berkuasa tempatan supaya perkara tersebut dipatuhi oleh pihak pemaju sebelum menjalankan kerja-kerja tersebut. Terima kasih.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, kelulusan EIA kita tahu bukan sahaja kes yang disebutkan tadi tetapi di Kelantan juga, projek-projek sungai yang berlaku dekat Kota Bharu khususnya tidak ada kelulusan tetapi projeknya berjalan.

Persoalannya saya timbulkan, kalaulah kementerian menggubal undang-undang Kerajaan Pusat dan bila pelaksanaannya ataupun kuasa diberi kepada kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan, tidak mengikut peraturan itu, tidak mengendahkan peraturan Kerajaan Pusat ini, persoalannya apa perlu undang-undang Kerajaan Pusat kalau Kerajaan Pusat tidak dapat memastikan dengan hanya mengatakan oh itu bukan, kita di luar bidang kuasa kita.

Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan pusat akan melakukan sesuatu untuk memastikan undang-undang Kerajaan Pusat ini dipatuhi.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Itu adalah satu cadangan atau komen yang amat baik sekali kerana kita sedang di dalam proses penggubalan undang-undang untuk Akta EIA bagi tahun 2006 dan 2007 dan insya-Allah di dalam pembentangan tersebut, kita akan lihat dari segi pertindihan undang-undang di antara kerajaan-kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan juga Kerajaan Pusat.

Saya juga ingin mencadangkan supaya mana-mana Ahli Parlimen yang mempunyai cadangan untuk mengatasi permasalahan tersebut seperti Yang Berhormat bagi Kota Bharu bolehlah memberi kita cadangan-cadangan bagi kita buat suatu undang-undang yang kita semua patuhi. Terima kasih.

5. Tan Sri Dato' Sri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng] minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah peruntukan dan kejayaan "Kempen Keselamatan Jalan Raya" dan apakah masalah-masalah yang dihadapi, jika ada.

Menteri Pengangkutan [Dato' Sri Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia telah menerima geran daripada kerajaan sebanyak RM1 juta setahun bagi menjalankan kempen keselamatan jalan raya di seluruh negara semenjak tahun 1980-an dan perbelanjaan purata bagi kempen media sejumlah RM14 juta setahun semenjak tahun 1992.

Walau bagaimanapun, semenjak penubuhan Jabatan Keselamatan Jalan Raya pada November 2004, peruntukan bagi menjalankan kempen keselamatan jalan raya telah bertambah kepada RM24 juta bagi tahun 2004-2005 dan RM49 juta bagi tahun 2005-2006.

Pada tahun 1990, kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan bilangan kematian jalan raya sebanyak 30% dalam tempoh 10 tahun. Hasil daripada pelbagai usaha kerajaan seperti kempen "Drive Right" pada tahun 1992 dan "Program Keselamatan Motosikal Kebangsaan" pada tahun 1996, bilangan kematian jalan raya telah berjaya diturunkan kepada 6,035 kematian pada tahun 2000 iaitu penurunan sebanyak 32% berbanding dengan ramalan kematian pada tahun 2000 jika tiada program dan *intervensi* baru.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh 10 tahun yang lepas kadar kematian jalan raya telah berjaya diturunkan daripada 8.2% kematian setiap 10,000 kenderaan berdaftar pada tahun 1966, kepada 4.2% kematian setiap 10,000 kenderaan berdaftar pada tahun 2005 hasil daripada

pelaksanaan kempen media, peningkatan program penguatkuasaan dan lawatan ke kawasan kerap berlaku kemalangan.

Walau pun peruntukan bagi menjalankan kempen keselamatan jalan raya telah meningkat dalam tempoh dua tahun yang lepas, masih terdapat segelintir iaitu di antara 10 hingga 15 % pengguna jalan raya di bawah kumpulan berisiko tinggi yang sering melanggar peraturan lalu lintas.

Kerajaan sedar bahawa perubahan sikap kumpulan berisiko tinggi akan mengambil sedikit masa. Bagi golongan ini program pendidikan perlu seiring dengan program penguatkuasaan yang berkesan. Untuk menangani masalah kumpulan berisiko tinggi yang enggan mengubah sikap dan tingkah laku walau pun kempen pendidikan dipertingkatkan, kerajaan akan memperkenalkan *e-enforcement* dengan izin bertujuan meningkatkan kebarangkalian pesalah-pesalah trafik diambil tindakan kepada 95% berbanding dengan pencapaian 16 hingga 25 % di bawah sistem penguatkuasaan konvensional.

Tuan Yang di-Pertua, bagi langkah jangka masa panjang, kerajaan akan memperkenalkan Program Pendidikan Keselamatan Jalan Raya di sekolah-sekolah mulai tahun hadapan bagi membentuk pengguna jalan raya yang berhemah di masa yang akan datang dan melaksanakan pelan keselamatan jalan raya 2006-2010 yang menyasarkan pengurangan bilangan kematian setiap 10,000 kenderaan berdaftar sebanyak 50% iaitu dua kematian menjelang tahun 2010. Sekian, terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada pihak kementerian kerana melalui kempen dapat dikurangkan daripada 8.2% daripada 10,000 kepada 4.2%. Itu merupakan kempen terhadap sikap pemandu.

Tetapi kita sering didedahkan juga bahawa keadaan jalan itu merupakan antara faktor yang boleh melibatkan kemalangan. Dalam kajian kementerian, sejauh mana keadaan jalan, struktur jalan, permukaan jalan dan itu menyumbang kepada kemalangan jalan raya di negara ini.

Dato' Seri Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kemalangan jalan raya berlaku di negara ini adalah oleh kerana sikap pemandu melebihi 80 peratus daripada kemalangan yang berlaku adalah sebab sikap pemandu tetapi juga ada terdapat di beberapa tempat jalan raya ataupun dikenakan sebagai *black spot* di mana kemalangan sering berlaku juga. Dalam keadaan ini kerajaan memang memberikan perhatian yang cukup serius untuk memperbaiki *black spot* di semua jalan raya di seluruh negara ini dan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan saya telah difahamkan bahawa Kementerian Kerja Raya telah pun diberikan satu peruntukan yang boleh dikatakan besar untuk memperbaiki *black spot* yang saya sebutkan tadi. Ini adalah merupakan usaha *engineering* selain daripada usaha pendidikan dan usaha penguatkuasaan bagi kita mengurangkan kemalangan jalan raya, terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu walaupun

Seorang ahli: Menteri.

Tuan M.Kula Segaran [Ipoh Barat]: Menteri memberitahu walaupun *percentage* kematian telah turun tetapi yang betul-betul yang menjadi masalah kemalangan jalan raya di negara ini bukan sahaja setakat *black spot* di mana dikenal pasti tetapi adalah sebab terlampau banyak kenderaan berada di atas jalan raya. Dan setiap tahun kita ada lebih kurang 500, 000 kenderaan baru didaftarkan macam mana perkara ini dapat diatasi dan di mana kelebihan kenderaan adalah satu di antara faktor yang mustahak yang menyebabkan kemalangan dan juga pihak-pihak yang ada risiko yang tertinggi adalah pemandu kenderaan motosikal. Mereka tidak ada ruangan atau satu jalan yang dikhaskan di tempat-tempat di pekan-pekan dan sebagainya, macam mana perkara ini dapat diatasi?

Dato' Seri Chan Kong Choy: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat. Memang benar bahawa satu cabaran yang besar, yang kita hadapi ialah setiap tahun bilangan kenderaan yang meningkat dengan satu kadar yang begitu besar sekali. Setiap tahun, bilangan kenderaan bertambah lebih kurang satu juta dan di antaranya 45 peratus adalah motosikal, 55 peratus ialah kenderaan yang jenis yang lain. Selain daripada itu setiap tahun kita mendapati lebih kurang 400,000 pemandu baru dilesenkan setiap tahun. Maka secara *accumulative* setakat ini kita telah mempunyai sejumlah 15 juta kenderaan dalam negara ini dan bilangan pemandu pun sudah sampai lebih kurang 10 juta orang, maka hendak menangani masalah ini bukan merupakan satu perkara yang senang sebab itu saya selalu mengatakan bahawa ini memang merupakan cabaran terbesar yang dihadapi oleh kementerian saya. Tetapi untuk menangani masalah ini mengurangkan kenderaan bukan satu langkah yang dikatakan berkesan, kita juga hendak menggunakan mengambil langkah-langkah seperti pendidikan, penguatkuasaan dan juga kejuruteraan untuk memperbaiki *black spot*, menambah *motorcycle lane* khususnya untuk mereka yang menggunakan motosikal.....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Good public transport system.*

Dato' Seri Chan Kong Choy: Ya, memang, memang dan menggalakkan lebih ramai penduduk untuk menggunakan sistem pengangkutan awam. Ini memang merupakan satu *integrated approach* yang telah di dalam pelan keselamatan jalan raya Malaysia 2006 hingga 2010 di mana 9 strategi dan 62 program telah dirancang dan kita akan melaksanakan dalam 5 tahun yang akan datang ini. Untuk menangani masalah keselamatan jalan raya golongan penunggang dan pembonceng motosikal, ini merupakan satu cabaran yang besar juga oleh kerana lebih kurang 60 peratus daripada kematian yang kita hadapi setiap hari adalah berasal daripada golongan ini. Untuk menjalankan program-program pendidikan khususnya seperti untuk menasihati mereka menggunakan topi keledar dan menggunakan topi keledar dengan cara yang betul saya memerlukan kerjasama dan bantuan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya khususnya mereka yang berasal dari luar bandar ini selalu diberikan nasihat yang betul untuk

menggunakan topi keledar semasa menunggang ataupun membonceng motosikal, sekian terima kasih.

6. Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan jumlah kes rogol dan rogol bunuh pada tahun 2004 hingga 2006 serta hukuman yang dikenakan kepada penjenayah rogol tersebut.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah kes-kes rogol yang dilaporkan kepada pihak polis yang berjaya disiasat diselesaikan serta dituduh di dakwa di mahkamah dalam tempoh tahun 2004 hingga tahun 2006 Januari hingga bulan Jun adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH KES	KES DISELESAIKAN	PERATUSAN
2004	1, 765	1, 589	90
2005	1, 932	1, 644	85
Jan-Jun 2006	1, 199	1, 020	87

Jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan kepada pihak polis bagi tempoh ini ialah 4,866 kes dan jumlah kes di selesai ialah 4,253 kes dengan kadar penyelesaian adalah antara 85 hingga 90 peratus. Manakala bagi kes rogol bunuh pada tahun 2004 terdapat 11 kes dilaporkan dan 4 kes diselesaikan bagi tahun 2005, 4 kes dilaporkan, satu kes diselesai dan pada tahun 2006 Januari hingga Jun terdapat 8 kes dilaporkan dan 2 kes diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, penjenayah rogol yang disabit kesalahan akan dijatuhkan hukuman menurut Seksyen 316 Kanun Keseksaan dan akan dihukum penjara untuk tempoh tidak kurang 5 tahun dan lebih 20 tahun dan akan disebat. Pindaan yang telah diluluskan oleh parlimen baru-baru ini berkaitan dengan hukuman jenayah rogol akan dikuatkuasakan selepas ia digazetkan. Bagi kesalahan rogol bunuh hukuman yang dikenakan menurut Seksyen 302, Kanun Keseksaan adalah hukuman mati, sekian terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih dan terima kasih Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, perogol bagi saya adalah ibarat sebagai pembunuh kerana membunuh masa hadapan wanita, saya hendak tahu apakah berlaku pada kes-kes yang belum selesai ini?

Kedua, memandangkan ada hukuman kes-kes rogol yang dijatuhkan oleh hakim-hakim adalah tidak setimpal dan tidak konsisten. Apakah tindakan kementerian untuk memastikan hukuman rogol ini dan rogol bunuh diselaraskan terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, untuk kes-kes yang belum diselesai, Polis Diraja Malaysia akan terus menyasat dan kita juga ingin meminta kerjasama orang awam untuk memberi bukti atau saksi di mana boleh. Kalau kita lihat daripada peratusan penyelesaian memang untuk kes rogol peratusan adalah tinggi iaitu hampir 85 hingga 90 peratus.

Tetapi untuk kes rogol bunuh biasanya kadar penyelesaian adalah rendah. Ini disebabkan kesukaran untuk mendapatkan bukti. Kadang-kadang berlaku kes rogol bunuh di tempat lain dan mayat dicampakkan ke tempat lain pula, maka untuk mendapatkan bukti ada kesukaran dan juga oleh kerana saksi pun telah dibunuh maka peluang untuk mengecam suspek adalah sukar. Oleh sebab itu kita lihat untuk kadar penyelesaian kes rogol bunuh biasanya kadarnya adalah lebih rendah dari kes rogol dan dikatakan hukuman yang dijatuhkan oleh hakim adalah tidak setimpal. Kuasa kehakiman ini adalah bebas dan pihak PDI tidak boleh campur tangan. Walaupun kita boleh berikan pandangan kita tetapi tidak boleh secara umum memberikan apa-apa teguran atau arahan sebab ini adalah kuasa dan kebebasan kehakiman.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang memberikan jawapan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan perkataan yang digunakan oleh beliau 'diselesaikan'. Apakah maksud bagi perkataan 'diselesaikan' itu? Adakah ia bermaksud bahawa seseorang pesalah itu telah pun dikesan dianggap diselesaikan ataupun kita haruslah menghadapi pesalah itu ke mahkamah dan disabitkan bersalah barulah dianggap diselesaikan? Apakah maksud perkataan 'diselesaikan' itu? Minta penjelasan.

Datuk Fu Ah Kiow: Takrifan kes diselesaikan adalah mengikut takrifan yang digunakan di Interpol ataupun amalan di Interpol iaitu apabila seseorang suspek telah ditangkap dan dikenal pasti, kes itu dianggap selesai. Selepas itu, kes itu akan diserahkan kepada AG dan DPP untuk dibuat tuduhan di mahkamah. Itu adalah bidang kuasa DPP. Tetapi untuk pihak polis setelah ia dicam dan ditangkap, ia dianggap selesai. Terima kasih.

7. **Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa banyakkah kontraktor yang dikenakan tindakan tarik balik projek dalam RMK-8 dan perunding yang tidak mematuhi kod etika perundingan yang telah digantung lesen dalam projek RMK-8 di bawah kementerian ini.

Setiausaha Parlimen Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan pihak Kementerian Kerja Raya telah mengeluarkan arahan tarik balik projek atau mansuh kontrak sebanyak 166 bilangan projek yang melibatkan 149 kontraktor. Walau bagaimanapun tiada sebarang perunding yang telah dikenakan tindakan digantung lesen kerana tidak mematuhi kod etika perundingan.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Apabila projek ditarik balik, sudah pasti syarikat berkenaan disenaraihitamkan dan apabila disenaraihitamkan syarikat tersebut kemungkinan besar akan ditutup. Di sini apabila Ahli-ahli Lembaga Pengarahnya buka syarikat baru untuk menceburi bidang kontraktor ini, dia akan menyertai balik di dalam tender. Apakah kementerian mengambil pendekatan supaya Ahli Lembaga Pengarah yang mana syarikat yang terdahulunya telah disenaraihitamkan ini tidak lagi terlibat dalam menyertai tender khususnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Apabila mereka ini menyertai, sudah pasti akan memberi kelewatan kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebelum projeknya ditarik balik, memang kita berusaha membuat bantuan kepada mereka dari segi memberi masa tambahan dan dari segi kepakaran teknikal, kita tolong. Tetapi selepas itu tidak dapat dibuat dan kita menamatkan projek ini dan kita menentukan dalam kementerian, ianya tidak akan dapat dimasukkan tawaran semula di projek-projek lain. Proses menyenaraihitamkan ini, memang kita perlu juga membuat cadangan kepada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, dan mereka akan juga menentukan syarikat ini tidak akan diberikan PKK atau apa-apa kelas.

Baru-baru ini kementerian telah pun memberi arahan kepada pihak Jabatan Kerja Raya supaya meneliti pihak pengarah-pengarah yang mana syarikat mereka telah ditarik balik dan disenaraihitamkan tidak akan diberi peluang supaya dapat tender semula di dalam semua projek yang akan datang.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya hendak bertanya, kalau kita tengok Lebuh Raya Pantai Timur ini ialah satu lebuh raya yang baru dibuat, lebih kurang baru siap dalam masa tiga tahun. Tetapi kualiti jalan sekarang ini cukup teruk, ia bergelombang. Boleh dikatakan sepanjang jalan itu amat teruk. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah ini disebabkan oleh kontraktor yang melaksanakan kerja ini tidak baik dan perkara ini sepatutnya tidak berlaku kerana kajian awal telah dibuat dengan adanya konsultan dan sebagainya. Saya ingin bertanya, adakah konsultan dan juga kontraktor yang melaksanakan projek ini termasuk dalam senarai, berapa ratus konsultan dan kontraktor yang telah gagal dan diambil tindakan oleh pihak Kementerian Kerja Raya.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya tahu iaitu jalan di *East Coast Highway* itu memang ada satu jalan yang susah dibina kerana ia berbukit-bukau dan tempatnya pada mulanya *elevation* yang menjadi masalah besar, tetapi ini telah pun selesai. Kita tidak boleh katakan kontraktor yang lemah tetapi kita telah pun memberikan bantuan di mana kerja-kerja ini telah pun diselesaikan. Saya tidak nampak nama kontraktor ini dalam senarai yang saya sebutkan tadi. Kalau Yang Berhormat fikirkan ini perlu, berikan nama supaya kita boleh siasat

kalau dia betul-betul buat kerja yang tidak baik. Tetapi hingga ke hari ini kita nampak jalan ini telah pun ditambah baik. Saya tidak tahulah, mungkin masih 'goyang kepala' di sana. Saya berharaplah supaya Yang Berhormat berikan *details* supaya saya akan siasat. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidakkah tahu yang jalan ini rosak dan sudah di lapor, beritahulah pegawai turun dan periksa jalan yang telah rosak ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

8. **Tuan Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah benar dakwaan sesetengah pihak bahawa sistem pengajaran dan pembelajaran sekarang gagal memupuk semangat hormat menghormati dan kasih sayang di kalangan pelajar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memastikan nilai-nilai murni seperti semangat hormat-menghormati dan kasih sayang di kalangan murid diberi penekanan ketika proses pengajaran dan pembelajaran dan ia diterapkan secara merentas kurikulum. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran yakin proses pengajaran dan pembelajaran yang berjalan di sekolah mampu menerapkan nilai-nilai murni kepada murid-murid.

Berdasarkan pemeriksaan penuh terhadap 18 buah sekolah rendah dan 14 buah sekolah menengah di seluruh negara pada tahun 2005 pada keseluruhannya murid-murid menunjukkan tingkah laku yang baik seperti menghormati guru, tetamu, bertertib dan senang bertegur sapa.

Selain daripada itu Kementerian Pelajaran juga memastikan guru-guru mempunyai sifat-sifat mulia kerana guru adalah *role model* kepada murid-murid. Sehubungan itu kurikulum latihan pendidikan guru juga menerapkan nilai hormat-menghormati dan kasih sayang. Di dalam komponen wajib ko-kurikulum guru pelatih dididik dan diasuh secara praktik dalam kemahiran sosial, komunikasi, hormat-menghormati, toleransi, kerjasama serta menerapkan nilai-nilai murni melalui aktiviti persatuan, sukan dan rekreasi serta badan uniform.

Begitu juga ketika guru-guru pelatih menjalankan latihan *practicum* ataupun dengan izin *teaching practice*, setiap guru pelatih mesti memastikan aspek penerapan nilai murni diserap dan diselit dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan perlu memastikan nilai-nilai ini dimanifestasikan oleh anak murid melalui perbuatan, amalan dan pertuturan. Pada masa yang sama Kementerian Pelajaran berpendapat nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, kasih sayang dan sebagainya tidak hanya menjadi tanggungjawab pendidik melalui sistem pendidikan formal sahaja tetapi juga perlu diperkukuhkan di luar persekitaran formal iaitu di luar persekitaran sekolah dan guru. Ibu bapa, komuniti dan persekitaran di luar sekolah turut memainkan peranan penting dalam penerapan nilai-nilai murni ini. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tidak menafikan bahawa kementerian ini telah melakukan yang terbaik. Walau bagaimanapun kita sering mendengar kes-kes gengsterisme, kes-kes buli, vandalisme, lepak,

ponteng sekolah, kes bunuh, kes rogol di kalangan pelajar-pelajar di bawah umur tetapi kementerian rasa berpuas hati. Seharusnya kementerian tidak boleh berpuas hati dan seharusnya membuat satu kaji selidik bagaimana hendak meletakkan bahawa pendidikan itu memberi manfaat kepada semua murid-murid sekolah sebab hari ini pun banyak murid-murid sekolah di sini.

Ada yang menjadi mangsa bunuh Tuan Yang di-Pertua dan tuding jari antara satu dengan yang lain. Jadi seharusnya kementerian membuat satu kajian bagaimana hendak meletakkan pelajar-pelajar kita ini agar mereka berhemah tinggi dan memahami mana yang boleh buat mana yang tidak boleh. Apa perancangan kementerian? Sudah berpuas hati dengan yang sedia ada dan membiarkan kes-kes demikian berlaku ataupun ada perancangan masa depan?

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua memang di Kementerian Pelajaran kami memberi fokus dan juga penekanan yang penting terhadap disiplin di kalangan pelajar dan sistem pengajaran dan pelajaran yang telah dijalankan dan sedang dijalankan selalu dikaji, di *review*kan dengan izin dan bermatlamat untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh iaitu dari segi akademik dan juga dari segi bukan akademik dan sistem pendidikan yang dijalankan pada masa ini adalah juga berdasarkan kepada saranan UNESCO iaitu berdasarkan *Four Pillars of Education* dengan izin, '*learning to know*', '*learning to do*', '*learning to live together*' dan juga '*learning to be*'.

Jadi memang tidak dinafikan memang ada kes-kes salah laku yang masih berlaku di sekolah tetapi saya ingin menegaskan bahawa kes-kes ini baru-baru ini telah menampak satu penurunan dan pada masa ini kes-kes salah laku adalah hanya 0.02% dan keseriusan kementerian ini boleh juga dilihat bahawa Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin di sekolah-sekolah adalah juga dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran sendiri dan di bawah jawatankuasa induk itu kita ada empat jawatankuasa kecil yang mengkaji beberapa aspek termasuk juga dari segi psikologi dan kesihatan. Apakah punca-punca yang menyebabkan murid-murid melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sihat.

Jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat langkah-langkah sedang dan akan terus diadakan untuk mengurangkan lagi kes-kes ataupun insiden-insiden salah laku dan harapan kita bahawa persekitaran dalam sekolah adalah persekitaran yang selamat untuk semua pelajar dan satu persekitaran yang sihat untuk mengaspirasikan pelajar-pelajar untuk meneruskan pelajaran mereka. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua adakah satu kajian dibuat mengenai kedudukan sekarang mengenai tatatertib dan nilai-nilai yang patut dipupuk di sistem pelajaran kita masa kini dan 30 tahun dahulu, 50 tahun dahulu dan kenapa ada perbandingan yang besar? Mungkinkah bukannya satu sebab ialah kita perlu contoh diberi oleh pemimpin-pemimpin kita khasnya Menteri Pelajaran. Mungkin seorang Menteri Pelajaran tidak patut

menjadi Ketua Pemuda UMNO yang berkecenderungan dengan pengikut gengsterisme? Pengikut gengsterisme dan ini memberi satu contoh yang tidak baik.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua ini menghina menteri Tuan Yang di-Pertua, ini menghina menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah perlu satu kajian dibuat supaya Menteri Pendidikan memberi satu contoh yang baik di bidang politik pun supaya tidak ada apa-apa pengikut gengsterisme dalam pemuda UMNO ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa kena-mengena dengan UMNO? DAP lah gengsterisme.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua Tuan Yang di-Pertua saya rasa kenyataan itu terlalu *hugé* dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat memang di kementerian kami peka tentang pentingnya beberapa aspek dan juga betapa penting bahawa sistem pendidikan kena dan juga perlu mengambil kira keperluan pembangunan semasa dan semua review-review dan juga kajian yang dijalankan adalah untuk membekalkan murid-murid kita bukan sahaja untuk belajar tetapi juga untuk mengambil kira masa depan pelajar-pelajar ini iaitu bagaimana mereka ini dapat berfungsi dengan berkesan di alam pekerjaan dan juga pengajian lanjutan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa bidang juga akan dikaji semula dan di antaranya ialah supaya sistem pendidikan tidak terlalu berorientasikan peperiksaan dan di antara lain-lain bidang supaya pelajar-pelajar dapat menghadapi cabaran globalisasi dan juga zaman yang serba canggih ini dengan berjaya. Kita juga membekalkan murid-murid kita dengan kemahiran generik seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran dalam teknologi maklumat dan komunikasi ataupun ICT.

Di antara lain-lain bidang yang kita sedang dikaji balik atau disemak semula oleh Kementerian Pelajaran termasuk bilangan mata pelajaran dalam peperiksaan awam, sistem penggal persekolahan, kaedah pentafsiran yang diamalkan sekarang, mengubah pendekatan pengajaran dan pembelajaran serta menitikberatkan aspek ko-kurikulum. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya saya terlepas pandang, Kuala Krau sila.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dapat juga soalan tambahan. Walaupun dikatakan 0.2% adalah semakin berkurang, soalnya mengapakah masih ada lagi pelajar yang terlibat dengan masalah disiplin yang menjadi samseng jalan raya, mat rempit, bergaduh sesama sendiri sehingga menyebabkan kematian rakan sebaya dan juga kegiatan menghisap rokok di khalayak ramai serta ponteng sekolah. Apabila setengah pemimpin termasuk jiran tetangga menegur seorang pelajar tersebut jawapannya senang mudah, 'apa Pak Cik peduli, apa Mak Cik peduli, emak ayah saya tidak kisah jadi saya boleh buat apa sahaja sama ada saya merokok, saya ponteng sekolah dan sebagainya'.

Sikap hormat-menghormati di antara pelajar dan guru juga semakin berkurangan. Contohnya sambutan hari guru, tidak ramai lagi pelajar-pelajar yang bersungguh-sungguh, beria-ia untuk menjayakan sambutan hari guru. Apabila pelajar menerima hadiah daripada guru tidak ramai yang mengatakan terima kasih dan apatah lagi mencium tangan guru tersebut. Apakah masalahnya sehinggakan kita terpaksa menggubal akta polis untuk menangani masalah ponteng sekolah sehinggakan kita mewujudkan jawatankuasa disiplin pelajar dan juga masalah ponteng sekolah.

Jadi soalnya sekarang ini masalah guru tersebut atau masalah keadaan sekolah yang tidak kondusif atau masalah sikap ibu bapa yang begitu alpa terhadap pendidikan awal dan termasuk juga masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat, banyak masalah.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua saya ingin menegaskan bahawa kes-kes salah laku di sekolah ini bukan satu *trend* yang baru. Sebelum ini pun sejak merdeka kami dapati bukan sahaja di Malaysia tetapi di merata-rata semua negara pun kita memang ada kes-kes *indiscipline*, kes-kes salah laku di kalangan pelajar di semua sekolah di merata-rata tempat. Tetapi yang penting bahawa kes-kes salah laku ini dapat dibendung dan juga di kawal oleh kementerian dan setakat ini mengikut kajian kami seperti saya nyatakan tadi insiden kes-kes salah laku ataupun *indiscipline* dengan izin adalah hanya 0.02%. Jadi tidak ramai yang terlibat, dan antara dapatan daripada kajian kami adalah beberapa faktor yang mempengaruhi murid-murid pelajar ini untuk melibatkan diri dalam kegiatan yang kurang sihat di antaranya bahawa ada segelintir yang kurang mahir, kurang fasih dalam kemahiran 3M iaitu membaca, mengira dan menulis.

Jadi kementerian telah juga mempertingkatkan usaha kami untuk mempergigihkan langkah-langkah supaya murid-murid dan pelajar dapat menguasai 3M ini. Kita juga memang dapati bahawa di antara faktor-faktor juga

- (i) keadaan latar belakang sosio-ekonomi pelajar adalah satu faktor yang penting.
- (ii) persekitaran di luar sekolah iaitu peranan ibu bapa, sama ada ibu bapa adalah satu *role model* yang baik.

Tadi ada cadangan menggunakan pihak polis. Saya rasa setakat ini pihak polis peranannya adalah di luar sekolah dan kami tidak mahu kalau boleh mewujudkan satu *military state* dalam sekolah. Kalau boleh mengikut pendapat dan juga mengikut hasil kajian kami, kebanyakan pelajar-pelajar ini yang bermasalah belajar memerlukan bimbingan dan kaunseling. Dan kami telah menambah bilangan guru-guru kaunseling dan kami harap ini adalah satu lagi langkah yang akan membawa hasil yang baik. Di samping lain langkah seperti *flying squad* yang akan turun ke sekolah apabila ada satu kes-kes salah laku di antara kita, mewujudkan talian terus, faks terus, SMS dan sebagainya. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Di jemput Yang Berhormat bagi Seputeh.

9. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pampasan Skim Pemisahan Sukarela (Voluntary Separation Scheme) (VSS) yang dibayar oleh syarikat Proton terhadap pekerjaannya dan bilangan pekerja yang terlibat. Sila nyatakan macam manakah cara mengurangkan jumlah pekerja melalui sistem VSS akan menguatkan Syarikat Proton.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Sebenarnya Proton tidak ada membuat VSS dan tidak pun bercadang untuk membuat VSS. Tidak seperti mana yang terdapat dalam soalan Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat bagi Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya agak hairan terhadap jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi saya hendak tanya sejak Mac tahun 2005 terdapat ramai pemegang jawatan yang utama daripada Proton telah pun meletakkan jawatan seperti CEO, Group Finance Chief, Group Chief Auditor, Group Strategic Planning, Head Planning, Head V. W. Alliance, Group GM Export 1, Group GM Export , Head Of China Project, Group of Human Resources, Group of Legal Advise, GM Domestic Sales, Executive Director Manufacturing dan sebagainya.

Jadi saya hendak tanya kenapakah semua mereka ini meletakkan jawatan? Walaupun kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tiada VSS. Jadi kalau kita melihat Laporan daripada *The Edge* baru-baru ini yang mana ia menyatakan Proton Holding telah mencatatkan kerugian sebanyak RM58.6 juta dalam *quarter* pertama sehingga Jun tahun ini. Manakala kerugian pada *quarter* pertama yang lepas ialah RM12.35 juta. Ini bermaksud kerugian Proton adalah 3 kali ganda ialah 375% berbanding dengan tahun yang lepas. Jadi soalan saya adalah sekiranya Proton Holding telah mempunyai Lembaga Pengarah dan juga CEO yang baru, kenapakah dalam tempoh satu tahun ia mengalami kerugian sebanyak 3 kali ganda? Adakah ini disebabkan oleh Lembaga *non-executive* menjalankan tugasnya eksekutifnya dengan mengambil alih kuasa pihak pengurusan yang mempunyai kemahiran pengurusan dalam Proton Holding.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat ...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua sikit sahaja, yang mengikut laporan dalam *The Edge* ialah Tan Sri Nasimuddin dan Tan Sri Syed Mokhtar al-Bukhari akan mengambil alih Proton Holding dengan harga saham RM5.20 yang mana lebih rendah daripada harga saham sebanyak RM7.87 dan 8.90 yang dibayar oleh Khazanah semasa mengambil alih 42.7% saham daripada Proton Holdings. Jadi memandangkan *net tangible assets per* saham Proton adalah RM10.64 iaitu dua kali ganda daripada harga pasaran jadi adakah wujudnya konspirasi untuk merampas dan mengambil alih aset Proton Holding sekarang. Penjelasan.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat kerana bertanya soalan yang panjang lebar dan banyak soalan. Pertamanya walaupun ada bahawa pegawai-pegawai Proton yang meletak jawatan seperti mana yang disenarai oleh Yang Berhormat, mereka meletak jawatan bukan kerana VSS. Jadi jangan pula kerana adanya peletakan jawatan maka dikaitkan dengan isu VSS. Soalan Yang Berhormat yang pertama di dalam soalan ini ialah mengenai VSS. Jadi yang keduanya tentang kerugian sebanyak RM58 juta seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat hasil daripada penulisan dalam *The Edge* dan Yang Berhormat menyatakan ini 3 kali ganda daripada tahun yang lepas.

Sebenarnya Yang Berhormat kena *careful* sikit dengan izin ini hanya *quarter* pertama, suku pertama. Memang betul Proton mengalami kerugian sebanyak RM58 juta, tetapi terdapat beberapa sebab mengapa kerugian itu berlaku. Pertamanya memang terdapat sedikit kekurangan dalam pasaran kereta di negara kita sejak akhir-akhir ini. Iaitu dalam *quarter* pertamanya kelihatan permintaan untuk kereta seluruh negara berkurangan sebanyak 5%. Jadi bukan sahaja kerana Proton tetapi juga keseluruhan permintaan untuk kereta. Keduanya ialah dari segi peningkatan kos, oleh kerana dalam keadaan persaingan yang lebih kuat Proton dan juga syarikat-syarikat lain perlu menjalankan kegiatan-kegiatan pemasaran (*marketing cost*) jadi umpamanya dari segi peningkatan kos promosi dan sebagainya ada kelihatan peningkatan dan mungkin juga dirasakan bahawa Proton tidak ada model-model baru yang dikeluarkan dalam suku pertama ini yang boleh menarik minat pembeli-pembeli.

Oleh itu dengan usaha-usaha yang sedang dibuat oleh Proton untuk mengatasi masalah-masalah ini maka adalah dijangkakan bahawa keseluruhan tahun 2006 ini Proton masih lagi akan mencapai keuntungan. Dan ini kalau ini kita lihat prestasi terakhir ini, kalau kita dalam suku pertama tahun 2006 di mana Proton telah berjaya menjual 32,141 unit kereta, secara puratanya ialah 10,714. Ini tahun 2005-2006 dan tahun 2006-2007 suku pertama pencapaiannya berkurangan daripada 32 ribu tadi kepada 28 ribu, secara puratanya 9,368 unit satu bulan. Tetapi kalau kita lihat Julai dan Ogos ia sudah berlaku peningkatan. Julai sahaja kita telah menjual Proton sebanyak 10,037 unit dan Ogos pula sudah meningkat kepada 11,812 unit. Jadi adalah dijangkakan walaupun suku pertama menampakkan kerugian dan suku pertama tahun 2005-2006 juga kerugian, tetapi keuntungan Proton untuk tahun 2005 keseluruhannya untung sebelum cukai ialah 779 juta

Walaupun berlaku kerugian dalam suku pertama. Begitu jugalah dalam tahun 2006 ini walaupun berlaku kerugian dalam suku pertama, masih lagi dijangkakan bahawa pada tahun 2006 keseluruhannya Proton akan masih mencipta keuntungan. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang Yang Berhormat Seputeh tidak tahu beza antara VSS dengan letak jawatan, itu memang dia tak tahulah. Tetapi yang paling penting sekali ialah mengenai saya khuatir dengan pertumbuhan Proton dalam jangka masa panjang. Kerana

daripada analisa dan juga kajian yang dibuat, Proton terlalu bergantung kepada pasaran dalaman, *over depended on local market*. Ini bermakna bahawa keadaan pasaran akan menjadi satu keadaan yang sangat sensitif kepada keuntungan ataupun kerugian Proton.

Tetapi dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, dalam industri kereta ini, kecenderungan *market* sekarang ialah M&A, *Merger and Acquisition* ataupun pergabungan dengan pengambilalihan, ini satu cara yang baik sekali untuk menjamin *sustainability* dengan izin dalam masa hadapan. Proton telah cuba dengan Volkswagen tetapi gagal. Lebih dalam pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya nak bercakap sedikit mengenai dua kes yang telah berjaya. Kia Motor telah dijual kepada *share holder out state, I mean* orang luar, Nissan di Jepun telah dijual kepada Renault, tetapi hari ini mereka telah mendapat *market share* yang besar dalam dunia yang sekarang ini, mendapat keuntungan yang lebih daripada yang dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Menteri dah faham dah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Soalan saya adakah Proton ini ingin mengambil langkah-langkah seperti ini supaya keuntungan dan juga *market share* Proton ini dapat ditambahkan di masa depan. Bukan sahaja di negara ini tetapi di luar negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya kita perlu peka dengan perkembangan Proton dalam jangka masa panjang seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tersebut. Dan sememangnya kita tahu bahawa persekitaran, suasana industri automobil ini akan menjadi semakin tercabar kerana persaingan yang lebih sengit, keterbukaan pasaran dan sebagainya. Maka oleh itu, Proton telah mengambil berbagai langkah untuk memastikan bukan sahaja keuntungan dalam jangka masa pendek ini dapat dipertahankan, tetapi juga kemampuan jangka masa panjang dapat diteruskan.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh pengurusan baru seperti mana yang dirujuk tadi apa yang dilakukan oleh pengurusan baru ialah pertamanya untuk berusaha mengeluarkan model-model baru. Dan adalah dijangkakan bahawa di akhir tahun 2006, awal tahun 2007 ini satu model baru lagi yang akan dikeluarkan oleh Proton. Keduanya ialah untuk menembusi pasaran-pasaran luar negara. Kita tahu sebelum ini kejayaan Proton di luar negara agak terhad, maka usaha yang berlebihan. Kita lihat pengumuman mengenai usaha-usaha di pasaran Saudi Arabia umpamanya, di Singapore sendiri untuk model Satria Neo dan juga di Afrika Selatan. Ini usaha-usaha peningkatan kepada usaha-usaha yang telah dibuat selama ini.

Ketiganya, ialah untuk mengurangkan kos, memperkemaskan lagi operasi Proton melalui peningkatan kualiti, melalui perkhidmatan pengguna yang lebih baik dan juga pengurusan kos yang lebih *efficient* dengan izin. Dan memang sebenarnya Proton juga terbuka kepada usaha-usaha ikatan strategik dengan rakan-rakan yang lain dan kita lihat bahawa sebenarnya sekarang ini Proton sudah pun menandatangani MOU dengan syarikat Mitsubishi untuk usaha sama dalam pengeluaran model-model baru. Dan juga dengan Petronas sendiri untuk menghasilkan enjin

yang lebih baik dan lebih efisien. Dan saya yakin bahawa Proton akan mempunyai sikap terbuka sekiranya ada syarikat-syarikat lain di peringkat antarabangsa yang boleh dijadikan rakan-rakan strategik untuk menghasilkan perniagaan yang lebih menguntungkan Proton dalam jangka masa panjang. Terima kasih.

10. **Tuan Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejauh mana kempen memasang lampu kenderaan di siang hari satu ketika dulu berkesan mencegah kemalangan jalan raya dan kenapakah ianya dihentikan.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, kempen memasang lampu hadapan kenderaan motosikal di siang hari telah dimulakan pada bulan Julai tahun 1992 bagi mempertingkatkan kebolehan lihatan dari hadapan atau "*frontal ...crepancy*" motosikal. Peraturan ini masih dikuatkuasakan. Kajian Universiti Putra Malaysia mendapat selepas setahun kempen tersebut dilaksanakan, bilangan kemalangan yang melibatkan motosikal yang memasang lampu hadapan telah menurun sebanyak 29%. Kajian yang sama juga mendapati kadar kepatuhan pemasangan lampu hadapan kenderaan motosikal telah meningkat sebanyak 82% dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan program ini.

Pada masa sekarang, pematuhan ke atas pemasangan lampu hadapan pada waktu siang adalah tinggi iaitu hampir 100%. Ini disebabkan pengeluar-pengeluar motosikal telah bekerjasama dan mematuhi peraturan tersebut dengan mengeluarkan model-model motosikal yang mempunyai lampu hadapan sentiasa terpasang apabila enjin motosikal dihidupkan.

Tuan Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberikan jawapan tersebut. Saya melihat walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa ianya masih diteruskan tetapi di kebanyakan kalau kita lihat di jalan raya ianya semacam tidak berfungsi lagi kerana kalau kita lihat pada awalnya dulu memang saya tengok banyak orang pasang lampu di siang hari ini sebab itu saya mengemukakan soalan ini. Kerana saya lihat kadang kala kita menjalankan kempen-kempen ini seolah-olah macam *trial and error* ataupun cuba-cuba ataupun untuk eksperimen sahaja. Sebab itu kadang kala kita lihat ada kempen seperti pasang lampu, kadang-kadang ada kempen seperti pasang kotak hitam pada kenderaan berat dan sebagainya. Tetapi secara berterusannya kadang kala boleh kita pertikai kan. Jadi saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenapakah perkara ini berlaku? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kadang-kadang apabila kita menjalankan program, ianya akan dijalankan secara *trial* dan *error*. Tetapi seperti saya sebutkan tadi mengenai kenderaan, mengenai lampu hadapan kenderaan motosikal, ianya mula-mula dicuba dan seperti saya sebut, ianya nampak berkesan. Oleh yang demikian, maka Kementerian telah memohon pengeluar-pengeluar motosikal untuk mengadakan satu

sistem bagaimana apabila motosikal ini terpasang, api dia menyala terus. Jadi saya tidak tahu bagaimana perhatian Yang Berhormat bahawa ada motosikal tidak menggunakan lampu. Tetapi mengikut kajian kita hampir 100% motosikal yang ada di jalan raya kita ada memasang lampu pada siang hari.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak kaitkan soalan ini dengan soalan yang dijawab oleh Menteri awal tadi. Kita tahu sekarang ini kemalangan 4.2 bagi setiap 10 ribu dan kita mensasarkan 3 bagi setiap 10 ribu dalam tahun 2010. Saya nak tanya Yang Berhormat dalam kemalangan ini, kerajaan dah belanja banyak. Hari ini pula kita dengar walaupun saya alu-alukan keputusan PDRM untuk menurunkan kadar saman, tetapi kemalangan boleh berlaku dalam banyak perkara dan pencegahan ini merupakan salah satu faktor yang dijalankan oleh kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan supaya pemandu lebih berhemah.

Tetapi saya hendak tanya kementerian, apakah pandangan kementerian tentang tindakan PDRM menurunkan harga saman, walaupun alasannya untuk membantu kadar kenaikan harga minyak tetapi kesannya kepada kempen keselamatan jalan raya yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama saya ingin membetulkan angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, iaitu bahawa sasaran kita dalam program keselamatan jalan raya adalah untuk mengurangkan kematian kepada dua kematian bagi 10,000 kenderaan berdaftar. Yang kedua, mengenai keputusan yang dibuat oleh PDRM, itu adalah keputusan PDRM yang mereka telah memberi sebab-sebab mengapa mereka membuat keputusan sebegitu rupa.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat kita tamatkan sekarang soal jawab lisan.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2006****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin); dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2007**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2007 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada empat puluh enam bilion lima ratus sepuluh juta dua ratus sembilan belas ribu ringgit (RM46,510,219,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2007, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Bajet Persekutuan 2007, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2006, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang berseentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan." **[4 September 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan mengenai bajet di sambung semula, saya jemput Yang Berhormat bagi Larut untuk menyambung ucapan dalam perbahasan ini.

11.31 pagi

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

meneruskan perbincangan Bajet tahun 2007 yang telah dibentangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat yang lalu. Sebelum itu, hari ini kita telah mendapat berita yang menggembirakan di mana dua orang anak watan kita, anak Malaysia yang telah dinamakan sebagai bakal angkasawan kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan mesyuarat*]

Hendak ucap tahniah kepada Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan juga doktor pergigian Angkatan Tentera Malaysia Kapten Dr. Faiz Khaleed yang akan berlatih selama 12 bulan di Rusia. Mereka ini adalah di antara yang terbaik yang dipilih daripada kalangan 11,000 orang rakyat Malaysia. Insya-Allah mudah-mudahan dengan adanya kesungguhan kerajaan, pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kecuali pembangkanglah, yang langsung tidak boleh menerima kebaikan, Yang Berhormat bagi Kepong mungkin boleh terima. Kita berharap usaha ini akan dapat menjadi kenyataan.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Maran minta laluan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Hendak tanya dah? Sikit sahaja, saya sambung sikit sahaja, biar saya habiskan dulu, saya akan bagi. Sekurang-kurangnya selain kita dapat merealisasikan usaha kita dari teknologi yang kita usahakan, kita jangan lupa, secara tidak langsung hubungan kita dengan negara Rusia. Mudah-mudahan ikatan kerjasama ini akan dapat diteruskan dalam semua bidang bagi kebaikan dan masa depan kita.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada dua angkasawan kita. Saya hendak tanya Yang Berhormat, apakah ertinya ini semua? Apakah dia menunjukkan sebenarnya rakyat kita ini mempunyai kebolehan yang lebih, bukan sahaja di negara kita, bahkan di peringkat antarabangsa. Dan saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, sebab di belakang kita ini ada pelajar-pelajar yang sedang belajar, apakah harapan Yang Berhormat kepada pelajar-pelajar kita di belakang ini? Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan cepu emas. Ini akan menjadi satu semangat, satu galakan kepada pelajar-pelajar kita yang berada di dalam Dewan ini, yang boleh dikatakan sentiasa dipenuhi dengan pelajar-pelajar sejak akhir-akhir ini hendak melihat wakil-wakil rakyat terutamanya daripada

Barisan Nasional, yang selalu mengeluarkan hujah-hujah yang bernas, yang boleh memberikan kebaikan dan manfaat. Inilah di antara proses kejayaan modal insan yang kita terapkan dalam menjayakan segala rancangan untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang maju, lebih-lebih lagi dalam mencapai impian kita menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan ucapan saya ini hendak memulakan dengan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia tidak bagi susah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebelum melangkah ke tajuk yang lain, saya terpanggil berhubung dengan pemilihan dua orang angkasawan kita, iaitu setelah melalui proses pemilihan yang ketat. Sebab banyak juga, dua, tiga orang juga pencabar-pencabar yang tidak kurang hebatnya. Akhirnya dua orang yang terpilih, iaitu satu orang kapten dan seorang lagi doktor. Dan mereka ini membuat kajian, bersama-sama dengan *scientist* di Rusia iaitu dalam bidang bio-tek dan pertanian. Jadi kita sama-sama berdoa mudah-mudahan mereka ini boleh berjaya membawa misi negara. Dan mereka ini pada saya merupakan modal-modal insan yang bukan sahaja menjadi *role modal*, bahkan mungkin boleh menjadi insan-insan generasi baru sebagai pemangkin, khususnya kepada modal-modal insan kita, seperti pelajar-pelajar kita yang ada pada hari ini.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat juga ada keyakinan yang sama bahawa mereka boleh mencapai misi ini dan membawa, menggalas harapan negara, untuk membuat satu *research* yang bermakna untuk masa depan bio-tek kita, sehingga hari ini pun dipanggil bio-tek, tetapi belum berlaku juga, saya tidak tahu apa sudah jadi dengan kementerian dan menteri dia, yang diberi amanah oleh kerajaan. Tidak juga ada bio-tek yang uar-uarkan. Wang diumumkan kerajaan berjuta-juta tetapi tidak sampai kepada rakyat, minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Insya-Allah saya yakin dan percaya, ia akan mencapai satu kejayaan untuk negara kita. Janganlah Yang Berhormat bagi Kinabatangan bimbang. Insya-Allah kalau ada kelemahan dalam mana-mana pihak yang Yang Berhormat sebut tadi, kita menyeru, kita menggesa supaya ia dapat diperbaiki. Supaya segala impian kita akan menjadi kenyataan, tidak hanya setakat menjadi angan-angan Mat Jenin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Budaya negara kita, kita sering memberi pujian yang tinggi kepada rakyat, masyarakat, individu yang

mencapai kejayaan untuk negara. Angkasawan kita belum naik lagi kita sudah puji habis-habis. Pendaki Everest kita yang dulu, dua orang berjaya, kita puji. Nicol dalam bidang sukan, kembali pada *first time* mendapat *ranking* pertama dunia, kita puji.

Tetapi rakyat Malaysia juga mempunyai budaya untuk cepat lupa terhadap kejayaan yang dicapai oleh seseorang. Nicol apabila kalah selepas beberapa perlawanan, seolah-olah di kecik dengan kata-kata yang tidak serupa ketika mencapai kejayaan. Begitu juga pendaki Everest, terlupa, sehingga meninggal, kemudian barulah diberi pekerjaan kepada isteri dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat melihat bahawa ini perlu diubah, masyarakat kita perlu diubah, dan kejayaan yang memberi nama kepada negara itu, harus tidak mudah dilupakan oleh negara kita. Apa cadangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat. Kita tidak mudah lupa, bukan setakat kita memuji, tetapi kita ada keyakinan.

Kita mesti ada keyakinan yang kita boleh, Malaysia boleh. Bukan setakat pergi ke angkasa, kita sudah pergi ke Antartika, kita sudah mencapai impian rakyat Malaysia kita menyeberangi Selat Inggeris dalam kesejukan dan tidak lama lagi kita mungkin pergi ke selat lain pula. Kita telah mencapai beberapa kejayaan yang lain yang mungkin Yang Berhormat telah tahu, bukan setakat memuji tetapi kita ada keyakinan. Jangan bimbang. Jadi dengan adanya keyakinan ini, kita boleh, Malaysia boleh, insya-Allah ia akan terus membakar semangat rakyat kita untuk terus mencuba perkara-perkara dan impian-impian yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan Ketua Setiausaha Negara yang baru, Yang Berbahagia Tan Sri Sidek Hassan yang menggantikan matan KSN kita, Yang Berbahagia Tan Sri Shamsudin Osman yang telah bersara wajib. Mudah-mudahan dengan pelantikan KSN yang baru ini, ia bukan sahaja akan menjalinkan hubungan yang erat, silaturahim yang sedia terjalin dengan kita, Ahli-ahli Parlimen, wakil-wakil rakyat, ia juga akan terus menjadi *role model*, pemangkin, terutama sekali dalam memastikan sistem penyampaian, *delivery system* yang kita uar-uarkan, yang kita sentiasa bangkitkan, yang kita utarakan dalam sidang Parlimen ini.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Pemangku Presiden BBC. Ucapan sulung daripada Presiden yang saya alu-alukan. Ini mengenai pelantikan KSN baru ini, saya teringat semasa kita membahaskan satu isu besar dalam Dewan ini iaitu isu AP, ada seorang Ketua Setiausaha menulis surat kepada semua Ahli Parlimen dan kalau tidak silap saya, surat itu adalah ditandatangani oleh yang baru diangkat naik

jadi KSN ini dan semua kita berpendapat bahawa surat tersebut sebenarnya adalah perbuatan yang silap kerana KSU tidak harus menulis kepada Ahli Parlimen.

Dia harus menulis kepada menterinya dan menterinya yang melapor kepada kita atau menjawab kepada kita dan itulah sebenarnya yang menjadi masalah dalam hal Kastam, dia cuba hendak jawab. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sebagai Pengerusi BBC, perbuatan itu kita akui semuanya tidak betul. Jadi saya mengharapkan Yang Berhormat boleh menyeru beliau. Bila sudah menjadi KSN ini, janganlah ulang benda-benda seperti ini sebab KSN ini adalah jawatan yang terbesar dan merupakan *role model* kepada semua pegawai PTD. Terima kasih. Minta komen.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Barangkali mungkin ada arahan ketika itu. Jadi tidak tergamak kita kalau hendak mengatakan kebocoran atau ketirisan. Jadi kita berharap supaya ini tidak akan berulang sewaktu beliau berada di pejabat sebagai KSN yang baru dan juga kita berharap dan menyeru dan memberi nasihat supaya janganlah berlaku kesilapan lagi sebagaimana matan KSN yang sudah bersara ini sehingga tersasar, hingga tergamak untuk mengkaji *immunity* Ahli-ahli Parlimen yang menjadi hak dan kebebasan kita.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya juga mengingat perkara lama. Sebelum setiausaha kerajaan yang lama letak jawatan, ada pernah dicadangkan supaya pihak Peguam Negara mengkaji semula hak dan kebebasan Ahli Parlimen supaya diubahsuai. Jadi ini adalah pada saya sebagai satu pencabulan kepada Parlimen, *contempt of Parliament*, tidak ada siapa pun boleh mengkaji hak-hak Parlimen ini selain daripada Parlimen ini sendiri dan Ahli Parlimen ini sendiri. Jadi saya berharap apa yang disebut oleh Ketua Setiausaha yang lama bukan menjadi bekalan yang akan disusun oleh Ketua Setiausaha yang baru. Jadi macam mana pendapat Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong, orang yang berpengalaman. Saya setuju. Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ada membuat kenyataan bahawa hak dan kebebasan kita ini biarlah seperti itu dan kita tidak mahu Parlimen ini mati sekiranya kita setakat hanya menjadi *rubber stamp* kerana kita dipilih oleh rakyat. Kita ada pengundi-pengundi kita yang akan menentukan kita setiap lima tahun. Itu kalau pilihan raya diadakan setiap lima tahun.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita ini sebagai wakil rakyat ditegur, dilihat oleh pengundi-pengundi dan kita terima, siapa pula yang hendak menegur kakitangan kerajaan? Sudah tentulah kita sebagai penggubal undang-undang yang akan menjadi mata dan telinga

untuk menentukan mereka ini sebagai pelaksana, menjalankan segala tanggungjawab memastikan segala program, rancangan, projek atau apa juga yang ada kebaikan untuk memastikan pembangunan kita ini terus berjalan dengan baik dapat dilaksanakan. Jangan campur urusan kita.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Parit bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dan kita tidak akan mencampuri urusan mereka kecuali kalau berlaku kelewatan atau kelembapan, salahkah kalau wakil rakyat kalau memberi teguran yang membina? Kita tidak mahu menjadi pembangkang yang hanya melemparkan tohmahan dan kritikan tetapi tidak ada modal langsung tentang pandangan-pandangan yang positif. Malah mereka hanya balik dengan modal-modal lama yang sudah lapuk yang orang sudah jemu hendak mendengar segala hujah mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu pun masih ada lagi peluang untuk mereka menang dalam pilihan raya. Sila Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya juga seperti rakan-rakan lain mengalu-alukan pelantikan Ketua Setiausaha Negara yang baru. Mudah-mudahan dengan pelantikan beliau, beliau membuat banyak reformasi di dalam pentadbiran awam. Jadi saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat harapkan daripada KSN yang baru ini, khususnya dalam memperbaiki perkhidmatan awam.

Adakah Yang Berhormat mengharapkan misalnya supaya satu hari nanti dalam masa terdekat Ketua Setiausaha Negara yang baru ini ingin berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen bagi maksud untuk kebaikan, memperbaiki mutu perkhidmatan awam di samping menjelaskan perkara-perkara berkenaan dengan pembangunan dan pentadbiran negara. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit, bekas anggota tadbir. Secara realiti, secara fakta, tidak mungkin dalam tempoh satu tahun, beliau kalau ikut usianya dalam perkhidmatan kerajaan boleh melakukan perkara yang banyak melainkan meneruskan apa juga tanggungjawab. Yang penting, tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan. Kita mengalu-alukan. Bukan apabila kita memberi teguran, pandangan, mungkin ada sedikit kritikan bahawa kita hendak bermusuh dengan mereka, tidak. Apabila ada kepentingan anggota kerajaan di sini, kita menyokong, kita mengalu-alukan bonus dua bulan gaji. Kalau kerajaan hendak bagi lebih pun, kita menyokong,

kita mengalu-alukan. Kalau ada kenaikan pangkat, kita menyokong tetapi sabar sedikitlah kalau kenaikan pangkat ini.

CUEPACS ini janganlah mudah sangat melatah, seolah-olah tidak berpuas hati dengan apa yang diberikan oleh kerajaan. Sabar sedikitlah. Bukan kerajaan langsung tidak mengambil berat.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukankah Perdana Menteri sendiri telah memberi satu pandangan, satu pemerhatian tentang kakitangan kerajaan. Kalau tidak, masakan bajet kita hari ini kita lihat bagaimana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bagaimana... Yang Berhormat bagi Sri Gading.

[Dewan ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum w.b.t., salam sejahtera, selamat pagi. Saya mengikuti secara dekat, secara teliti, secara khusyuk ucapan pemangku...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Pengerusi...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Sorry*, Pengerusi BNBBBC yang sulung selepas bajet hari Jumaat 1 September yang lalu. Saya hendak bertanya kepada beliau...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak dengar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Suara kecil badan besar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apabila menyentuh tentang KSN yang baru, KSN yang lama masing-masing ada jasa, masing-masing ada kelayakan. Cuma saya ada sedikit cadangan, pandangan. Cadangan dan pandangan sama tidak?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bolehlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh ya, yang penting Yang Berhormat bagi Larut faham dan saya hendak menyeru kerajaan. Menyeru itu apa maknanya?

Seorang Ahli: Meminta.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Meminta, bukan mengarah atau boleh kita gunakan perkataan mengarah kerajaan atau yang lebih lembut, memohon. Mana mana kakitangan kerajaan di mana sahaja peringkat apabila telah bersara wajib, wajiblah bersara. Jangan disambung-sambung. Kerana kalau kita menyambung perkhidmatan seseorang, kakitangan kerajaan yang di atas, yang di bawah tidak akan dapat muncul ke atas

Tuan Yang di-Pertua. Satu tindakan yang kurang adil kepada kakitangan kerajaan di bawahnya dan orang yang bersara ini sebenarnya, apabila kita sambung, dia bukan soal-soal lain lagi kerana dia sudah fikir hendak bersara sahaja, tidak ada apa benda yang untung kepada kerajaan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak proaktif...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak proaktif lagi kerana dia pun tahu akan bersara. Jadi saya berharap kerajaan pegang dasar ini apabila sudah bersara 56 tahun tamat, supaya timbalan-timbalan yang juga ingin jawatan yang tinggi, gaji yang tinggi dalam mereka hendak bersara satu dua tahun lagi, dapat merasai nikmat ini. Ini sudah setahun lagi hendak bersara si kawan dia atas disambung lagi, sampai 56, yang bawah dulu ini gugur, yang di atas tidak gugur. Sistem ini tidak terpakai dalam alam Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sistem DAP yang pakai.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP lainlah, dia punya Pengerusi tidak jadi Ketua *Backbencher*, itu lain. Sistem itu memang sudah tidak boleh pakai.

Beberapa Ahli: Ketua Pembangkang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ketua Pembangkanglah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan Ketua *Backbencher*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tersebut *backbencher* ya, salahlah.

Sepatutnya...

[Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ketua Pembangkang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pengerusi DAP jadi Ketua Pembangkang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tetapi, dia bagi laluan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tetapi, Pengerusi DAP dia baik, dia bagi orang lain jadi Ketua Pembangkang. Walhal Ketua Pembangkang ini ada elaun, sepatutnya dia yang berhak kan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Betul, betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia pun berpengalaman, dia lama, dia pandai, dia bijak. Tetapi, apa hendak buat. Jadi...

Seorang Ahli: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sekejap lagi.

[Dewan ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut hendak bagi laluan, terpulang kepada Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia bagi Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sekarang siapa ucap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sekarang Yang Berhormat bagi Sri Gading berucap.

[Ketawa]

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Mana pula berucap, bertanya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sri Gading mencelah. Jadi saya berharap Tuan Yang di-Pertua, kasihanlah kepada kakitangan kerajaan sudah 33 tahun lebih khidmat, dengan cemerlang, pandai yang di atas dengan yang di bawah, yang nombor dua, nombor tiga nombor empat, nombor lima ini lebih kurang sahaja pandai dia. Kadang-kadang yang bawah ini lagi pandai, tetapi tidak ada peluang.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Dia pandai angkat telur.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tolonglah, kerajaan tolonglah. Bertimbang rasalah pegawai-pegawai kerajaan yang berpengalaman...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ... ini yang tidak dapat peluang naik ke atas kerana mungkin apa agaknya alasan pilih kasih? Kerana apa, *nepotism*? Saya tidak menuduh sesiapa, tetapi kan? Ini harap agaknya sudah jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baiklah Yang Berhormat bagi Sri Gading, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dan saya harap Yang Berhormat bagi Larut menjadikan ucapan saya ini sebagai sebahagian daripada ucapannya. Tidak payah dijawab. *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, saya faham. Saya setuju, memang betul. Ramai lagi yang menunggu untuk mendapat peluang dan kita tidak nafikan, mungkin sudah menjadi rezeki seseorang itu berada di atas dan tidak semestinya mereka ini yang berada di atas merasakan bahawa dia hebat daripada mereka yang di bawah. Dia kena juga lihat kepentingan-kepentingan apabila berada di atas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Maka sebab itu kita berharap barangkali kalaulah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini seorang yang prihatin, saya yakin dan percaya, apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi perhatian kepada perkara-perkara yang kami bangkitkan di Parlimen ini, bukan pembangkang, Barisan Nasional, Perdana Menteri juga akan menimbang apa yang telah kita luahkan pandangan-pandangan termasuklah berhubung dengan kedudukan pelantikan KSN di masa yang akan datang, sila Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak persembahkan apa yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sekarang kita ada masalah kerana ramai orang berpendapat kita *extend*, atau kita sambung perkhidmatan pegawai kerana perkhidmatannya diperlukan, sebab itu kita sambung dan ini bukan sekali, banyak kali dan ramai orang. Mesti ada sebab, mesti ada alasan, mesti kukuh alasannya. Untuk menyelesaikan masalah ini, pada saya mudah sahaja, tidak payah kita bergaduh soal siapa hendak *extend*, siapa tidak *extend*. Kita bawa sahaja pindaan dengan segera ke Parlimen ini memanjangkan tempoh perkhidmatan awam, pencennya tidak lagi 56, tetapi 60 tahun. Selesai masalah. Sebab kita tengok sekarang ini pun, mantan KSN umur dia sekarang 58 atau 59, dia masih sihat. Kalau sambung lagi pun dia boleh, tetapi kalau persaraannya 60 tahun, semua...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak payah panjang-panjang.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: ... orang akan dapat rasakan bahawa persaraan adalah 60 tahun. Jadi tidak timbul masalah kenaikan pangkat orang bawah tidak dapat dan ini telah diamalkan di banyak negara Yang Berhormat. Di Germany 65 tahun, di Singapura 60 tahun.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tidak payah, bagi peluang kepada orang lain, tidak payah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *No, no.* Yang Berhormat tidak faham, ini bukan soal bagi peluang, semua orang akan dapat peluang. Semua orang dapat peluang sebab semua orang pencen 60 tahun. Cuba faham betul-betul. Bukan kata sambung, semua kakitangan awam pencen umur 60 tahun. Kerajaan pun jimat sebab tidak payah...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya ingat tidak ada orang 60 tahun ada sihat, ada tidak sihat.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: ... sebab semua orang akan dapat pencen 60 dan yang umur di bawah itu akan menggantikan dia dan kerajaan pula bayaran pencennya tentulah akan kurang sebab 60 baru pencen. Kerajaan pun jimat, rakyat pun suka, tidak ada lagi *extension*, tidak timbul perbalahan. Itu cadangan saya, kalau boleh terima, terimalah. Bukan Yang Berhormat terima, kerajaan, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Saya percaya pandangan Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan oleh kerajaan dan kita serahlah kepada Perdana Menteri untuk menilai segala pandangan yang telah diberikan.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak ucapkan syabas kepada kastam, kerana hari ini...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bintulu bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nanti saya belum habis lagi. Sekejap. [Ketawa]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini kastam belum, dia mahu tanya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang mana itu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang tadi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: JPA.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ok.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Sekali-kali bandar lupa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita berbincang tentang KSN. Tetapi, adakah kita perasan atau tidak, sistem penyampaian kita dalam kerajaan ini, kadang-kadang saya pun tidak faham. Banyak jawatan yang kosong, tidak diisikan, tunggu bertahun-tahun pun tidak diisi. Kita pun tidak tahu, ini salah siapa? Salah JPA kah, salah KSN kah, kita tidak faham. Kita tanya JPA, JPA cakap belum dapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

Apa kena-mengena isi jawatan kosong mahu tunggu Kementerian Kewangan? Ini satu masalah. Satu masalah lagi kalau ada kekosongan mahu isi, kita keluarkan notis hendak cari orang bekerja dan orang bagi dia punya pengalaman macam-macam. Hantar ke JPA melalui sistem automatik untuk mengambil orang bekerja. Tapi sistem ini kadang-kadang saya pun tidak faham juga. Kita sebagai Wakil Rakyat tengoklah pengalamannya cukup, memang cukup hebat tapi melalui JPA tidak dapat. Tapi kita tengok ada orang lain yang pengalamannya memang tidak hebat atau *you* tengok pengalamannya pening kepala. Tapi dia masuk jadi pegawai kerajaan.

Ketiga, contoh macam Imigresen. Imigresen ini patut jadi satu ketua pengarah ataupun dalam ketua jabatan mestilah daripada imigresen, dari bawah naik pergi atas. Tapi saya difahamkan baru-baru ini Ketua Pengarah Imigresen bukan dari Jabatan Imigresen tapi dari luar. Saya mahu tanya ini JPA kah ataupun.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cepatlah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Perlahan-lahanlah.pandangan Yang Berhormat bagi Larut macam mana. Pegawai daripada luar JPA hantar dia pergi kepada Ketua Pengarah Imigresen Malaysia ini dia ada cukup pengalamankah jalankan tugas di Jabatan Imigresen. Saya difahamkan dia dahulu daripada SDO dari Kuching, Sarawak tapi sekarang masuk jadi Ketua Pengarah. Dia dahulu cakap projek, sekarang mahu cakap manusia. Macam mana hendak buat? Minta pandangan sedikit, sila.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya simpatilah dengan Yang Berhormat. Ini memang saya hendak sentuh tapi Yang Berhormat sudah sentuh dahulu. Kita berharap ini akan jadi satu tindakan yang perlu dibuat dalam memastikan *delivery system* kita. Itu tanggungjawab dan kita berharap Ketua Setiausaha Negara kita yang baru ini dapat

turun ke bawah berjumpa dengan semua ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan. Mungkin beliau sudah ada rancangan-rancangan kerana kita mahu lihat dengan lebih telus untuk memastikan apa juga ketirisan dan kelemahan-kelemahan yang berlaku dan saya setuju dengan Yang Berhormat bahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sendiri telah mengarahkan supaya pengisian 30,000 jawatan kosong ini disegerakan.

Saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, pernah duduk bersama dengan seorang pegawai daerah bertanyakan masalah yang beliau hadapi. Dia bagi tahu saya dia pegang jawatan lebih daripada 200. Jawatankuasa yang macam-macam semua dipikul. Saya bertanya kalau begitu macam mana dia hendak melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan licin. Saya tanya apa masalahnya. Dia bagi tahu dia tidak ada penolong. Pengisian Penolong Pegawai Daerah ini tidak dilakukan, lewat. Macam-macam masalah. Saya hendak tanya pada Jabatan Perkhidmatan Awam apa masalah yang sebenarnya? Peruntukan? Kita ada bajet kita. Apakah tidak ada calon yang layak? Mustahil. Sedangkan kita menghadapi siswazah menganggur. Berapa puluh ribu? 40,000. Itu yang kita tahu. Yang kita tidak tahu, yang tidak berdaftar dengan kita?

Jadi saya berharap dan kita berharap lihatlah perkara ini. Bukan tujuan kami semata-mata suka hendak menimbulkan, menuding jari tetapi yang penting di sini ialah hendak memastikan impian negara kita.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Jasin bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Impian Yang Berhormat bagi Jasin. Sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Larut. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mengajukan kepada kerajaan lebih-lebih lagi kerajaan sekarang sudah ada Ketua Setiausaha Negara yang baru bahawa masalah yang kita hadapi pada hari ini yang sentiasa disebut oleh pucuk pimpinan kita ialah tentang *delivery system*. Kita akan luluskan bajet yang ini yang mana bajet mesra rakyat hendak membantu orang luar bandar, hendak bantu semua rakyat Malaysia tetapi malangnya kita masih sangsi bagaimana benda ini hendak turun ke bawah.

Adakah Yang Berhormat bagi Larut bercadang kepada Ketua Setiausaha Negara yang baru ini kena *re-overhaul* balik struktur pentadbiran negara, bawa sampai ke daerah supaya matlamat dan tujuan kerajaan dalam bajet ini hendak membantu rakyat ini dapat direalisasikan. Apa pendapat Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya setuju seperti yang saya kata awal-awal tadi. Tapi janganlah sampai kita hendak *re-branding* kesemuanya. Kita tengoklah. Macam tadi saya hendak sebut

tentang kastam. Tahniah kerana Ketua Pengarah Kastam dalam kenyataan beliau hari ini yang saya baca yakin bahawa KDRM, yakin untuk mengutip cukai sebanyak RM25 bilion Tuan Yang di-Pertua, tahun ini. Syabas dan tahniah dan sudah ada tanda-tanda apabila galakan di beberapa buah negeri termasuk di Melaka, Yang Berhormat bagi Jasin. Ini satu benda yang baik kita mengalu-alukan. Ini pendapatan negara kita. Untuk terus mengadakan pembangunan tidak kiralah sama ada di Semenanjung, di Sabah ataupun di Sarawak. Itu yang kita hendak. Cuma yang saya hendak bertanyalah tentang.. "tirulah saya". Ini yang *re-branding* "tirulah saya" ini saya rasa kalau boleh semua ikut *style* masing-masing semua agensi ada baiknya kalau kita tirulah Perdana Menteri kita. Apa yang dia telah cakap, apa yang telah diluahkan sama dari dalam bajet ini atau di mana-mana juga itu yang harus kita tiru dalam sistem penyampaian kita.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini amat mustahak. Sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Baru-baru ini saya dan rakan-rakan ada menegur kastam dan banyaklah rentetan daripada keluarga-keluarga kastam ini menyatakan kita tidak adil sebab mengkritik agensi tersebut. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, apa salahnya kita meluahkan masalah yang dihadapi oleh rakyat dan kita tidak pernah menyatakan bahawa semua anggota kastam itu korupsi ataupun tidak menjalankan tugas-tugas mereka. Hanya sebilangan kecil di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan kastam itu memang ada unsur-unsur rasuah dan saya tidak menuduh, saya dengar orang cakap. Apa orang cakap saya sampaikan. Kenapa orang kastam marah dekat saya?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa mereka suruh sampaikan selaku Wakil Rakyat perantara antara rakyat dengan kerajaan saya sampaikan. Tabik ke, apakah memang itu yang rakyat suruh saya tanya. Kenapa mahu marah saya? Kalau mereka ada rasa bersalah - *siapa makan lada dia rasa pedas. Siapa makan nangka dia kena getah.* Yang lain-lain saya percaya masih ramai anggota kastam yang menjalankan kewajipan dan amanah yang telah diberikan oleh kerajaan. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya setuju pandangan Yang Berhormat. Sekali lagi saya nak sebut di sini bahawa kita tidak langsung berniat untuk bermusuhan dengan sesiapa, dengan mana-mana pihak. Percayalah cuma apa yang kita sampaikan ini sebagai mana Yang Berhormat bagi Kinabatangan kata tadi adalah luahan dan rintihan rakyat sama ada yang kami wakili ataupun

pada rakyat keseluruhannya yang meletakkan harapan pada semua agensi kerajaan untuk terus melaksanakan tanggungjawab ini dengan telus.

Sebab kami, wakil-wakil rakyat sebagai penggubal dasar ada *accountability* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini kita kena faham. Sudah tentu mana-mana wakil rakyat yang bercakap ia memberi pandangan, bertanggung jawab dengan apa yang diluahkan. Bukan kita bercakap dengan membabi-buta. Tidak! Kita menyampai. Ini sistem penyampaian, *delivery system* yang dilakukan oleh wakil rakyat. Itu dia! Menyampaikan masalah rakyat. Isi hati rakyat. Itulah *delivery system* yang perlu kalau hendak tiru. Jangan pandang serong kepada kami, tidak! Kalau ada barang kali Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bangun*].

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Yang di-Pertua pun tahu, segelintir kalau ada. Kalau tidak, tidaklah. Betulkan. Sebagaimana Yang Berhormat bagi Bintulu, hendak bercakap. Silakan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Kita ini dalam sistem pengurusan yang menyusahkan. Menyusahkan rakyat. Contoh, macam dalam permohonan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, menyusahkan ke menyelesai?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Menyusahkan.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ingat menyelesaikan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bukan menyelesaikan, menyusah. Menyusahkan. [*Ketawa*]. Kita kalau mahu memohon visa ataupun *work permit* sebagai contoh daripada imigresen. Saya kasi sebut ada panjang sedikit Tuan Yang di-Pertua. Kita terang sedikit. Contoh, daripada pertama kita pergi imigresen, kita kalau memohon *work permit*, mestilah kita ada surat kuasa daripada syarikat, isi borang TP10, surat permohonan syarikat, carta organisation, salinan ROC, Borang 9/24 dan 49 dan lain-lain maklumat. Salinan kontrak kerja, salinan *resume* dan sijil pengalaman, salinan passport. Dalam proses TP10, kalau dapat kelulusan, kalau tiada apa-apa *query*, mahu setakat sebulan setengah. Paling cepat pun mahu sebulan. Kalau sudah *query*, tidak tahulah berapa bulan. Selepas ini lulus, barulah masuk lagi TP11. TP11, kurang lebih sama juga. Hantar lagi surat daripada syarikat. Jika daripada negeri China, diperlukan 2 salinan. Surat kuasa lagi semula daripada syarikat, kontrak lagi, pengalaman lagi, salinan passport lagi, borang 9/24/49 lagi. Macam mana *submit* lagi sekali? Daripada sini, sekurang-kurangnya mahu 3 minggu ataupun sebulan, baru tahu luluskah tak lulus lagi. Ada lagi macam-macam panjanglah. Kalau ini saya baca habis, serupa macam saya berucaplah. Tadi saya mahu tanya Imigresen ini. Apa susah sangat kita proses orang bekerja dari luar asing? Kita terus teranglah apa syarat kita mahu satu kali isi borang? Janganlah TP10, TP11.

Saya difahamkan dalam ini *meeting*, kurang lebih pun sama juga orang itu. Bukan ada orang lain. Isi, mahu hantar borang sepuluh kali, bikin apa? Hantar lagi maklumat-maklumat daripada syarikat, dua tiga kali. Untuk apa? Ini tidak tunjuk satu *delivery system* yang paling teruk dalam jabatan kita. Kita hantar banyak-banyak dokumen pergi kepada kita. Kita ada bacakah? Dokumen itu kita taruk mana? Saya difahamkan daripada seorang pegawai, dokumen itu semua simpan di bawah lantai sahaja. Saya tanya pegawai itu, simpan bawah lantai sana, bikin apa? Dia cakap, kita pun tak tahulah. Besok cari stor, kasi mahu stor sahaja semua. Apa bikin kasi susah sama korporat semua? Kita hendak tunjuk kepada Perdana Menteri, kita dari jabatan, rajin kerjakah? Semua penuh kertas, jabatan! Semua pun tak baca! Ambil berapa tahun, baru boleh lulus. Saya difahamkan, satu korporat bagi tahu, dia minta kelulusan daripada jabatan imigresen untuk visa sahaja. Lapan bulan belum lulus lagi. Sampai bulan sembilan, lulus. Lulus satu tahun. Tinggal lagi tiga bulan, dia sudah habis. Apa bikin? Untuk apa? Jadi ini sistem apa? Sila. [*Dewan riu menyampuk*].

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Kalau betul, apa yang didakwa oleh Yang Berhormat bagi Bintulu, perlu diambil perhatian dan tindakan. Berbalik kepada sistem penyampaian. Kita tidak mahu ibarat kata pepatah, 'gajah di depan mata kita tak nampak, kuman di seberang laut yang kita nampak'. Dalam kita menggalakkan kemasukan pelancongan ini, kelonggaran yang kita berikan. Kita jangan lupa, masalah-masalah dalaman. Ini perlu diberikan perhatian.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Bangun*].

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sudah tentu Yang Berhormat bagi Bintulu bawa perkara ini, beliau bertanggung jawab dengan masalah yang timbul, Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap...

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...janganlah bila Yang Berhormat bagi Bintulu bawa, nanti besok ada perasaan berdendam kita tidak mahu. Jangan!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: [*Bangun*]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua Yang Berhormat bangun. Yang Berhormat Jasin dengan Bintulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau ada yang kita bangkitkan, ini adalah perkara yang telus. Supaya masyarakat kita lihat, kita benar-benar bertanggung jawab dan menjalankan tanggung jawab kita.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat Bintulu, nak bertanya lagi? Ya, sila.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, terima kasih. Ini satu permohonan. Saya difahamkan, kalau itu korporat. Kalau ada lima pegawai memohon *work permit* daripada jabatan imigresen. Dia mahu hantar lima set tahu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Haiyo!!

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ada itu kilang punya, bagi tahu sama saya, satu kali kalau dia memohon orang luar asing bekerja, dia mahu pakai lori kecil hantar dokumen kepada imigresen satu kali. Satu kali satu set, satu kali satu set, mahu masuk. Apa bikin? Satu *company*, satu set cukuplah!! Apa bikin kita mahu banyak-banyak set? Untuk apa? Macam tadi saya terangkan. Minta sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jasin bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekejap. Tuan Yang di-Pertua, inilah dia. Saya berharap, perkara ini amat serius. Mintalah kalau boleh pihak atasan, terutamanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Ini pun satu masalah juga. Kalau betul, ini kalau betul Tuan Yang di-Pertua. Menteri pun kadang-kadang ada kuasa kononnya. Tetapi...

Beberapa ahli: *[Menyampuk].*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini bukan tuduhan. Yang Berhormat Menteri kita ada di sini. Kononnya, pegawai bawahan tidak mahu dengar pula cakap menteri ini. *[Disampuk].* Jadi bagaimana?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Pengangkutan ada rajin.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau rata-rata, rakan saya daripada menteri sendiri mengeluh. Bukan dakwaan!!

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Menteri mengaku. Berkenaan tak ada mari. Banyak malas!!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini berlaku. Ini satu pandangan yang tidak sihat. Kalau menteri di sini yang ada kuasa tidak diendahkan, bagaimana?

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya percaya menteri ada kuasa. Kuasa itu diberikan oleh Parlimen ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun].*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun].*

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam Yang Berhormat, dua orang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Fasal Yang Berhormat Jasin nak bertanya, silakan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bintulu sahabat saya tadi, memang benar benda ini berlaku daripada dahulu sampai sekarang. Inilah menyebabkan banyak FDI-FDI, pelabur-pelabur takut hendak datang ke negara kita, salah satu sebab ini.

Pelabur-pelabur Tuan Yang di-Pertua yang sudah duduk di dalam negara kita, sudah melabur, buat kilang, buat apa semua. Kalau dia hendak bawa dia punya *senior management* hendak datang duduk sini lama sikit, kalau visa pun susah hendak dapat. Macam mana kita hendak suruh dia kekal? Jadi, kita marah pada hari ini. Banyak kilang tutup, pindah ke India, pindah ke negeri China. Yang sebenarnya, mereka lebih seronok di Malaysia, kerana pekerja-pekerja Malaysia ini, mahir! Tetapi oleh sebab *senior management*nya. *Senior management* ini, hendak minta *multiple* visa pun susah!! Kita bercakap tentang *paper less government*. Mengapa borang-borang ini ada lagi? Satu .. eh! Tuan Yang di-Pertua, kalau satu DP ini, yang profesional punya visa satu orang, dia punya *paper work*, macam ini tebal. Macam-macam dia hendak. Akaun syarikat berapa tahun, borang ini, borang itu, borang ini, borang itu. Kalau dia pakai lima orang profesional, itu yang dicakap oleh Yang Berhormat bagi Bintulu. Satu lori!

Tetapi hari ini kita bercakap berkenaan dengan IT, *paperless government* dan sebagainya. Mengapa tidak boleh buat ini? Oleh kerana *paperless*, *paperless* ini Tuan Yang di-Pertua, susah hendak kautim.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Susah hendak kautim. Tidak boleh kautim. Tetapi kalau pakai borang, yang ini salah sikit, silap ejaanlah, apa semua kau datang balik. Kena tiga, empat kali Tuan Yang di-Pertua, selesai. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Saya tengok Yang Berhormat Menteri sebelah sana pun mengangguk. Ha, betullah itu. [Ketawa] Jadi inilah dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia tidak terlibat Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak terlibat. Dia Kementerian Pengangkutan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak apalah. Tidak kata Kementerian Pengangkutan. Itu sebagai contoh. Bila mengangguk itu, makna orang setuju. [Ketawa] Yang Berhormat Menteri itu setuju. Terima kasihlah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sudi mendengar kita berbahas hari ini. Sekurang-kurangnya ada juga Yang Berhormat Menteri yang boleh menyampaikan kepada rakan-rakan yang lain. Memang betul

delivery system kita. Semalam Tuan Yang di-Pertua kebetulan, kami ini buat *homework*, bukan tidak buat *homework*.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekejap. Sebelum masuk dadah, sekejap ya. Saya hendak... [*Ketawa*] [*Dewan gamat seketika*]. Semalam, kebetulan...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [*Masih berdiri*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia belum bagi Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekejap, saya akan bagi. Sebelum kita pergi ke.... Seorang bekas pegawai yang pernah berkhidmat begitu lama di Bursa Saham Kuala Lumpur, dia kata bajet ini bagus. Saya jumpa Mufti Perak, dia panggil saya kebetulan, bagus dia kata. Memuji dengan insentif. Hari ini kita tengok indeks di bursa saham, naik. Yang Berhormat bagi Jasin lebih tahu. Dia kata bagus sebab insentif yang diberikan oleh Perdana Menteri kita. Perdana Menteri kitalah, dia bentang bajet ini, dialah. Pembangkang kita cakap pun tidak ada makna dia, tidak ada dalam ini.

Kalau dia anak jantan, duduk dalam Parlimen. Itu kita bagi pengecualianlah sebab dia bos. Saya jumpa dia. Dia datang jumpa saya Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak kenal dia pun. Dia kata ini cantik, apa hendak lagi bajet sekarang ini? Insentif yang diberikan untuk menggalakkan lagi pelabur-pelabur asing dan pelabur-pelabur tempatan. Itulah yang kita hendak.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: [*Bangun*]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Krai bangun, Yang Berhormat. Dua yang bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Perdana Menteri kita sudah buat sesuatu yang begitu cantik. Timbalan Menteri yang ada di sini pun mengangguk. Tetapi dia kata, *delivery system* kita ini macam mana? Apakah jaminannya? Kalau ini tidak perlu disegerakan kita perbaiki, lambaklah macam mana pun insentif yang kita berikan, kita akan menanggung risiko ini nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi inilah yang kita berharap supaya pandangan seperti ini janganlah dianggap sebagai kita hendak lanyak mana-mana pihak di Dewan ini sebagaimana Yang Berhormat bagi Bintulu bangkitkan tadi. Kita bukan hendak berdendam, tidak ada. Silakan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya rasa dari segi sistem, kita tidak ada masalah. Yang menjadi masalah ialah *delivery system*. Jadi saya dapati sebenarnya, di sana sini di jabatan, sebenarnya yang menyeleweng 'sebenarnya tidak ramai'. Kumpulan yang sangat kecil. Oleh kerana itu, kita berharap supaya kumpulan yang kecil ini, yang sebenarnya menyebabkan satu-satu organisasi itu mendapat nama buruk harus diambil tindakan segera kerana kata pepatah, "*sebab nila setitik, rosak susu sebelanga*". Saya masih ingat kira-kira 15 tahun yang lalu, dari segi *delivery system* ini, telah diperkenalkan dua prinsip iaitu Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja, di mana setiap kakitangan jabatan itu sebenarnya telah diberikan satu panduan bagaimana hendak melaksanakan satu-satu tugas dan tanggungjawab dengan berkesan dalam tempoh yang singkat.

Tetapi dengan adanya ini saya tidak pasti. Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Larut, apakah yang berlaku kepada sistem ini? Itu satu. Yang keduanya, kemungkinan JPA perlu menilai semula dari segi tindakan disiplin kepada pegawai dan kakitangannya. Kita dapati untuk membuang seseorang yang menyeleweng itu, kita dapati ada sembilan langkah yang harus kita buat sebelum kita boleh buang dia. Dimulakan dengan amaran lisan, amaran bertulis dan seumpamanya. Saya berpendapat bahawa ini perlu diambil tindakan kerana dalam waktu kita mempunyai anak-anak kita yang ramai berpelajaran daripada kalangan siswazah menganggur, kalau daripada yang berijazah, kita dapat maklumat 31,000.

Saya difahamkan kalau ditambah dengan adanya diploma, ia akan sampai kepada 70,000. Dalam suasana ini, apa pandangan Yang Berhormat bagi Larut supaya pegawai-pegawai yang jelas menyeleweng di peringkat jawatan ini supaya digantikan dengan kumpulan baru. Terima kasih.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Krai bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Kita setuju kalaulah mana yang tidak bertanggungjawab, yang tidak boleh menjalankan amanah, ambil tindakan. Itulah yang kita hendak. *General order* yang ada, kadang-kadang buat, kadang-kadang tidak buat. Kita berharap tadi pengisian jawatan 30,000 ini apa masalah sebenarnya, kita hendak tahu. Tidak ada calonkah? Bagi kita ada calon. Kalau tidak ada kelayakan mereka ini, apa yang kita hendak buat sedangkan kita sudah tubuh banyak unit hendak membantu meningkatkan produktiviti kita, latihan di INTAN dan sebagainya. Tetapi ini masih berterusan, bukan berlarutan tapi berterusan. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Mengenai dengan *delivery system* ini ada satu. Pagi tadi kita tidak sempat, soalan itu tidak naik, iaitu mengenai dengan *Certificate of Fitness* (CF). Inilah satu-satunya juga yang dirungutkan oleh rakyat, sebilangan besar. Ini kerana kadangkala bukan tiga bulan tetapi sampai setengah tahun tidak dapat memasuki ini, kerana CF ini. Bagaimana pendapat Yang Berhormat bagi Larut, kerana *delivery system* ini terutama sekali di peringkat majlis daerah, majlis tempatan yang hendak tengok pelan pun berkali-kali. Suruh hantar pelan, kemudian dihantar lagi.

Orang yang bertanggungjawab ini bukan pakar dari segi itu. Diberinya kepada yang tidak ada kelulusan. Ini satu-satunya yang menyebabkan kelewatan. Saya berharap supaya pihak yang berkenaan menghantar pegawai-pegawai yang daripada kerajaan supaya tidak lagi berkali-kali untuk satu-satu perkara itu yang menyebabkan begitu lama untuk memasuki satu-satu rumah yang telah pun selesai dengan perbendaharaan perumahan itu sendiri.

Bagaimana pendapat Yang Berhormat bagi Larut supaya benda ini tidak berlarutan lagi. Sudah berapa tahun lamanya, tetapi mengenai dengan CF ini masih diperkatakan oleh sebilangan besar rakyat di seluruh negara. Begitu lama dan tidak mementingkan kepada pegawai-pegawai yang betul-betul terlatih dan pakar. Mana yang daripada tiga atau empat kali, sekali sahaja pun sudah memadai kalau sekiranya daripada mereka yang berkelulusan tinggi mengenai dengan sesuatu perkara itu. Bagaimana pendapat Yang Berhormat bagi Larut? Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya setuju Yang Berhormat bagi Kuala Krai. Macam saya katakan tadi, kita kena perbetulkan macam pengisian jawatan. Kalau pegawai daerah, dia juga Pegawai Daerah. Dia juga kena pegang Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah, kalau dia peringkat daerah. Kecuali kalau peringkat bandar raya ataupun perbandaran, orang yang sama. Dia kena juga pikul tanggungjawab yang lain. Di sinilah kita melihat supaya perkara ini perlu diperbetulkan. Itulah kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, bila sudah CF lambat, mereka tidak ada jalan lain. Terpaksa hendak masuk bangunan yang sudah lama dibina.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kemudian kalau berlaku sesuatu, siapa yang hendak bertanggungjawab? Kadang-kadang oleh kerana kelewatan kelulusan pelan-pelan bangunan ini juga, timbul *extension* dengan izin, yang dibuat secara sendiri. Akhirnya, hendak kena diubah balik dan ini akan menimbulkan masalah sosial dan

sebagainya. Ini juga perlu dilihat, bukan perkara baru. Sila Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terpanggil saya menyampuk bahas kerana saya tertarik dengan bahas Yang Berhormat bagi Larut mengenai perjawatan yang tidak terisi-isi. Baru-baru ini Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengiklankan 30,000 jawatan dan dikatakan 17,000 pegawai diperlukan untuk memperkasa jentera pentadbiran. Saya bagi satu pandangan. Bolehkah Yang Berhormat bagi Larut memberi pandangan terhadap pandangan ini. Tidak payah kita melalui proses-proses yang diadakan sekarang. Masuk melalui komputer, isi borang, kemudian dipanggil temu duga, mungkin mengambil enam bulan.

Apa katanya, kita terus meresap macam yang dulu. Graduan itu resap masuk terus ke dalam pekerjaan. Proses *interview* itu satu bulan. Maka diberi penilaian oleh ketua jabatan, disalurkan kepada atasan dan terus memberi jawatan kepada mereka. Maka tidak ada proses *interview*, terus bagi dia. Masuk mana-mana jabatan tidak cukup, masuk sahaja. Kemudian buat satu penilaian selepas sebulan. Yang layak duduk, yang tidak layak diberhentikan. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Begini sahajalah. Saya hendak mencadangkan di sini supaya Ketua Setiausaha Negara kita keluarkan satu kenyataan, beritahu kepada rakyat jelata apakah masalahnya. Kalau sudah Perdana Menteri minta disegerakan, Timbalan Perdana Menteri minta disegerakan dan kita juga di sini terus menyokong, kenapa tidak kita mendesak, meminta supaya sama ada Ketua Setiausaha Negarakah, Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awamkah, keluarkan satu kenyataan, apakah masalah yang sebenarnya.

Iklan telah dibuat, kekosongan telah diberitahu tetapi pengisiannya belum dibuat. Apakah masalahnya? Kalau ada masalah, kita ada saluran kita, *delivery system* kita. Beritahu apakah tidak ada kelayakan mereka yang hendak mengisi jawatan kosong ini. Kalau sudah tidak ada juga, macam kata Yang Berhormat bagi Cameron Highlands tadi, kita guna pendekatan. Mungkin kita boleh lantik kakitangan sementara, kontrak.

Ini telah dilakukan oleh sesetengah agensi. Banyak yang mengambil kakitangan secara kontrak. Di situ, barulah dinilai. Tetapi masalah kita inilah dia. Yang kita tidak tahu apakah sebab pengisian jawatan 30,000 ini yang masih lagi belum dipenuhi. Oleh sebab itu, kita mintalah sama ada Ketua Setiausaha Negara yang baru ini ataupun Ketua Pengarah JPA mengeluarkan satu kenyataan untuk memuaskan kita semua tentang masalah kekosongan jawatan yang perlu diisi ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Sekejap.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, masalah saya ini, satu pusat kesihatan di kawasan Parlimen saya bernilai lebih kurang RM47 juta.

Seorang Ahli: Aiyoo!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Masalah yang dihadapi di pusat kesihatan ini seharusnya dia ada lima pembantu hospital, pembantu doktor. Tetapi yang ada sekarang cuma satu. Sehingga hari ini, doktor tidak ada. Jadi apabila kita tanya kementerian, dia kata akan dalam proses pengisian. Tunggu empat tahun, tidak ada juga. Jadi apa *delivery system* yang kita bicara pada hari ini.

Ini menampakkan ketidakadilan kepada masyarakat luar bandar. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada mereka yang berkenaan supaya melihat isu ini secara saksama iaitu memberi kemudahan kepada masyarakat luar bandar yang memerlukan perkhidmatan. Apabila rakyat menunggu empat tahun di luar bandar ini, terlalu lama untuk melantik beberapa jawatan. Bukan itu sahaja, bahkan banyak lagi di agensi-agensi kerajaan, yang jawatan kita tengok dalam perancangan dia ada tetapi tidak diisi. Apakah kerajaan tidak ada duit, tidak ada wang untuk melantik mereka ataupun apa di sebaliknya. Minta penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya setuju. Macam saya katakan tadi, kita mesti berlaku adil, terutama masyarakat yang memerlukan perkhidmatan di kawasan luar bandar. Kalau ini terus berlaku, orang sakit kalau kata kesihatan tadilah, mungkin bertambah sakit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mati.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Astaghfirullahalazim. Kalau sudah sampai berlaku kematian.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Berlaku. Sudah tiga.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini kita kena ada tindakan-tindakan. Kita mesti tahu bagaimana keutamaan yang perlu kita berikan. Jangan asyik bertanya, katakan peruntukan belum sampai. Peruntukan tidak cukup, masalah logistiklah kerana begitu jauh. Sampai bila tidak selesai masalah. Negara kita ini dahulu pun, bukan terus-terus ada segala-galanya kemudahan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dua yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi saya berharaplah pandangan yang telah diberikan itu diberikan perhatian segera. Sila Yang Berhormat bagi Bera. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bera, ya.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Tadi kita banyak memperkatakan tentang masalah kekurangan pekerja, kekurangan kakitangan dan sebagainya. Tetapi yang saya hendak tanya ialah, apakah masalah yang berlaku pada hari ini, hanya semata-mata kepada masalah kekurangan kakitangan. Ataupun yang lebih besar masalahnya ialah budaya kerja yang ada pada kakitangan kerajaan. Kalau kita tengok dari segi statistiknya, pekerja kita ramai. Kakitangan kerajaan di Malaysia saya ingat, ada satu juta berbanding dengan jumlah penduduk negara 25 juta yang menggunakan kakitangan kerajaan. Tolaklah budak bawah umur dan sebagainya yang tidak menggunakan khidmat kakitangan. Mungkin 20 juta sahaja. Bermakna nisbah dia 1 juta nisbah 20 juta. Satu orang nisbah 20 (1:20). Satu pekerja nisbah dijangka 20 orang.

Saya rasa besar. Jumlahnya besar. Sekarang bukan soal jumlah tidak cukup. Soalnya budaya kerja yang tidak efisien di dalam jabatan kerajaan. Ini yang perlu kita tekankan. Tambahlah sebanyak mana pun, tambahlah pekerja baru pun, kalau budaya kerja yang lama masih tidak selesai. Kita tengok misalnya beberapa GLC, beberapa syarikat kerajaan yang diswastakan, Pos Malaysialah, macam-macam yang kita swastakan dahulu. Oleh kerana budaya kerja yang sama, manusianya sama, walaupun tukar jadi swasta, lembap dan sebagainya. Ini sama juga, tidak berubah. Saya rasa yang perlu JPA buat, yang perlu KSN baru ini buat adalah menukar budaya kerja yang ada di jabatan-jabatan kerajaan, daripada kakitangan kerajaan. Baru kita boleh efisien. Kalau setakat tambah dan sebagainya, budaya kerja sama, pemikiran yang sama, tidak akan berjaya. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya. Itu pun boleh kita terima jugalah. Tetapi masalahnya kekosongan ini yang telah pun diiklankan. Tetapi kenapa tidak diisi. Kita tidak mahu orang yang sama terpaksa memikul jawatan yang lain. Kalau ini sudah berlaku, akan timbul bebanan. Akhirnya, bukan kita hendak tuduh, terpaksalah meminta upah. Jadi kalau ini sudah berlaku, apa akhirnya yang akan jadi? Sudah tentu akan timbul gejala-gejala yang tidak diingini ke atas mereka ini.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lipis bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Ini berkait dengan sistem penyampaian dan pegawai-pegawai kontrak ini. Jadi kita bercakap tentang kekurangan kakitangan, jawatan yang tidak diisi dan sebagainya. Kita mengambil pegawai kontrak, tetapi malangnya apabila sesuatu jawatan itu

hendak diisi, pegawai-pegawai kontrak atau perkhidmatan pegawai-pegawai kontrak ini tidak diambil kira dan kadang-kadang pegawai kontrak sampai masanya terpaksa berhenti.

Bagi saya, ini satu penganiayaan kepada pegawai-pegawai yang telah memberi perkhidmatan kepada jabatan dan sebagainya. Mungkin pegawai-pegawai kontrak pun ada di sebelah sana yang terpaksa menunggu dan sebagainya. Jadi apa yang kita harap dengan KSN yang baru, dengan harapan yang baru, sistem pemilihan pegawai yang tidak mengambil kira perkhidmatan dia yang lalu ataupun pengalamannya yang lalu itu, patut kita tukar kepada baru kerana sistem itu rasa saya sistem warisan British. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Jikalau boleh, mereka yang di bawah taraf kontrak ini, kalau boleh diserap, diserapkan. Jadi terpulanglah kepada pihak JPA ataupun agensi-agensi jabatan yang lain yang ada kuasa untuk menentukan kedudukan mereka ini. Kita tahu kalau boleh, kalau mereka ini hanya setakat kontrak, mungkin budaya kerjanya tidak begitu berkualiti. Bukan semua, bukan semua ya. Ini boleh menyebabkan berlaku. Jadi kenapa kalau 30,000 ini timbul masalah, serapkan sahaja. Serapkan kakitangan atau pegawai kontrak ini sebagai kakitangan tetap. Barangkali ini boleh menyelesaikan masalah kerana mereka pun ada kelayakan, ada kelulusan. Jadi kalau peringkat awal ini, mereka sudah dilihat sebagai pengalaman, jadi saya tidak salah kalau mereka ini diserapkan sebagai anggota sepenuh masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, panjang lagikah Yang Berhormat?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila. Panjang lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Panjang lagikah Yang Berhormat? Kalau pindah tajuk lain, ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebelum saya ubah, hendak beri peluang kepada Yang Berhormat bagi Ledang dan apa ini.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Apabila kita berbincang tentang pegawai kerajaan ataupun perkhidmatan kerajaan di dalam Dewan ini, saya yakin persepsi di luar ialah seolah-olah anggota Dewan yang mulia ini memandang negatif ataupun dalam erti kata lebih kasar, menghentam mereka. Sedangkan sebagaimana yang kita sedia maklum, yang bermasalah cuma segelintir, dua tiga orang sahaja, tetapi bak kata orang, seekor kerbau membawa lumpur, semua terbabit.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Larut ke atas sistem tindakan disiplin kepada pegawai-pegawai kerajaan yang kecil ini? Pada pandangan saya sendiri, sistem tindakan yang diambil sekarang terlalu lambat, tidak pantas. Mereka yang bermasalah bebas

berada di semua jabatan walaupun bilangannya kecil dan mereka inilah sebenarnya api dalam sekam dan memberikan kesan yang sangat buruk kepada perkhidmatan kerajaan.

Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Larut, setujukah sekiranya sistem mengambil tindakan disiplin ini dipantaskan, disegerakan dan memberi kesan yang paling kuat kepada keseluruhan sistem perkhidmatan kerajaan? Sekian, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju. Saya hendak ulang balik, tidak ada langsung terlintas kita hendak berbalah dengan mana-mana pegawai dan kakitangan kerajaan. Sebab itu kita minta kalau boleh, datanglah ke Parlimen ini. Parlimen ini satu institusi yang tinggi, tidak ada lain dah hendak menggubal undang-undang. Kita minta ketua-ketua jabatan, kalau boleh, lapangkan masa, datang dan dengar apa yang kita bahas.

Sebab yang dilaporkan itu, di ambil yang tengah-tengah mungkin, yang sekerat-sekerat, dikatakan kita berbahas yang remeh-temeh. Jadi, kita mahu supaya apa yang kita bahaskan di sini, pandangan kita di sini dapat terus dilaksanakan, diambil tindakan dan disegerakan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Bintulu bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau kepada kakitangan, kalau ada segelintir yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Ledang tadi yang mungkin bermasalah, apa tindakan yang diambil supaya dijadikan teladan kepada kakitangan yang lain. Kalau ini dibuat, Insya-Allah kami di sini pun akan dapat melihat dan berpuas hati. Masalahnya kadang-kadang tidak diambil tindakan. Sila.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut, selaku pemangku BN BBC. Saya tertarik, terpenggil untuk – bukan saya hendak memunahkan, hendak memperhebatkan lagi. Dari segi hadharinya, hendak memperelok lagi. Saya baca sepotong hadis *[Membaca sepotong hadis]* l'tiqal di sini ertinya, bersungguh-sungguh, cepat, transparensi, ia masuk sekali dalam itu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita tengok sesungguhnya Allah Taala suka kepada orang yang bekerja, yang membuat kerja yang bersungguh-sungguh. Sungguh iaitu cepat. Boleh diterjemahkan macam-macam.

Maka saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Larut, apakah kita boleh klasifikasi jawatan-jawatan yang penting, yang kritikal didahulukan. Seperti kita katakan, hospital. Pasir Puteh pun mengalami doktor – kritikal, sebab hidup mati. *Ajal mubram*, Dato' Mohamad tahulah, saya tidak hendak terjemah itu. Ini perlu, polis perlu, tentera perlu, hidup mati kita, *maritime*, kita perlu. Jabatan yang jaga, kawal laut. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat bagi Larut.

Yang kedua, boleh atau tidak apa yang berlaku dalam Dewan ini kita dok bercakap bab perkhidmatan awam, bab KSN, bab Kastam misalnya. Saya tidak pernah sentuh bab Kastam, tiba-tiba dieksploitasi cerita ini, untuk memperelok, okeylah hadhari tetapi kalau untuk menjahanamkan, untuk merosakkan, boleh atau tidak pegawai awam yang tidak dapat mandat daripada KSN untuk bercakap dalam surat khabar dengan mengulas berjela-jela. Boleh atau tidak? Saya hendak tanya pandanganlah. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Seelok-eloknya apa yang kita bangkitkan di sini biarlah Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen kalau yang ada menjawab dan memperjelaskan di sini, supaya lebih molek, lebih baik.

Soal *delivery system* ini Yang Berhormat, bukan hanya dalam jabatan-jabatan yang tertentu sahaja, termasuk JAKIM pun kadang-kadang bermasalah. Kes-kes mahkamah banyak tidak selesai. Yang Berhormat sendiri tahu, bekas Ketua Pengarahkah?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Menyampuk]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Oh, timbalanlah. Bukan pemangku ketua pengarah, ya. Hah, timbalan! Yang Berhormat pun tahu masalah ini timbul dalam JAKIM itu sendiri. Tentang kes-kes di Mahkamah Syariah, Tuan Yang di-Pertua, sampai ada orang mengadu kes-kes yang membabitkan pasangan suami-isteri yang masih tertanggung, tidak dapat diselesaikan. Ini *delivery system* juga.

Maknanya, ia relevan kepada semua. Tambah lagi kalau disebut Islam Hadhari, itulah yang kita hendak, pendekatan. Kalau kita berpegang kepada ini, Insya-Allah ia lebih tersusun, terancang dan lebih terperinci.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [Bangun]

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben [Pensiangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua orang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila Yang Berhormat bagi Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut. Kita di sini ada berkaitan, satu pertanian, satu mengenai Bank Negara. Selalu dalam Dewan ini, contoh ini pun kira *delivery system*. Macam tadi pagi kita lari dari Lubuk Antu, ini kawasan hantu. [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hai.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Macam-macam kita dengar. Macam-macam subsidi, bantuan, kita dengar daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tetapi kita 8.30 ini turun sampai kawasan, kita pun kadang-kadang beritahu rakyat tetapi rakyat sampai Jabatan Pertanian tanya apa pun tidak ada. Dia cakap, tidak pernah dengar. Pegawai ada

beritahu, tidak pernah dengar. Akhir sekali wakil rakyat kena lanyak, cakap wakil rakyat ini memang hendak tipu rakyat. Untuk maklumat seronok sahaja. Macam subsidi, bantuan, pinjaman itu semua tidak sampai. So, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Larut, satu.

Dua, mengenai isu Bank Negara ini. Banyak kali kita sudah bahas, memang kita tidak dapat jawapan lagi. Ada sekali kita dapat jawapan daripada Setiausaha Parlimen (SUP), lama-lama kita pun kena 'SUP' juga. Menggeleng kepala kita. *[Disampuk]* Setiausaha Parlimen.

Kita baru-baru ini mendengar daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan umum di surat khabar pada 4 Ogos 2006, dia kata Malaysia kini telah masuk ke era teknologi, rakyat perlu faham dan guna teknologi, bukanlah berhenti di kaunter minta perkhidmatan lagi, dia kata daripada Malayan Banking memohon *service charge*, kalau siapa mahu berdiri di kaunter, sekali kena caj RM2. Saya tidak faham Yang Berhormat Timbalan Menteri ini, dia sedar atau tidak semakan *account holder*, ada berapa satu bank, satu orang sekali RM2, kalau sepuluh kali dia pergi bank berapa kena caj?

Kedua, ini Timbalan Menteri tahukah – saya setuju kita sudah masuk era teknologi, dia setujukah sama saya, kita generasi muda boleh belajar lagi teknologi, macam-macam. Orang tua macam mana hendak belajar? Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia boleh balik suruh dia punya nenek, sama datuk belajar lagi itu teknologi, boleh atau tak boleh? Kalau kita punya nenek dan datuk pergi kaunter bank, dia baca 1,2,3.. boleh, A, B, C..dia tidak boleh, kena bayar RM2, sah atau tidak bagi sama dia? Adilkah tidak? Kenapa bank-bank satu tahun, Malayan Banking boleh umum RM3 bilion dia punya untung, ini khidmat tidak boleh bagi. RM2 pun mahu angkat kah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu untung haram namanya.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Larut setuju sama saya kah, kita boleh mintakah, Kementerian Kewangan bagi sikit maklumat mengenai semua ini *service charge*...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu Timbalan menteri sudah jawablah Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya mahu minta ini semua servis caj ini, semua bank ini beritahu kita di dalam Dewan yang mulia ini berapa satu tahun dia dapat. Setuju tak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut. Yang Berhormat bagi Larut. Saya hendak bagi Yang Berhormat bagi Larut, kalau banyak Yang Berhormat bagi Larut saya ingatkan kalau ada tajuk lain, bagi pindah masa Yang Berhormat terhad.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini mustahak, *delivery system*.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu. Saya setuju dan kita minta supaya pihak yang berkenaan sama ada kementerian sendiri ataupun Bank Negara Malaysia supaya segera mengambil tindakan kerana ini tidak manis dan tidak bagus dari segi *delivery system* untuk meningkatkan mutu perkhidmatan bank kita.

Kita berharaplah supaya perkara ini bukan perkara yang remeh tetapi diambil tindakan yang lebih segera dalam hal yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Bintulu tadi.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: [Bangun]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pensiangan.

Tuan Bernard S. Maraat [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya hanya mengimbas kembali apa yang kita cetuskan dalam dua tahun yang lalu di mana Jabatan Penerangan pada masa tersebut mereka mempunyai Artis Berjadual. Dalam kita memperkasakan perkhidmatan awam ini, saya difahamkan bahawa 'Artis Berjadual' yang kita bincangkan secara mendalam pada masa tersebut, sampai sekarang masih belum lagi dapat dilaksanakan.

Ini adalah di antara satu yang saya rasa membuntukan lagi dari segi pergerakan dan pembangunan insan kita. Saya minta sama ada Yang Berhormat bagi Larut bersetuju dengan saya supaya semua yang kita bincangkan di Dewan yang mulia ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin. Saya difahamkan apabila mengambil pegawai-pegawai yang lain, pegawai-pegawai seperti Artis Berjadual ini tidak diberikan keutamaan sedangkan orang-orang yang baru itu diberikan keutamaan untuk mengisi kekosongan-kekosongan tersebut.

Saya minta supaya Jabatan Penerangan khususnya Jabatan Penyiaran ini mengambil tindakan yang bijak dan saksama supaya mereka yang ini boleh dijaga dan boleh dipelihara, dan akhirnya mereka ini akan dapat membuat sumbangan yang lebih bererti dan lebih bermakna lagi. Sekian, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Orang yang pernah berkhidmat di Kementerian Penerangan iaitu di RTM. Saya setuju sebab itu semalam saya ada beri sedikit penerangan. Tetapi saya minta Yang Berhormat Menteri Penerangan janganlah rasa kecil hati apabila kita sebut stesen TV yang lain. Bukan bermakna apabila kita memuji televisyen seperti TV3 umpamanya NTV7 sebagai contoh, tidak bererti RTM ini tidak menggalas tanggungjawab dan peranan mereka.

Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Penerangan kerana pada hari Ahad yang lalu, kita telah dijemput untuk ke Program Deklamasi Sajak oleh kalangan tokoh-tokoh termasuk sajak yang dikarang sendiri oleh Yang Berhormat Menteri. Ini bermakna saya setuju dengan Yang Berhormat tadi iaitu pengisian itu sebagai untuk memantapkan lagi mutu perkhidmatan.

RTM ini penting sebagai nadi kerajaan untuk menyampaikan segala maklumat dasar-dasar supaya rakyat faham. Yang susahnyanya ini bila rakyat tidak faham Tuan Yang di-Pertua, masuk pula pembangkang yang sengaja mencari pentas-pentas untuk memberi ceramah dan sebagainya, jadi terpesonglah. Dengan adanya pengisian Artis-artis Berjadual ini kita tahu artis pun memainkan peranan juga dalam kalangan penerangan bergerak '*mobile unit*', dengan izin yang masuk ke kampung-kampung atau pun Pentarama.

Artis-artis ini secara tidak langsung memberi bakat-bakat baru seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pensiangan tadi iaitu Artis Berjadual. Memang saya setuju kerana apa yang kita bagi pandangan ini perlulah dilihat sebagai satu usaha untuk kita sama-sama mempertingkatkan mutu perkhidmatan kerajaan. Apabila disebut kerajaan maka kitalah termasuk semua. Bukan untuk sesiapa.

Bukankah Kementerian Penerangan sekarang kita sebut penerangan, RTM sebagai contoh, mungkin nanti agensi-agensi yang lain. Ini amat penting budaya bekerja sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bera tadi. Kita berharap segala sentuhan kita ini, macam dalam bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang Tribunal Kastam sebagai contoh. Ini suatu perkara yang kita mesti lihat bagaimana kita hendak membanteras sambil kita hendak meningkat balik segala kutipan segala pendapatan negara, segala cukai, secara tidak langsung akan dapat membantu membanteras gejala rasuah supaya kalau tidak berlaku, kalau berlaku dan sebagainya.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [*Bangun*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Silakan Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya dapat mendengar bahawa Yang Berhormat bagi Larut telah menyebut tentang bagaimana bangganya kita apabila suara-suara kita didengar sehingga Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan membuat beberapa dasar yang baru yang lebih kepada menampakkan kepada rakyat di luar sana, bahawa suara-suara yang dibawa oleh Ahli Parlimen kita ini iaitu Ahli Parlimen BN ini sebenarnya mempunyai fakta dan mempunyai asas yang kukuh sehingga menyebabkan beberapa pihak hari ini tidak bersenang hati dengan suasana yang berlaku.

Yang Berhormat bagi Larut, contoh yang paling mudah, satu polisi ditetapkan oleh kerajaan. Contoh ini saya hendak bagi kepada Yang Berhormat bagi Larut ialah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Penswastaaan pengurusan sisa pepejal, tujuannya adalah untuk menggalakkan hidup berkualiti, hidup yang berkualiti tinggi di kalangan masyarakat bandar dan pinggir bandar.

Tetapi hari ini Yang Berhormat, sejauh mana polisi ini dihayati di peringkat akar umbi ialah apabila progres penswastaaan pengurusan sisa pepejal ini berlaku dengan rancak, tetapi

hari ini kita dapati sistem ini telah menganiaya kontraktor-kontraktor Kelas F. Ada sehingga 8 bulan, 9 bulan atau 10 bulan tidak dapat bayaran dan terpaksa gulung tikar.

Yang Berhormat sebut tentang kegiatan rasuah, ketirisan dan sebagainya apa komen Yang Berhormat tentang harapan rakyat terhadap polisi yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di dalam bajet, tetapi tidak dapat dilaksanakan oleh pegawai-pegawai di peringkat akar umbi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Ini yang kita perbahaskan. Ini yang kita laung-laungkan. Memang sudah cantik bajet kita, sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Mufti Negeri Perak sendiri pun kata, bagus! Sebagai contoh mengatakan bajet kita ini ialah bajet penyayang atau bajet wawasan. Tetapi masalahnya ialah dari segi pelaksanaan.

Sepatutnya segala dasar yang telah kita putuskan iaitu rang undang-undang yang telah kita bentang dan telah kita luluskan di sini dan kita bahas, kita bagi pandangan, hujah kita kadang-kadang sampai timbul perbalahan. Itu yang sepatutnya kita laksanakan. Kalau tidak, ia akan tertangguh. Bila tertangguh, sampai bila pun apa yang kita rancangkan tidak akan menjadi kenyataan.

Sebab itu hari ini kita menyeru, bukan kita hendak berbalah dengan mana-mana agensi kerajaan. Kita hendak menyampaikan perkara yang boleh diperbetulkan. Saya hendak ulang balik. Kita tidak ada niat. Bukan macam pembangkang dia ambil kesempatan menanggung di air yang keruh. Seolah-olah apabila kita menegur atau memberi pandangan kepada sistem penyampaian ini, oh! Mereka mengatakan sudah, tengok..... kita hendak berbalah dengan mereka.

Tidak! Mana baik, adakah kita tegur itu lebih baik Tuan Yang di-Pertua, ataupun pihak pembangkang yang hanya main lanyak tetapi tidak memberi sebarang pandangan dan cadangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat. Kena gulung Yang Berhormat ucapan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Yang di-Pertua, ada lagi saya ada lagi perkara yang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Ya, teruskan, ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang belum saya masuk lagi. Ini baru mukadimah Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya hendak sentuh pertama sekali apabila kita hari ini dapat semangat baru Tuan Yang di-Pertua. Semangat baru apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memberi perhatian apa yang telah kita bahaskan di sini. Rakyat pun telah tengok, bukan kita cakap benda yang remeh-temeh. Isu seperti yuran peperiksaan ini sudah lama kita cakap, penghapusan yuran peperiksaan ini Tuan Yang di-Pertua, cukup baik.

Sekurang-kurangnya menggalakkan masyarakat kita

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa lama lagi Yang Berhormat hendak sambung?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa lama hendak sambung?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Insya-Allah kalau Tuan Yang di-Pertua beri masa, saya ada lagi hendak bercakap, setakat yang bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sambung sebelah petang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat bersambung semula jam 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-Ahli Yang Berhormat dewan bersidang semula, Yang Berhormat bagi Larut sila sambung.

2.34 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan perbahasan Bajet tahun 2007. Di mana sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa kita mengucapkan berbilang tahniah kepada Yang Berhormat kerana begitu prihatin dengan apa pandangan-pandangan terutamanya Ahli Parlimen dan saya berharap, dengan pandangan apa yang telah diberikan akan dapat diteruskan menjadi satu azimat kepada kami semua untuk meningkatkan prestasi. Banyak yang dikemukakan dan telah dipertimbangkan, boleh dikatakan ini satu sejarah bagi saya selama saya berada di Parlimen di mana seperti yuran peperiksaan ini, ini cukup memberi manfaat setidak-tidaknya kita dapat mengurangkan keciciran pelajar, tidak ada lagi masalah mereka yang tidak mahu menghantar anak mereka ke sekolah, mereka yang tidak mahu menduduki peperiksaan dan akan menggalakkan lagi supaya masalah yang membebankan masyarakat luar bandar terutamanya dan juga masyarakat bandar yang tidak dapat kita nafikan tentang kos sara hidup pada masa ini.

Selain daripada yuran peperiksaan yang akan dihapuskan, kalau boleh kalau bertanya sayalah sekali ada pelajar yang kita hendak ambil peperiksaan, kita kecualikan. Kalau boleh supaya banyakkann lagi mereka yang tidak ada peluang kali pertama gagal dan berterusan

sehinggalah mereka berjaya sampai ke menara gading, ini menjadi harapan kita. Kita juga berharap...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Boleh ya?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut dan Tuan Yang di-Pertua. Saya takut tertinggal yang ini, sebab yuran peperiksaan dimansuhkan dan dibatalkan. Kita berterima kasih kepada Yang Berhormat Perdana Menteri kita yang kita kasihi. Bagaimana yuran tahunan, banyak juga saya dengar beratus-ratus juga yuran yang dikutip oleh sekolah, apakah ini juga diambil kira? Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat ini sebagai langkah awal, macam saya katakan tadi CUPECS yang merasakan mereka agak terkilan oleh kerana tidak ada kenaikan gaji dan sebagainya, ini peringkat awal. Kerana kita mesti ingat segala perbelanjaan kerajaan adalah merupakan wang rakyat, wang rakyat ini wang kita termasuk mereka yang mendokongi kesatuan sekerja dan sebagai, jadi kita kena ingat. Janganlah sampai kita lupa kalau kita tidak mengambil ingatan tentang nanti berlakunya kemelesetan dan ini akan menjejaskan ekonomi kita dan akhirnya kita akan jatuh bankrap. Ini kita kena ingat, tetapi sebagai peringkat awal, barangkali ini sebagai permulaan Kementerian Pelajaran pimpinan menteri kita yang baru ini melihat betapa kesusahan masalah yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar, tidak kiralah sama ada di semenanjung...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat, tiga.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...di Sabah ataupun di Sarawak, seperti yang selalu dibangkitkan oleh rakan-rakan kita termasuklah daripada Bintulu, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Bintulu, Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Yalah, memang berterima kasihlah kepada kita Yang Amat Berhormat baru-baru yang mengumumkan ini yuran peperiksaan sudah dihapuskan. Jadi saya mahu bertanya sedikit dan minta pandangan dari Yang Berhormat ada bersetuju atau tidak kita mesti mahu yuran peperiksaan ini dihapuskan jangan hanya sekolah kerajaan. Iaitu murid-murid

dari sekolah Cina ataupun bukan daripada sekolah kerajaan mestilah kita mahu kaji balik semula, mestilah yuran peperiksaan, mestilah mahu semua sekali dihapuskan. Mahu pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bintulu. Peringkat awal ini kita hendak menggalakkan supaya lebih ramai mereka yang mempunyai anak untuk masuk ke sekolah-sekolah kebangsaan. Macam saya katakan tadi, selagi anak bangsa kita hendak mengambil peperiksaan, kita bagi tidak kiralah di mana juga tetapi sebagai peringkat awal untuk menggalakkan lebih ramai anak-anak yang bukan Melayu khususnya untuk memasuki sekolah kebangsaan. Pada waktu yang sama mungkin juga kita mesti melihat ini apa yang saya temui daripada rakan-rakan saya, ada juga di kalangan anak orang Melayu yang menghantar anak mereka di sekolah-sekolah jenis kebangsaan, mereka juga berpendapat satu pengalaman baru, dapat belajar bahasa lain dan ini lebih baik dari segi perpaduan kaum.

Jadi janganlah kita meragui dengan keputusan kerajaan barangkali ini peringkat awal mungkin ini dapat dilebarkan lagi. Jadi ini terserahlah kepada pihak kementerian yang berkenaan untuk melihat kepentingan-kepentingan masyarakat lain dalam melaksanakan penghapusan yuran peperiksaan ini termasuklah mungkin yuran-yuran yang lain yang menjadi bebanan kepada masyarakat kerana kita mesti lihat bukan setakat yuran peperiksaan, pusat sumber juga akan diberi galakan subsidi yang mungkin boleh meringankan lagi...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Beluran bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ... NGO, PIBG dan sebagainya, sila Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Larut, yuran peperiksaan setiap penuntut cuma terlibat tiga kali sehingga peringkat SPM iaitu PMR, Ujian Darjah Enam dan juga Tingkatan Lima. Tetapi yang membebankan masyarakat luar bandar yang miskin ini, yuran tahunan seperti yang dikatakan itu, saya ingin sebut yuran PIBG, yuran kokurikulum, yuran MSS, yuran Pusat Sumber, yuran komputer, yuran keceriaan, sesebuah sekolah ia berbeza, ada yang *ranging* daripada empat, lima ringgit sehingga tujuh puluh lima ringgit bagi setiap murid-murid sekolah dan setiap tahun harus dijelaskan. Inilah yang membebankan, Yang Berhormat bagi Larut. Inilah yang membebankan masyarakat luar bandar yang mempunyai lima orang anak, enam orang anak, tujuh orang anak yang bersekolah, terpaksa membayar yuran ini setiap tahun.

Saya melihat bahawa yuran ini harus dilihat oleh kementerian. Umpamanya yuran MSS - yuran Majlis Sukan Sekolah-sekolah peringkat daerah dan peringkat bahagian ini harus ditangani sendiri oleh kementerian. Apakah tidak kementerian *allocate* sedikit duit daripada kerajaan yang

diberikan kepada kementerian untuk melaksanakan sukan ini dan tidak payah dipungut daripada *student*. Begitu juga dengan yuran komputer, kerajaan bagi komputer bagi makmal tetapi hendak *collect* lagi yuran komputer daripada murid-murid sekolah. Tidak logik. Jadi kita cadangkan yuran ini dihapuskan tetapi kerajaan memberi peruntukan tahunan kepada sekolah-sekolah untuk menjalankan aktiviti-aktiviti ini. Ini lagi bagus kerana inilah perkara-perkara yang membebankan murid-murid sekolah luar bandar yang miskin.

Kita mempunyai banyak skim; skim buku, skim yuran tuisyen, skim makanan tambahan dan sebagainya. Ambil duit daripada ini. Kita bagi mereka duit, kita berikan mereka bantuan buku kepada penuntut miskin, kita bagi bantuan makanan kepada mereka, pada masa yang sama kita tidak melihat bahawa mereka terpaksa membayar, ada beban yang terpaksa dibayar untuk setiap tahun dan inilah yang harus diambil perhatian oleh kementerian untuk melihat ini, juga dimaksudkan untuk keuntungan masyarakat/penuntut-penuntut di luar bandar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Beluran. Kita jangan lupa bahawa banyak juga insentif yang telah diberikan kepada pelajar-pelajar kita yang baru-baru ini, dalam bajet ini, di mana per kapita sekolah rendah telah pun dinaikkan daripada RM30 kepada RM50 tambahan dan juga sekolah menengah daripada RM50 kepada RM70 serta bantuan-bantuan lain, bantuan makanan sekolah, tuisyen dan sebagainya.

Saya bersetuju, barangkali ini sebagai satu pendekatan kementerian/kerajaan boleh menimbangkannya untuk bajet pada tahun hadapan. Tidak ada masalah. Saya kata, kalau kita sudah ada kemampuan untuk merencanakan lagi pembangunan kemajuan pendidikan kita, apa salahnya pandangan-pandangan yang sedemikian rupa diambil kira untuk bajet ataupun mungkin ada bajet tambahan yang boleh dipertimbangkan. Jadi, kita juga mesti lihat segala insentif, galakan yang telah diberikan oleh Kementerian Pelajaran dalam meningkatkan lagi pelajaran pelajar-pelajar kita.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya. Oleh kerana masalah penerbangan, saya bagi kepada Yang Berhormat bagi Labuan dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan Yang Berhormat bagi Beluran tadi tentang yuran dulu, bukan penerbangan, yuran-yuran tambahan yang bukan melibatkan peperiksaan. Saya rasa kalau kerajaan boleh hapuskan yuran

peperiksaan UPSR, PMR hinggalah ke STPM, saya tidak nampak kenapa pihak sekolah - sebenarnya yuran-yuran awal tahun dan sebagainya ini dikutip oleh pihak sekolah. Pihak sekolah berdegil mengenakan bayaran untuk komputer dan sebagainya. Bersetujukah Yang Berhormat bagi Larut kalau saya bertanya dan meminta penjelasan, jika sekiranya pihak kerajaan bersetuju melupuskan atau pun menghapuskan bayaran yuran-yuran peperiksaan melibatkan semua bentuk peperiksaan sehingga STPM, kenapakah pihak sekolah tidak mengikut jejak langkah kerajaan? Apakah Yang Berhormat bersetuju jika saya katakan bahawa pihak sekolah harus mengambil tindakan yang seragam bila mana ia dilaksanakan pada Januari 2007, pihak sekolah juga tidak mengenakan kutipan yuran seperti yang dilaksanakan sebelum ini? Penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Saya bersetuju, malah saya sendiri baru-baru ini telah berpeluang untuk menghubungi Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri tentang segala arahan yang dikeluarkan. Kalau itu sudah menjadi arahan dan pedoman pegangan, teruskan. Itulah yang kita hendak daripada sistem kita jangan berubah-ubah tanpa sebab. Ini akan menimbulkan kecelaruan. Kadang-kadang banyak sangat arahan, kadang-kadang timbul juga di Pejabat Pendidikan Daerah. Saya difahamkan, saya berdamping dengan guru-guru, banyak sangat arahan yang dikeluarkan sampai kadang-kadang mereka tidak tahu arahan mana yang mereka hendak ikut. Kalau ini berlaku, ini mesti diperbetulkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Silakan. Mungkin ini juga berkaitan dengan dadah. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Dadah ini saya *reserve* kan pada hari Selasa. Saya akan jemput bekas penagih yang telah kembali kepada masyarakat untuk datang. Tetapi hari ini saya ingin melihat pemberian bayaran percuma yuran peperiksaan ini dalam konteks yang berbeza. Nampaknya kerajaan kita cukup murah hati di mana bayaran itu dipericumakan kepada semua peringkat, semua golongan masyarakat.

Saya hendak melihat begini, Yang Berhormat bagi Larut. Saya sangat bimbang dari segi golongan miskin dan termiskin yang terus terkecuali dari arus pembangunan, malah dari arus pelajaran ini. Sebenarnya kalau kita benar-benar jujur, kita buat kajian di peringkat bawah, walaupun kita berikan yuran ini percuma, yuran-yuran UPSR, PMR, SPM dan juga STPM, ini satu perkara yang harus kita merakamkan penghargaan dan terima kasih dan bersyukur, tetapi kita akan lihat bahawa masih ramai golongan miskin ini yang tidak menghantar anak mereka ke sekolah walaupun dengan insentif sebegini.

Oleh itu tidak wajarkah, Yang Berhormat bagi Larut, kita *reciprocal* dengan mengambil satu tindakan proaktif supaya pihak lain khususnya pemimpin akar umbi memastikan bahawa tidak ada pelajar yang tidak bersekolah walaupun mereka daripada golongan miskin. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Macam yang saya katakan tadi, Yang Berhormat, dengan adanya insentif seperti ini ia menggalakkan lagi supaya tidak ada alasan mereka yang tidak mahu menghantar anak-anak mereka ke sekolah, anak-anak mereka yang tidak mengambil peperiksaan dan sebagainya. Tidak ada masalah. Jikalau itu pun sudah tidak mahu diambil daya usaha oleh mana-mana penjaga/ibu bapa saya tidak tahulah apa lagi yang kita hendak buat. Kita sudah lakukan yang terbaik. Ini akan menjadi satu pembuka mata kepada penjaga/ibu bapa untuk memastikan bahawa anak-anak mereka tidak tercicir dalam sistem pelajaran yang kita ada pada masa ini.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat, saya hendak tambah sikit, Yang Berhormat. Sikit lagi, boleh?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya bagi kepada Yang Berhormat bagi Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Sebenarnya tadi Yang Berhormat bercerita tentang per kapita yang diberikan kepada sekolah-sekolah. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pentadbiran per kapita ini di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak berlainan. Kalau di Semenanjung, per kapita ini dihantar terus ke sekolah dan guru besar mempunyai kuasa untuk mengagihkan bagaimana menggunakan per kapita ini. Tetapi berlainan halnya di Sabah, per kapita ini di *control* oleh jabatan dan guru besar, dia tidak pegang. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita cadangkan per kapita ini di buat macam Semenanjung, sama rata. Jangan di Sabah lain dan di sini lain cara pelaksanaannya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bersetuju. Apa bezanya antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak ini? Jadi, kalau itulah sistem yang diguna pakai, kita seragamkanlah. Jadi, saya mintalah supaya Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang bertanggungjawab terutamanya ...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:dapat menjadikan ini sebagai satu pedoman untuk kalau boleh turun ke bawah, melihat di mana yang berlaku, kalau tidak betul ambil tindakan. Sebab macam yang saya katakan tadi, apa juga masalah kita

timbulkan di sini mintalah pegawai-pegawai yang di sini janganlah salah anggap. Kita bangkitkan ini untuk kebaikan kita. Hari ini mungkin anak orang, satu hari nanti mungkin anak kita, kita tidak tahu. Bagaimana kalau anak kita yang terlibat? Kita juga akan timbulkan perkara yang sama.

Jadi saya tidak mahulah Yang Berhormat bagi Bintulu selalu bangun dan memberi perkara yang sama. Silakan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Ini memang perkara yang tidak sama. Tadi kita bincangkan mengenai yuran. Kita sentuh mengenai yuran. Sekarang kita sedar, macam sekolah Cina.

Saya haraplah ini jangan jadi satu sensitif isu, sekolah Cina ini memang banyak orang ada lain pandangan. Contoh dalam saya punya kawasan, dalam masa dia orang mahu minta sekolah *extension* dengan izin. Memang sudah tidak ada tempat, ini Sekolah Chong Hwa. Jadi dia orang dapat cari satu tempat yang baru enam kilometer daripada sekolah lama. Jadi sudah bina itu sekolah lama pun dekat 2,000 murid dan sekarang sekolah baru pun dekat 1,600 murid. Jadi pada masa yang dapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan, sekarang Kementerian Pelajaran kata dia setuju bagi *extension* sekolah itu.

Jadi sekarang kita ada lihat masalah pasal tidak ada guru besar. Kalau tidak ada satu ketua di sekolah itu, memanglah murid-murid itu jadi hebat dan jadi gila. Guru-guru pun pening kepala, tidak tahu mahu dengar arahan siapa. Jadi saya ada pernah menghantar surat sebanyak tiga kali kepada Menteri Kementerian Pelajaran. Minta timbang balik semula bagi surat kebenaran untuk meluluskan menubuhkan sekolah, yang Sekolah Chong Hwa *number two* kah ataupun sekolah barukah. Tetapi saya difahamkan ada ramai pegawai di Kementerian Pelajaran tidak setuju. Kata sekolah Cina tidak boleh bagi. Macam tadi Yang Berhormat daripada Larut, setujukah tidak? Sekarang sekolah Cina bukan sekolah itu Cina sahaja belajar, pun ada lain-lain kaum dalam belajar.

Apa salahnya kita dalam sistem pelajaran ini kita tubuh sekolah itu untuk membela murid-murid kita ataupun generasi-generasi yang akan datang. Bukan untuk cerita sensitif isu ini. Cina kah, bangsa Cina kah, Melayu kah atau Iban kah, apakah. Macam di Bintulu pun banyak kaum Iban belajar. Jadi apa masalah kita bagi lesen dia? Kalau tidak bagi, Kementerian Pelajaran kata dia tidak boleh bagi lagi satu guru besar. Jadi itu sekolah hendak jadi apa? Tidak lama jadi semua itu murid keluar akan jadi orang gila. Minta pandangan daripada Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Saya amat simpati dengan Yang Berhormat bagi Bintulu ini Tuan Yang di-Pertua, sampai lemas dan tenggelam kerana melawat kawasan. Jadi mungkin kalau bolehlah kita minta Menteri Pelajaran kalau benda itu sudah disampaikan kepada beliau supaya dapat menyasat perkara ini di mana silapnya dan diperbetulkan. Ini amat penting. Saya bagi kepada Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Ini saya hendak menyambung sedikit tadi, sebab Yang Berhormat ada menyatakan suatu kenyataan *frust* (kecewa) di hujung tadi itu apabila menyatakan bahawa walaupun kita percumakan bayaran yuran ini tetapi masih ada ahli masyarakat kita di luar bandar yang tidak menyekolahkan anak mereka dan nampaknya kalau dengan yuran sebegini maka dia tidak menyekolahkan, apa kita hendak buat. Isunya sekarang ialah Yang Berhormat bagi Larut perkara ini berlaku dan ini sangat penting bagi saya malah kritikal.

Saya di Sabak Bernam ada 45 kampung. Satu kampung saya boleh kesan 2 orang, maknanya kalau 45 kampung ada 90 orang. Apakah tindakan yang harus kita berikan dan soalnya ialah kementerian sebenarnya sudah ada peraturan siapa ibu bapa yang tidak menyekolahkan anak dia akan diambil tindakan. Wajar tidak diambil tindakan walaupun mereka datang daripada golongan miskin? Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat hari ini masyarakat Orang Asli pun sudah mula terbuka mindanya untuk menghantar anak mereka sekolah. Jangan kita lupa bahawa kita ada undang-undang. Undang-undang merotan kepada mana-mana ibu bapa ataupun penjaga yang gagal menghantar anak mereka ke sekolah. Undang-undang kita ada yang boleh diambil tindakan. Jadi kalau kita sudah bagi kemudahan ini masih ada lagi masyarakat ibu bapa ataupun penjaga yang tidak ambil berat, saya tidak tahulah. Saya tidak tahu lagilah apa lagi langkah dan tindakan yang akan diambil. Undang-undang kita ada iaitu undang-undang untuk merotan, sebagaimana yang selalu dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Yang Berhormat bagi Larut. Tadi ada sebut tentang *per capita grant* tadi itu. Jadi ini satu ketidakadilan saya nampak kerana ia bergantung kepada jumlah bilangan pelajar itu sendiri. Yang ketidakadilannya adalah kerana di sekolah-sekolah bandar khususnya bilangan murid-murid adalah ramai. Maka peruntukan *per grant capita* itu adalah banyak. Ini ditambah lagi dengan pelbagai macam kemudahan yang diperolehi daripada masyarakat kota raya yang begitu baik dan banyak. PIBG yang begitu banyak dananya menampung dengan jumlah yang begitu besar.

Selain daripada *per capita grant* yang banyak dengan jumlah pelajar yang ramai, sokongan daripada pelbagai pihak sedangkan yang dukacitanya sekarang ini ialah sekolah-sekolah yang terpencil di luar bandar yang bilangan murid mereka itu kecil. Maka *per capita grant* pun kecil juga jumlahnya dan masyarakat sekitar itu yang tidak mempunyai *disposable income* yang cukup tidak dapat membantu. Maka di sini saya tidak nampak dari segi keadilannya. Bagaimana pandangan Yang Berhormat untuk kita memastikan keadilan itu dapat dilakukan. Barangkali dipinda semula dari segi *per capita grant* yang diagih-agihkan ini untuk memastikan sekolah yang tercorot di luar bandar itu benar-benar terbela. Sebab saya kira

dengan *per capita grant* yang banyak diberi di bandar itu dengan sokongan pelbagai pihak itu sudah agak terlalu mewah berbanding dengan kekurangan di luar bandar itu.

Dan yang satu lagi Yang Berhormat ya, saya ingin tarik perhatian di sini berhubung dengan bajet pendidikan. Kepada sekolah rendah, jumlah yang diberi di bawah Peruntukan Bajet 2007 ini ialah RM6.7 bilion bagi sekolah rendah dengan jumlah pelajarinya jauh lebih ramai berbanding dengan sekolah menengah. Yang sekolah menengah pula itu mereka mendapat RM6.2 bilion. Saya kira jumlah di sekolah rendah ini harus diperbanyakkan lagi dari segi bantuan dan dari segi peruntukannya sebab di sinilah merupakan bermulanya proses pendidikan anak-anak, *the head start program* bermula di sini.

Maka peruntukan yang lebih besar harus diberikan pada peringkat rendah dan juga pada peringkat tadika yang harus diberi satu program yang lebih besar berbanding dengan yang sekolah menengah. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Barangkali di peringkat kementerian baik, jabatan negeri baik dan juga pendidikan daerah mesti ada *database* untuk mengumpul maklumat bagaimana pengagihan ini dapat dilakukan secara adil supaya mereka yang benar-benar mengikut bilangan per kapita yang disediakan itu dapat menerima segala bantuan sokongan ini daripada kerajaan. Tetapi Yang Berhormat, kalau bolehlah perkara seperti Yang Berhormat kemukakan tadi dibawa terus kepada Yang Berhormat Menteri supaya perkara ini dapat dijadikan sebagai satu panduan dalam mereka melaksanakan bantuan ataupun geran per kapita kepada pelajar-pelajar ini untuk dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Jadi mungkin Yang Berhormat sebagai seorang yang pernah bertugas dalam Kementerian Pelajaran yang berpangkat tinggi.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tebrau, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi mungkin perkara ini boleh diketengahkan dengan tindakan yang lebih segera. Sila.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Larut. Tadi Yang Berhormat bagi Larut ada menyentuh tentang bahawa kementerian memang ada peraturan untuk membenarkan seseorang murid yang melakukan kesalahan itu dirotan. Tetapi pada saya kita perlu ingat kepada salah satu falsafah pendidikan bahawa setiap individu itu mempunyai bakatnya tersendiri. Jika dia di galak dan diberi peluang dia akan dapat memperkasakan bakat-bakat yang ada pada seseorang itu.

Jadi masalah sekarang ialah sistem pendidikan yang kita amalkan ini terlalu cenderung kepada elit *education*. Kita mengagung-agungkan kepada mereka iaitu kumpulan yang mendapat 8A, 10A atau 11A. Tetapi kita mengabaikan majoriti murid yang prestasi akademiknya tidak begitu cemerlang dan tidak begitu menonjol. Ini juga menjadi satu budaya di kalangan guru

bahawa mereka lebih mengutamakan murid-murid yang mempunyai prestasi intelek dan akademik yang begitu baik tetapi tidak mengajar anak-anak kita menghormati dan menerima diri.

Guru-guru juga tidak menghormati dan apa bakat yang adanya pada seseorang murid itu dan memberikan galakan kepada mereka supaya mereka menjadi seorang insan yang baik. Jadi perlulah guru-guru mengubah sikap dan kementerian bertanggungjawab untuk mengingatkan golongan guru supaya mengubah sikap, supaya menghormati setiap pelajar itu dan menonjolkan bakat yang ada padanya. Memberi galakan supaya tidak menyeleweng dia memandang rendah dirinya. Jadi dia mendapat peluang untuk berkembang menjadi seorang murid yang baik. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat kita mesti melihat bahawa kemudahan yang diberi oleh kerajaan ini sebagai satu usaha untuk melahirkan masyarakat yang celik. Masyarakat celik, yang celik ilmu supaya ia menjadi satu harapan kita menjelang Rancangan Malaysia Kesembilan nanti dalam tempoh yang telah ditetapkan tidak akan ada lagi rakyat Malaysia yang buta ilmu. Saya hendak sebutkan di sini satu syair Arab yang ada menyebut bahawa "ibu itu laksana sekolah, jika anda menyediakannya sama seperti anda menyediakan suatu umat yang baik keturunannya" Yang Berhormat. Ini bererti jika kita bijaksana sebagai individu yang bergelar ibu, maka akan baiklah anak-anak yang dididiknya. Ini yang masih ada ibulah. Dan seterusnya akan baiklah masyarakat yang terhasil kelak.

Jadi saya rasalah pandangan Yang Berhormat tadi takkanlah sampai ke situ. Mungkin adalah segelintir agaknya pandangan Yang Berhormat tadi. Jadi sebab itu saya ingin juga mengajak supaya kita mesti lihat pelajar-pelajar yang tercicir ini seperti di negara-negara maju seperti di Jerman, Perancis dan Sweden. Di mana sistem pendidikan mereka berlandaskan kepada kemahiran dan pengkhususan dari peringkat rendah sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi menengah dan seterusnya sampai ke universiti. Ada mereka gagal peringkat awal tetapi akhirnya mereka berjaya lebih baik lagi daripada pelajar-pelajar yang terbaik daripada peringkat awal.

Jadi kita akan minta supaya pihak kementerian sama ada Kementerian Pelajaran ataupun Kementerian Pengajian Tinggi, kerana kita tahu minat seseorang pelajar itu walaupun dia lemah, gagal dalam akademik mungkin dia mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Kalau kita tumpu di sini dalam muzik umpamanya dia mungkin lebih baik dan mempunyai masa depan yang cerah. Tetapi hari ini mereka tidak. Kita tidak mahu belia-belia kita yang ada bakat seperti ini menjadi masyarakat jalanan yang terpaksa menghambakan diri meminta sedekah. Kalau kita hendak jadi sebuah negara yang maju semuanya ini mesti kita selesaikan menjadi satu agenda yang penting supaya peluang bagi mereka yang tercicir juga mempunyai masa depan yang cerah. Kita tidak mahu menjadi satu budaya mereka yang gagal,

yang agak lembap daya pemikirannya mereka dipisahkan. Ini juga kita mesti lihat dan memberi keutamaan dalam melaksanakan sistem pelajaran kita, sistem pendidikan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pindah pergi kepada sistem *delivery system* ini kepada apa juga yang telah kita bangkitkan dalam tujuan mewujudkan masyarakat penyayang iaitu di mana pusat-pusat asuhan ataupun *nursery* yang akan diwajibkan di semua jabatan, agensi dan juga diminta supaya pihak swasta juga turut menyumbang ke arah ini. Cuma di sini kalau bolehlah saya hendak mencadangkan supaya hari ini Tuan Yang di-Pertua mungkin Tuan Yang di-Pertua juga mengalaminya kebanyakan pembantu-pembantu rumah hari ini, kalau dahulu pembantu-pembantu rumah ini kebanyakan diambil dari orang kampung tidak kiralah sama ada saudara mara, masyarakat kampung dan sebagainya. Tetapi hari ini kebanyakan adalah terdiri daripada warga asing. Kalau kita sebut warga asing ini tidak kiralah sama ada dari Indonesia dan sebagainya wang kita akan mengalir keluar. Jadi apa salahnya kalau kerajaan sudah begitu bermurah, barangkali mungkin dalam bajet yang akan datang kita galakan. Bagi mereka kerana kita tahu bahawa kalau orang-orang kampung masyarakat tempatan hari ini dia tidak mahu lagi menjadi pembantu rumah oleh kerana gaji yang begitu rendah, gajinya kecil.

Maka sebab banyak warga asing yang mengambil kesempatan. Barangkali kita boleh memikirkan bagi mana-mana pihak yang mengajikan mengambil pembantu rumah daripada masyarakat tempatan, masyarakat kita diberikan pengecualian cukai. Bayar gajinya tinggi sikit dikecualikan cukai dalam bajet yang akan datang. Ini boleh menggalakkan lagi semua pihak untuk mengambil, mengutamakan, mengajikan rakyat tempatan kita kerana sekarang ini kita tahu kenapa.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Beluran sudah bangun Yang Berhormat .

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Orang kampung yang tak mahu menjadi pembantu rumah ini kerana gaji yang dibayar begitu rendah. Dan ini diambil peluang oleh warganegara asing. Jadi kalau kita beri insentif pengecualian cukai ke atas mana-mana yang membayar gaji tinggi. Sebab dalam bajet kita pihak majikan dibenarkan yang mana memberi elaun ataupun bayaran ke atas mana-mana kakitangannya yang cemerlang, RM1000 akan diberikan pengecualian cukai. Ini juga kita boleh kita galakkan. Supaya kita tidak balik-balik bergantung kepada tenaga asing. Apa kurangnya tenaga-tenaga tempatan kita? Bila lagi kita hendak mengutamakan segala tenaga yang ada di dalam negara kita ini. Sila Yang Berhormat Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya tertarik dengan cadangan, soalnya ada tidak mereka yang bersedia untuk menjadi pembantu rumah dalam bilangan yang besar? Kerana kita lihat kita bergantung kepada pembantu rumah daripada Indonesia, Filipina, Thailand dan Burma dan sebagainya kerana kita tidak mempunyai mereka yang bersedia untuk menjadi pembantu rumah. Dan kalau kita galakan cukai pada mereka yang mengambil pembantu rumah tempatan

yang mungkin kerana ada hubungan, *connection* dan sebagainya, sebahagian besar daripada kita tidak akan dapat mengecapi potongan *income tax* daripadanya kerana sebahagian besar akan bergantung kepada pengambilan pembantu rumah daripada luar negara.

Kerana kalau kita lihat di Filipina, Indonesia dan sebagainya, ramai daripada kalangan mereka ini yang tidak bersekolah dan sebahagian besar daripada mereka menjadikan itu sebagai pekerjaan. Filipina *for example* pembantu rumah merupakan satu industri yang besar bagi mereka. Satu industri yang besar bagi mereka mengeksport pembantu rumah dan sebagainya. Dan kalau kita lihat dalam konteks negara kita, kita pada tahap yang lebih tinggi daripada Indonesia dan Filipina kerana itu ramai daripada kita tidak ingin menjadi pembantu rumah tetapi lebih suka menjadi pekerja kilang dan sebagainya. Jadi bagaimana kalau perkara ini dilaksanakan kerana sebahagian besar daripada kita masih bergantung pada pembantu rumah daripada luar.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Macam saya katakan tadi, kebanyakan mereka tidak lagi berminat menjadi pembantu rumah, oleh kerana tawaran gaji yang mereka rasakan tidak setimpal maka sebab itu mereka memilih untuk bekerja di kilang-kilang. Tetapi kalau ini kita lakukan saya yakin ia akan menggalakkan lagi masyarakat tempatan kita untuk merebut apa juga peluang sebagai pembantu rumah dapat dilakukan dan dilaksanakan. Kerana kita kena ingat bukan kita hendak cuba menyisih dengan kehadiran pendatang ataupun warga asing ini. Tetapi sejak akhir-akhir ini telah menimbulkan banyak masalah sosial yang berlaku dan ini amat membimbangkan.

Jadi mungkin ada satu jalan pilihan sebagai alternatif supaya kita memikirkan kenapa tidak kita memikirkan balik kalau dahulu peranan ini dimainkan oleh masyarakat tempatan kita sebagai pembantu rumah yang memahami budaya kita, yang tahu cara hidup kita, tidak kira sama ada mereka bertani dan sebagainya. Ini lebih baik, kenapa tidak kita cuba dan memberi satu insentif kepada perkara ini. Sila

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut, saya menyokong cadangan Yang Berhormat dan saya juga bersetuju agar pihak kerajaan mempertimbangkan perkara ini memberi insentif kepada majikan yang mengambil pembantu rumah daripada rakyat tempatan.

Dalam hal ini adakah Yang Berhormat Larut sedar bahawa, saya ambil satu contoh ya, pada tahun lepas tahun 2005 masih ada lagi RM100 juta yang belum, hasil yang sepatutnya dikutip oleh Kementerian Kesihatan masih lagi tertunggak, belum lagi terkutip. Dan saya difahamkan melalui pihak audit, sebahagian besar daripada hasil tertunggak ini adalah yuran yang sepatutnya dibayar oleh pendatang tanpa izin ataupun orang asing yang mendapat perkhidmatan daripada rumah-rumah sakit kita. Dan maknanya kalau RM100 juta lebih ini tertunggak tidak berbayar-bayar dari tahun ke tahun, tunggakan ini berterusan. Adakah ini lebih baik? Tertunggak ini daripada pelepasan cukai kepada majikan yang mengambil pekerja

tempatan sebagai contoh seperti Yang Berhormat katakan, Yang Berhormat sedar dalam perkara ini.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, itu satu perkara yang serius di mana kesilapannya hinggalah RM100 juta yang tak dapat. Itu yang saya katakan tadi, masalahnya kita ialah kalau kita terlalu bergantung kepada semua nak diimport, maknanya tenaga-tenaga asing ini, inilah yang akan menimbulkan masalah. Sebab itu saya lebih suka kita mengembalikan balik budaya, budaya kita dengan masyarakat kita yang merasakan mereka tersisih. Jadi kita nak kembalikan balik seolah-olah kita jangan terlalu banyak bergantung Tuan Yang di-Pertua, semuanya kita nak beli daripada luar, beras, ini masuk ke pertanian. Tak apalah beras kita import, RM11 bilion pengimportan kita ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Nanti sekejap, saya nak habiskan sikit Yang Berhormat Jerai. Saya tahu Yang Berhormat akan bangkit benda ini kerana pertanian. RM11 bilion, adil ke RM11 bilion ini dengan masyarakat kita 25 juta? RM11 bilion kita belanja setiap tahun untuk mengimport. Yang anehnya *plum* pun kita nak import, tak akan mati orang kita kalau kita terpaksa makan *plum* yang kita import. Kalau katakan buah-buahan seperti limau, ini biasanya orang kaya-kayalah yang makan, yang kita kena import dan sebagainya. Tapi tak akan sampai mempelam pun kita kena import, pisang. Di manakah kemampuan masyarakat kita, para petani kita? Sampai RM11 bilion kita terpaksa belanja, tak akan kita nak bergantung hidup kita, bagaimana pula apa yang patut kita lakukan?

Di Thailand, kenapa kita tak tengok di Thailand, apa teknologi yang digunakan oleh petani-petani di Thailand? Sistem *delivery* yang digunakan oleh agensi kerajaan untuk membantu meningkatkan lagi segala produk di negara berkenaan. Kita baru nak berbangga dengan tanaman anggur, baru di Perlis dan juga di Jeram. Thailand dah bercambah, ini kita kena lihat. Kalau kita tengok hari ini di *supermarket*, berapa peratus barang-barang import yang terdedah? Mana barang-barang kita? Tak akan sayur-sayuran pun kita kena import? Inilah kita berharap supaya dalam pembentangan bajet, peruntukan yang diberikan ini, yang juga diberi lebih kepada agensi berkenaan dapat dipertingkatkan. Sila Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Larut. Yang Berhormat, tadi kita bercakap tentang penggunaan buah-buahan tempatan, mengurangkan import barang-barang makanan. Jadi saya dok dengar pasal mengurangkan ini dah lama dah, sejak saya jadi Ahli Parlimen, saya jadi Speaker, balik jadi Ahli Parlimen, inilah mengurangkan, mengurangkan, merancang, mengkaji. Tapi sampai Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kita tak dapat lagi dia punya tang mana nak selesai masalah dia. Contoh tanaman padi, saya berminat Yang Berhormat kata tadi RM11 bilion, jangka masa panjang kalau kita *upgrade* kan tanah dan kemudahan tanaman padi ini,

saya ingat kalau kita dah mula buat dari dulu. Macam baru ini bila saya tanya Yang Berhormat Menteri, dia kata RM1 bilion untuk memperbaiki pengairan untuk menanam padi di Kedah supaya kita dapat 10 tan satu hektar.

RM1 bilion bagi saya untuk mengurangkan import padi di masa akan datang dan mempertingkatkan lagi pendapatan petani, dan mengurangkan subsidi, ini adalah tidak banyak. Dan RM1 bilion, kalau kita tak ada dalam, kita pinjam apa salahnya? Daripada World Bank ke, bank Islam mana-mana ke. Jadi ini jangka masa panjang akan dapat menguntungkan kerajaan. Dan saya difahamkan sahabat saya daripada Arau, dia pun pakar selidik, kaji fasal baja dan sebagainya. Dan kita telah guna, saya telah bertanya kepada Yang Berhormat Arau, bawa mai baja itu saya nak tengok dan dieksperimenkan. Dan didapati menggunakan baja beliau ini, baja keluaran kaji selidik beliau ini, pendapatan dia daripada padi itu meningkat dengan had yang dok guna la ni. Fasal apa?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ha, Ketereh pun, sat lagi Ketereh tolong *endorse* balik. Ketereh tanam buah mempelam, keluar besar Ketereh ya? Buah had kecil, dia tanam dulu, dia letak baja ini, buah jadi besar. Jadi fasal apa Kementerian Pertanian tak mahu guna daripada pakar-pakar yang ada, daripada cendekiawan yang ada dalam bidang pertanian. Fasal apa kita tak mahu? Kita rasa seolah-olah adakah ini kerana nak monopoli ataupun dapat *kick back* daripada penjualan baja yang mereka beli ini. Hinggakan baja yang dapat ini tak ada. jadi macam mana pandangan Larut? Saya amat runsing Larut, amat runsing dan amat kecewa kerana negara jiran kita telah jauh ke depan dalam pertanian, kita masih lagi melalak-lalak dan tidak ada satu yang berlaku. Sila Larut bagi sedikit penawar kepada saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat, kadang-kadang kita simpati juga dengan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri mempunyai satu visi tentang bagaimana nak memodenkan lagi sektor pertanian kita lebih berdaya saing. Tetapi masalahnya sistem penyampaian yang kita berulang kali bangkit, bawa. Saya bagi contoh, R&D kita, sekarang kita bagi peruntukan untuk R&D, untuk menggalakkan lagi *Research and Development*. Tapi masalahnya, MARDI kita ambil contoh Yang Berhormat, tak akanlah MARDI yang ditubuhkan berpuluh-puluh tahun lamanya, hanya setakat buat kajian untuk melahirkan sekaya? Setakat itu, sekaya daripada buah-buahan tempatan. Itu pun dalam penerbangan MAS yang didedahkan oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita. Sorok, sorok, malu nak mengutamakan bahan hasil tangan orang-orang kita, orang-orang kampung terutamanya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Pertanian Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi inilah dia, sedangkan kalau sebut selain daripada padi, durian di kawasan saya sendiri. Kadang-kadang sedih, orang

tanam durian kerana pada ketika itu kerana pasarannya begitu baik. Ha itu, oleh kerana tak boleh bawa masuk, kita tak akan ada satu kajian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, nak bagi jalan Ketereh Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Untuk yang tidak bermusim sebagaimana Ketereh nak tanya.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat nak cari ayat nak sebut Ketereh, dia jumpa akhirnya dia bagi, saya ucap terima kasih. Sebut fasal pertanian ini, begini sebenarnya sebab saya anak petani dan saya juga petani, saya pengerusi pertubuhan peladang. Yang disebutkan oleh Jerai tadi betul dan kebetulan saya tengok ada Dato' Setiausaha Parlimen, walaupun Menteri tak ada, sebab Menteri pergi belajar lagi saya diberitahu, dia pergi ke negeri China belajar pertanian.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Belajar tak habis-habis?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Dia pergi belajar tengok, balik daripada Jepun hari itu, di Jepun dia belajar tengok lembu makan padi, jerami padi, padi, padi bukan jerami padi, padi dan jeraminya, sekarang tak tahulah. Fasal baja, yang jadi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, baja satu hal, *soil* satu hal. Baja yang dikeluarkan oleh sahabat kita Arau ini, saya cuba di Pertubuhan Peladang saya, Pertubuhan Peladang saya adalah kawasan mini *estate* kawasan saya, pengeluar padi terbesar di Kelantan, *average* petani keluar 4.5 tan. Paling tinggi dalam KADA. Masa itu guna baja sahaja, baja untuk menyihatkan pokok.

Tetapi yang sebenarnya masalah yang timbul ialah tanah itu sakit, *the soil is sick, the man is sick*. You makan vitamin pun kalau badan tak sihat, tak jadi doktor Kepong, tapi dia doktor kulit. Kulit nak kena bagus, jadi baja yang memulihkan tanah ini adalah baja organik, tanah itu mesti dipulihkan. Bila tanah pulih, baru kita bubuh baja kimia. Baru kita tanam dan pokok itu akan berbuah dengan lebih baik, dan selepas saya guna, di dua mini *estate* dalam kawasan saya, saya beritahu Pengerusi KADA, saya beritahu Menteri Pertanian, hasil *yield* padi kawasan itu daripada 4.5 tan tahun pertama naik jadi 6.5 tan, tahun kedua naik 8 tan. Keluasan yang sama, menggunakan baja yang sama, tetapi kita pulihkan dulu tanah dengan baja organik. Jadi saya juga hairan bersama dengan Yang Berhormat bagi Jerai, kenapa kerajaan tidak ambil benda yang ada dalam negeri ini, untuk dimasukkan dalam Skim Subsidi Baja. Jadi itu saya hendak minta komen Dato' Pengerusi Backbenchers.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat panjang lagi ke?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ada sikit lagi. Saya hendak pergi alihkan kepada....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, kena habiskan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kementerian lain. Saya pun Pengerusi Pertubuhan Peladang juga Yang Berhormat. Kita sama-sama daripada kampung, masalah ini memang amat kita ketahui. Tetapi Yang Berhormat, kalau menteri tadi belajar, membuat lawatan itu bagus, untuk menimba pengetahuan, melihat apa yang elok dibawa pulang, banyak yang telah dia lakukan. Kita tidak nafikan, usaha menteri ini kita tidak nafikan. Tetapi kita berharap apa juga yang telah dirancangkan, yang hendak dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri kita, mestilah diterima dan diguna pakai oleh peringkat di bawah. Kita tidak mahu apabila menteri telah bagi arahan, menurut dasar yang ada, tetapi ini tidak dilaksanakan. Itulah timbul apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jerai dan Yang Berhormat bagi Ketereh tadi. Jadi sampai bila benda ini hendak diselesaikan. Kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri turut memberi berkali-kali pentingnya sektor pertanian ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...untuk meningkatkan lagi para peladang kita, petani kita, kerana mereka telah memberi banyak sumbangan, kita jangan lupa negara kita mewah pada hari ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Berdiri lama ni...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...kita mewah pada hari ini, nikmat ekonomi kita kecapai pada hari ini adalah kerana hasil sokongan para petani kita, kita jangan lupa. Sebagaimana yang dilaung-laungkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tadi hendak ada hal sikit, tetapi saya tertarik tentang lawatan ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju, saya tidak apa, lawatan itu pergilah. Lawatan di seluruh dunia ini, tetapi di Malaysia tidak jadi apa lagi, ini apa hal. Kes pertanian, begitu juga jabatan lain, lawatan sambil belajar ini, sekarang ini kena bubuh lawatan sambil belajar dan bermain golf, yang itu semua. Pagi belajar, petang main golf. Jadi saya bukanlah marah, tidak apa, hendak pergi, pergi, belajar. Tetapi balik semula apa yang ada. Di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut, tanah subur Allah Taala bagi. Tanam orang mati sahaja tidak hidup, yang lain tanam hidup. Burung terbang makan buah jambu, dia buang air besar dia, najis tu tersangkut di bangunan, tumbuh, pokok jambu atas bangunan. Jadi nanti melawat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bangunan tidak ada tanah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia boleh, dia *hold* lumut itu, dia *grab* lumut itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu kadang-kadang kita tengok bangunan-

bangunan kerajaan yang lama-lama itu ada pokok tumbuh. Siapa hendak naik pergi tanam, tak burung terbang. Jadi kalau benda macam itu, kalau kita pergi melawat padang pasir hendak pergi tengok cara orang padang pasir tanam, buat apa, kita bukan ada padang pasir.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jerai. Saya hendak cadangkan di sini, kalau ada lawatan... tutuplah.

Saya hendak cadang di sini, kalau boleh dalam lawatan-lawatan yang dianjurkan oleh menteri ataupun pegawai-pegawai yang lain, bawalah para petani kita yang berjaya, peladang kita ini sekali dalam rombongan itu, apa salahnya. Tidak akanlah kalau mereka ke New York, ke Kanada, kalau bawa peladang kita, petani kita, kita malu. Apa salahnya beri pendedahan kepada mereka. Kalau Yang Berhormat bagi Jerai penting, bawa Yang Berhormat bagi Jerai, sekurang-kurangnya dia tahu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Tidak...tidak...tak apa..tak apa..saya tak apa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau Yang Berhormat bagi Jerai tolak tidak apalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Bagi jadi di Malaysia...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Insya-Allah. Saya hendak cadangkan di sini, supaya kita bawa, jangan rombongan ini hanya terdiri daripada kalangan-kalangan tertentu sahaja Yang Berhormat. Bawa peladang kita, petani kita. Yang Berhormat bagi Kepong tidak payahlah, dia tidak ada kawasan pertanian. Apa salahnya, pada waktu yang sama mungkin mereka boleh bagi pandangan-pandangan mereka. Hasil lawatan yang dilakukan oleh pihak berkenaan. Ya sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat petani-petani kita ini sebenarnya gigih, rajin, saya kagum. Tetapi apabila berdepan dengan suasana teknologi pada hari ini Yang Berhormat, kita dapati petani-petani kita agak sedikit ketinggalan. Maklumat-maklumat fasal pertanian, walaupun gigih cara mana pun, saya rasa kalau dari segi ilmu pertanian itu kurang, ia tidak boleh maju lebih. Sebab itu kalau tengok tanaman padi pada hari ini, apabila barangan komoditi kelapa sawit naik harga, saya rasa lebih baik tanam kelapa sawit daripada tanam padi. Tetapi bukan begitu hasrat kita. Cuma saya rasa, *transfer* teknologi pertanian ini perlu dibuat kepada petani-petani kita. Kalau hendak canggih sangat pun, mungkin kita rasa susah sangat, tetapi teknologi ini perlu dipindah. Kadang-kadang lawatan-lawatan ini bukan pemindahan teknologi, kita tidak nampak lawatan ini boleh memindah teknologi pertanian. Cuma dari segi maklumat sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya setuju pandangan Yang Berhormat itu tadi. Cuma kalau boleh di sini, kita hendak tanyalah kalau kita mengimport sebanyak 11 bilion tadi, kita hendak tanya berapa banyak pula yang kita telah eksport segala keluaran tempatan kita, ini kita buat berbandingan, ini amat mustahak. Supaya kita akan dapat jadikan satu kayu pengukur *time frame* dengan izin, berapa lama kita hendak bertahan dengan penggantungan pengimportan bahan-bahan pemakanan ini termasuk buah-buahan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang modal insan dan mengiktiraf sumbangan pekerja ini saya hendak menyentuh, kerana kita mengaku pada zaman globalisasi ini, media dilihat bukan sahaja sebagai menyebarkan maklumat mengenai dasar-dasar kerajaan, berita sebagainya, tetapi ia juga sebagai pencetus minda masyarakat atau lebih tepat sebagai penentu agenda.

Seorang tokoh media komunikasi pernah menyatakan dalam kebanyakan keadaan, media tidak berupaya mempengaruhi orang ramai menentukan bagaimana untuk berfikir, tetapi yang mengaibkan ialah media berjaya mempengaruhi pembacanya untuk menentukan apa yang perlu difikirkan. Justeru, media boleh dilabelkan sebagai agen perubahan masyarakat yang baru, yang ternyata pengaruhnya melebihi suara-suara lain. Di sini media berperanan sebagai *check and balance* dalam menentukan keberkesanan dasar-dasar negara dan menjalankan tanggungjawab sosial. Di negara kita, kita mempunyai mata dan telinga dalam menyuarakan dasar-dasar negara, sebagai contoh Bernama atau juga dikenali sebagai Pertubuhan Berita Nasional, sebuah badan berkanun yang dilihat sebagai agen media yang amat berpengaruh dan berpotensi dalam menjayakan agenda kerajaan terutamanya Bajet 2007 ini.

Peranan Bernama dilihat sebagai sumber berita terkini dan boleh dipercayai. Malah Bernama juga mempunyai perkhidmatan audio visual dikenali sebagai Bernama TV yang ditubuhkan pada 1 November 1998. Dengan kedudukan Malaysia sebagai negara yang progresif dan kedudukan ilmu alam yang menempatkan negara ini di tengah kawah berita yang aktif, membolehkan peranan Bernama, terutamanya Bernama TV ini, boleh dijadikan suara baru stesen berita TV 24 jam yang selama ini didominasi oleh CNN dan BBC.

Saya ingin mengesyorkan di sini supaya Bernama TV dijadikan satu saluran berita dikenali sebagai Malaysian News Channel (MNC). Dan saya difahamkan Bernama TV mempunyai banyak pengalaman, serta mempunyai sistem teknologi audio yang canggih. Malah saya mengesyorkan supaya Bernama TV mengambil mana-mana saluran dalam ASTRO sebagai permulaan saluran berita 24 jam. Ini termasuklah boleh menyiarkan berita-berita kita di Parlimen yang hari ini kita belum dapat liputan yang luas, kecuali laporan Parlimen. Kita ucapkan banyak terima kasihlah kepada RTM dan juga stesen TV yang lain, yang turut memberi penyebaran berita kita sewaktu berada dalam Parlimen ini. Mungkin dengan pembayaran *fee* dengan izin, tahunan kepada ASTRO, ia bagi membolehkan MNC ini diwujudkan seberapa segera.

Cuma apa yang difahamkan Bernama perlu lebih efisien dalam memperkukuhkan modal insan atau kakitangan mereka yang berpengalaman. Bernama perlu membina modal insan yang

mahir dan berpengetahuan. Tetapi apa yang membimbangkan ialah ramai kakitangan Bernama terutamanya mereka yang berpengalaman di dalam Bernama TV telah berhenti kerja sejak awal tahun ini. Ini saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua.

Ramai juga di kalangan mereka yang merungut kerana dibebani kerja atau *under power*, dengan izin, sehingga menimbulkan ketidakeselesaan suasana kerja. Saya dimaklumkan bahawa ada kakitangan Bernama TV yang bekerja sebagai kerani am yang diberikan tugas sebagai Pengarah Studio walaupun ianya baik untuk pengalaman tetapi apabila ia dibebankan dengan tugas yang berat dan tidak setimpal dengan tangga gaji, ia tidak berbaloi. Malah saya dimaklumkan ramai juga kakitangan Bernama yang berskim komersial, tidak naik gred gaji dan jawatan.

Ada di antara kakitangan Bernama skim komersial yang mempunyai pengalaman lebih lapan tahun masih berada di Gred D, sedangkan orang luar yang baru masuk ke dalam agensi tersebut dengan pengalaman dua atau tiga tahun telah diberikan Gred C dan Gred B. Ini sesuatu yang serius dan kita berharap supaya perkara ini dapat diberikan perhatian dan juga diambil berat. Penting Bernama ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya hendak sentuh sedikit Bernama ini sebagai sebahagian daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh diizinkan saya habiskan semua sebab kalau tidak ada celahan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa minit lagi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua, saya akan habis saya beritahu kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab memang panjanglah dari semalam sampai sekarang.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, sebab ada perkara-perkara yang penting, Tuan Yang di-Pertua. Kawan-kawan pun bangun hendak bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi fikirlah, ada kawan-kawan yang hendak berucap jugalah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya. Saya hendak sentuh sedikit RTM ini, Tuan Yang di-Pertua. RTM ini saya hendak sentuh tentang *airtime*, dengan izin. Kita tahu telah banyak *airtime* yang telah diberikan tetapi kita hendak tahu berapa banyak kualiti pihak-pihak yang telah mendapat peluang *airtime* yang telah disediakan oleh RTM terutamanya dalam pembikinan drama. Ini amat penting kerana kita tidak mahu apabila diberi kepada pihak-pihak tertentu, ada yang ambil kesempatan menjadi macam "jutawan goreng pisang", Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, jutawan sekelip mata hari ini menjadi satu isu yang hangat.

Jadi saya yakin dan percaya di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri yang baru ini, perkara ini dapat dilihat tentang pentingnya mutu dapat ditingkatkan. Saya tidak menafikan

peranan RTM dalam program-program yang diadakan terutama Debat Perdana yang mana diberi peluang kepada pihak pembangkang tetapi pihak pembangkang telah mengambil kesempatan untuk membelasah, biasalah.

Bagi panel-panel dari sebelah kita ini ok, tidak ada masalah. Jadi banyak program yang telah dibuat oleh RTM tetapi kita berharap sebagai agensi kerajaan, peranan RTM ini dapat dipertingkatkan lagi terutamanya dalam penyampaian dasar-dasar kerajaan, terutama isu-isu yang boleh menjejaskan keharmonian negara kita, perpaduan kita, perpecahan kita. Ini patut segera disampaikan segala maklumat ini supaya tidak ada lagi orang-orang di kawasan luar bandar terutamanya mendapat maklumat-maklumat yang tidak betul.

Di sinilah kita berharap kalau masalah kekosongan kakitangan yang perlu diisi, diisi sebagaimana yang disebut oleh rakan saya tadi dari Sabah kerana RTM ini adalah satu agensi yang amat penting, bukan hanya setakat untuk memberi hiburan, membuat *live telecast* dalam program-program yang kita rasalah. Mungkin bagi pihak RTM, pandangannya program tersebut adalah program yang baik yang mendatangkan kebaikan. Tetapi pada pandangan umum, perlu juga kita ambil kira. Jadi saya berharaplah supaya dapat dipertingkatkan lagi. Bukan kata persembahan RTM pada hari ini tidak bermutu tinggi...

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pensiangan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila. Ini saya kena bagi sebab dia orang RTM.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya ingin tambah mengenai dengan apa yang telah dibentangkan, perlu juga penjelasan daripada Yang Berhormat. Satu perkara yang kita lihat sekarang ini dalam pendigitalan RTM ini, khususnya di Klang Valley ini yang mana teknologi-teknologi yang tercanggih yang sudah pun disempurnakan daripada 1 September yang lalu, kita perlu tahu dari segi prestasi siaran tersebut yang telah pun dilancarkan baru-baru ini di Klang Valley ini. Saya melihat rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh RTM memang mempunyai kewibawaan.

Tetapi sekarang ini kita harus melangkah dengan lebih berwibawa lagi sebab kenapa, kebanyakan daripada pegawai-pegawai kita ataupun kakitangan Jabatan Penyiaran ataupun RTM ini yang mempunyai kelulusan-kelulusan yang saya rasa setimpal dengan apa yang mereka isikan dalam jawatan-jawatan tersebut. Umpamanya keluaran-keluaran ataupun lepasan-lepasan universiti sekarang ini lebih menjurus kepada jurusan-jurusan elektronik media. Ada juga mengikuti dari segi penerbitan rancangan-rancangan TV, ada juga kakitangan yang mempunyai pengkhususan dalam penerbitan-penerbitan filem dan sebagainya.

Tetapi saya rasa ini kurang dari segi praktikalnya. Daripada itu saya percaya RTM sekarang ini telah pun membuat satu perancangan yang begitu rapi sekali, lebih-lebih lagi Institut Penyiaran Tun Abdul Razak ini adalah satu institut yang terunggul yang saya percaya perlu ditingkatkan lagi dari segi kewibawaannya, dari segi prestasi, kualiti pembelajaran dan juga dari segi latihan-latihan tersebut. Latihan-latihan ini bukan sahaja melatih pegawai-pegawai ini menjadi pegawai-pegawai atau kakitangan yang berdaya maju dan berdaya saing tetapi saya pasti kualiti rancangan-rancangan penerbitan TV RTM ataupun radio ini perlu dipertingkatkan lagi sama dengan *private station* ataupun stesen-stesen swasta.

Jadi daripada soal yang ini, RTM harus menekankan dari segi kualiti *content*, apakah perisian yang berkualiti yang harus dipersembahkan kepada penonton-penonton dan juga pendengar-pendengar. Minta pandangan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju. Cuma kalau bolehlah, saya tidak tahulah kenapa RTM perlu bersaing dengan stesen-stesen TV swasta, tidak perlu. Tidak perlulah bersaing dengan TV3 atau NTV7. Teruskan dengan cara pendekatan RTM kerana RTM ini saya setuju dengan Yang Berhormat mengatakan tadi, meningkatkan mutu atau kualiti tetapi tidak perlu bersaing dengan mana-mana stesen swasta kerana RTM ini adalah merupakan agensi kerajaan untuk menyampaikan apa juga yang perlu disampaikan oleh kerajaan kepada rakyat.

Jadi masalah kita apabila sistem penyampaian ini tidak begitu tepat, ia akan timbul pengaruh-pengaruh kekeliruan ke atas dasar kerajaan, lebih-lebih lagi pihak pembangkang terutamanya. Kita jangan kisah apa pembangkang hendak pandang kepada RTM ini tetapi yang penting RTM mestilah berpendirian, teruskan dengan dasar yang ada pada hari ini dan tidak perlu bersaing dengan mana-mana stesen TV swasta kerana kita sudah jelas bahawa...

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...RTM ini merupakan milik kerajaan. Jadi bererti apa juga yang dibuat adalah untuk kerajaan. Mesti mengutamakan kerajaan walaupun ia tidak disenangi oleh mana-mana pihak termasuk pembangkang. Sila.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Penjelasan, Yang Berhormat bagi Larut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Larut bahawa RTM tidak perlu bersaing. Tetapi bagaimanakah kalau ia tidak bersaing, TV3 penontonnya banyak, NTV7 penonton banyak, RTM bagi penerangan-penerangan tetapi tidak ada orang tengok. Macam mana? Maksudnya ia tidak popular. Yang TV lain, ia popular. Bagaimana? Kita baru habis menaruh tetapi tidak ada orang tengok. Macam mana?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ada, bukan tidak ada yang tengok. Maksud saya tadi, dasar-dasar yang penting yang perlu disampaikan. Bukanlah semua

kita katakan hari-hari 24 jam untuk diisi dengan maklumat sahaja tetapi mengutamakan sebab ini badan kerajaan. Sebagai badan kerajaan, ini mesti mengutamakan apa juga pelaksanaan program kerajaan terutama macam Bajet 2007, umpamanya, Rancangan Malaysia Kesembilan, sistem penyampaian bagaimana. Ini kempen-kempen yang perlu dimuat dan diisi dari masa ke semasa. Ini yang saya maksudkan. Bukan kata tidak perlu ada drama, hiburan malam minggu, teruskan, tidak ada masalah. Tetapi yang penting ialah...

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pensiangan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kepentingan kerajaan itu sendiri mesti didahulukan. Sila.

Tuan Bernard S. Maarat @ Ben [Pensiangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma ingin penjelasan. Dua tahun yang lalu, atau setahun yang lalu saya telah mengemukakan iaitu bahawa RTM ini perlu berdaya maju dan berdaya saing dan tidak perlu untuk dia meningkatkan martabat tersebut, tetapi baru-baru ini menteri telah menyatakan bahawa RTM itu perlu berdaya maju dan bersaing untuk menarik semua penonton dan pendengar. NHK, BBC, ABC, *Canadian Broadcasting*, *Australia Broadcasting*, NHK Jepun dan termasuklah JBBC ini semua berdaya saing dengan komersial-komersial yang lain supaya mereka ini dapat melihat stesen-stesen mereka itu adalah diterbitkan rancangan-rancangan ataupun rancangan-rancangan yang berwibawa dan akhirnya penonton-penonton dan semua rakyat ini dapat menumpukan perhatian mereka kepada RTM. Jadi jawab kepada soal ini, RTM harus berdaya maju dan berdaya saing *very competitive in the world market*, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya setujuah Yang Berhormat dari segi persaingan, bersaing mengikut arus globalisasi saya setuju. Tetapi, jangan bersaing dengan mana-mana stesen TV untuk sesuatu tujuan, itu maksud saya. Buat apa kita terpaksa bersaing dengan sesuatu stesen itu semata-mata hendak melihat siapa sokong siapa, dari segi *rating*. Ini tidak perlu. Untuk meningkatkan kualiti, mutu, kita tidak nafikan penggunaan teknologi baru kalau kawasan-kawasan umpama yang masih belum dapat menerima dengan jelas RTM ini, ini perlu dipertingkatkan termasuk di Beluran umpamanya, kalau *reception* dengan izin tidak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bolehkah saya cadangkan kita beralih kepada tajuk yang lain.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit, lepas ini Tuan Yang di-Pertua, lepas ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: lagilah.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, RTM kita minta untuk laksanakan, sebarikan dasar, kemudian kita minta RTM sehebat *TVstation private* yang

lain. Saya rasa ada kekeliruan di sini. Masyarakat kita ini lebih suka menonton perkara-perkara yang sensasi. Berapa ramai yang minat untuk mendengar menonton perkara-perkara dasar kerajaan? Tidak ramai. Sebab itu apabila kita tengok *rating* RTM dan TV3, sering kali kita lihat TV3 lebih ramai penonton Tuan Yang di-Pertua. Jadi tidak adil kita minta RTM siarkan dasar kemudian kita minta RTM lebih popular daripada stesen *private* yang lain. Sedangkan stesen *private* yang lain, orang kahwin pun dia siarkan sampai lima jam enam jam. Itu sensasi. Tentulah ramai penonton. Kalau masa kahwin itu kita siarkan dasar kerajaan, kosong, tidak tengok. Orang tidak tengok RTM. Mujur ada Timbalan Menteri yang ada idea sedikit buat satu program yang dapat menarik sepertiga daripada penonton masyarakat Malaysia daripada menonton orang kahwin.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Jadi ada perbezaannya. Sebab itu kalau kita minta dasar siarkan dasar, kita harus bersedia untuk *rating*nya lebih rendah sedikit daripada perkara-perkara sensasi. Apa pendapat Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kebetulan Timbalan Menteri pun ada di sini. Dia ada dua perkara yang kita mesti lihat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bera.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekejap. Saya hendak jelaskan ini dahulu, sebab saya akan pergi ke radio Orang Asli, tidak ada masalah. Masalahnya di sini ialah stesen TV swasta ini dia komersial, tidak ada makna, tidak ada masalah. Sebab dia *commercialize* apa juga program yang dibuat. Dia bayar misal kata dibayar hak dia, tetapi kita sebagai agensi kerajaan. Itu saya kata tadi, untuk apa kita hendak bersaing. Ini mungkin Timbalan Menteri setuju. Sebab kalau kita sudah bayar, itu lain, sebab ini stesen swasta. Tetapi, sebagai agensi kerajaan, RTM ini teruskan dengan dasar yang ada, tidak perlu kita bersaing, kalau kita hendak bersaing dari segi meningkatkan berita umpamanya, penyampaian berita.

Kadang-kadang pergi kawasan Orang Asli. Saya dan Yang Berhormat bagi Bera ini terutamanya banyak perjuangan hal ehwal Orang Asli. Dalam Bajet kita pun turut kita berikan perhatian kepada mangsa-mangsa. Itu dia penyampaian tentang dasar-dasar kerajaan. Kadang-kadang Timbalan Menteri Penerangan kerana dia ada di sini. Kita hendak dengar apa dia hendak sampaikan maklumat. Siarkan, itu peranan RTM. Menteri dia baik, Timbalan Menteri dia baik, Setiausaha Parlimen dia baik. Terutamanya dan pegawai-pegawai yang lain. Itu yang kita hendak lihat kerana inilah sebagai satu nadi penting dalam menentukan arus kemajuan kita, sila.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Yang Berhormat. RTM perlu berani, RTM tidak perlu terikut-ikut dengan kehendak masyarakat semata-mata. Kalau masyarakat perlukan hiburan, RTM menjadi TV hiburan, tidak boleh. RTM mesti mengubah persepsi ini, RTM mesti berani mengubah minda masyarakat bukan dia terikut dengan kehendak masyarakat. RTM mesti menjadi televisyen yang bertanggungjawab, menjadi lidah kerajaan, menjadi televisyen informasi misalnya. Banyak televisyen lain yang semata-mata *news*, berita CNN misalnya, boleh menjadi berita yang terkenal di seluruh dunia. Jakarta di Indonesia, ada satu rangkaian televisyen yang semata-mata menyiarkan berita sahaja, Metro TV. Dia berani dan akhirnya Metro TV menjadi stesen televisyen yang popular. Soalnya mesti berani, RTM mesti berani. Tetapi kita nampak tiba-tiba terikut-ikut. Baru-baru ini saya agak terkejut....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ... apabila TV3 buat perkahwinan Siti Nurhaliza, RTM hendak bersaing keluar Ina dengan Mawi. Saya kata tidak nampak logik dari segi RTM ini. RTM perlu lebih berani ubah pemikiran rakyat, bukan dia terikut-ikut dengan kehendak hiburan dan sebagainya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Macam saya katakan tadilah. Kalau stesen swasta ini, tidak apa dia bersaing sebab dia stesen TV yang komersial sama ada Yang Berhormat sebut tadi CNN dan sebagainya, kita ini RTM sebuah agensi kerajaan. Kalau kita hendak bersaing, saya hendak cadangkan di sini Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri ada, dia mungkin setuju. Tubuhkan satu lagi RTM 3 khusus untuk komersial, bersainglah dengan sesiapa pun. Kita mesti ada perancangan, janganlah kalau TV3 itu sudah buat program itu sebulan misal katalah sebutlah di sini katakanlah siaran langsung perkahwinan siapa?

Siapa nama? Siti apa itu? Siti.. Siti baru-baru ini, ok. Kerana dia *commercialize*, tetapi kenapa... Ini pandangan kita Timbalan Menteri, bukan kita ada apa-apa tidak ada. Janganlah lepas ini gam kami pula. Takut juga hendak cakap, takut kena gam Tuan Yang di-Pertua. Tidak perlu, orang boleh memilih siaran mana dia hendak tengok, tidak perlulah kita hendak bersaing-saing. Tidak apalah ini mungkin satu perkara yang mungkin, bukan silap, mungkin kita katalah ini satu praktikal dengan izin, tidak perlu. Kita sudah tahu TV3 sudah canang merata untuk dia buat siaran langsung, orang semua sudah tahu hendak tengok perkahwinan siapa nama tadi?

Seorang Ahli: Siti.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Siti. Tidak apalah itu komersial, siapa pun dia hendak tayang, dia tayanglah. Tetapi, jadikanlah ini satu panduan, minta Timbalan Menteri jangan salah anggap. Nanti Yang Berhormat bagi Ketereh kena gam, Yang Berhormat bagi Bera kena gam susahlah kita. Tetapi, kita bagi pandangan untuk kebaikan.

Kita tidak ada apa-apa sebenarnya. Itu yang saya maksudkan Tuan Yang di-Pertua, sebab TV3 sudah rancang lebih lama....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa minit lagi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya hendak masuk sebab terakhir sukan, saya akan masuk sukan yang terakhir Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cepat masuklah.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Bagi sedikit peluang Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi, itulah kita hendak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ketereh, hendak tanya apa?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya cadangkan RTM tubuhkan satu lagi stesen, ok. Kita *commercialize*. Tidak kiralah sukankah, untuk hiburan ke, untuk agamakah.....

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Pasal rancangan TV *commercialize*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Ketereh bangun.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Hendak sudah hendak bagi Tuan Yang di-Pertua, sabar sedikit, saya hendak bagi, bukan tidak hendak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau hendak bagi, bagi dia cepat sedikitlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi, itulah kalau kita hendak buat, kita wujudkan satu lagi saluran TV swastakan di bawah RTM apa nama 3ke, kalau tidak boleh kita pinda, kita gubalkan undang-undang di sini. Harap Timbalan Menteri setuju, terima kasih.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya ada pandangan yang berbeza mengenai dua rancangan ini. Perbezaannya di sini saya melihat TV3 malam itu dua-dua saya tidak tonton, sebab malam itu ada 18 Ahli Parlimen Barisan Nasional bersama dengan Menteri Pendidikan membincangkan soal masa depan anak bangsa kita di rumahnya. Jadi kita tidak tengok dua-dua. Tetapi, saya dapat gambaran daripada orang, termasuk rancangan Ina saya dapat gambaran daripada Yang Berhormat Menteri.

Rancangan Datuk K kahwin dengan Siti Nurhaliza diberitahu oleh seorang menteri kepada saya. Saya tengok macam ini, TV3 mempamerkan satu perkahwinan seorang duda dengan seorang anak gadis. Pada saya ini bukan satu *role model* kerana kebahagiaan, kemeriahan, kegagahan, kekayaan dan segala-galanya yang ditunjukkan dan dipertontonkan macam seorang puteri raja dan seorang pemimpin dan macam seorang negarawan itu

sebenarnya di atas keruntuhan seorang ibu dan anak-anak. Di samping enam juta orang melihat dan menyaksikan betapa gembiranya dua *couple* ini bergembira, anak dan isterinya sedang menangis kesedihan. Kebahagiaan di atas keruntuhan sebuah rumah tangga.

Berbeza dengan RTM. RTM membuat sebaliknya. RTM cuba menghubungkan kembali silaturahmi seorang budak kampung yang telah dikecewakan oleh kerana kemasyhuran seorang lelaki dan teraniaya dan cuba dipertemukan. Yang satu berada di atas satu keruntuhan, yang dua sedang membina balik keruntuhan yang telah pun rosak. [Tepuk]

Satu benda yang berbeza. Maksud saya di sini, kita harus melihat sesuatu perkara....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Hendak minta penjelasan atau hendak berucap ini?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Tak, tak. Saya bukan hendak berucap, hendak minta penjelasan. Jadi kalau dua perbandingan ini dilihat, pada saya kita mesti lihat daripada sudut yang positif. Saya menyokong langkah RTM. RTM mesti mengambil *reverse psychology* dan inilah sebenarnya tujuan RTM. Ada *role model* yang hendak ditunjuk. Saya tidak faham dengan yang satu lagi. *Role model* apa? *I think that is totally commercial.* Terima kasih. Minta pandangan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya tidak bertujuan hendak mengaibkan sesiapa di sini sebab itu saya tidak hendak menyebut. Cuma oleh kerana kita tahu TV3 menyiarkan satu program perkahwinan di antara Siti dengan Datuk K dan satu lagi RTM menyiarkan pertunangan yang sudah putus dan antara Mawi dan Ina. Kalau Yang Berhormat bagi Ketereh sebut tadi sebenarnya kedua-dua itu sudah tersasar. Sebab ini kisah peribadi. Macam putus tunang, ramai yang kita tahu kisah-kisah macam ini. Tidak payahlah. Dasar kerajaan lebih penting! [Tepuk]

Hendak menjadikan Rancangan Malaysia Kesembilan ini supaya dapat kita pastikan pelaksanaannya. Ini yang penting. Keluarlah hari-hari tidak apa. *System delivery* yang kita hendak perbetulkan. Peruntukan yang telah dikeluarkan umpamanya, katakanlah sebagai contoh, itu yang kita hendak. Di mana kelemahan-kelemahan yang perlu kita dedahkan untuk diperbaiki. Itu lebih penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, pergi ke sukan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya hendak pergi kepada industri pelancongan sedikit Tuan Yang di-Pertua sebelum itu. Ini penting Tuan Yang di-Pertua sebab kita hendak menggalakkan pelancong datang Tahun Melawat Malaysia 2007. Ini peranan RTM. Kemudian kita hendak tahu juga tentang orang menganggapkan bahawa keadaan dan keselamatan negara kita dan sebagainya macam mana. Dan kita difahamkan dalam hendak menjamin keselesaan pelancong datang ke negara kita ini terutama di kawasan bandar raya

inilah hendak dipasang CCTV, hendak belanja sampai lebih kurang RM20 juta. Saya difahamkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hendak belanja.

Kalau ikut di sini bukan tidak baik, bukan tidak bagus tapi bagus. Tapi mungkin di kawasan-kawasan tertentu. Apa salahnya kalau bolehlah saya hendak cadangkan di sini duit RM20 juta ini kalau betul-betul peruntukan yang disediakan untuk menjaga keselamatan dan keamanan di bandar raya ini, kita gunakan untuk melantik polis tambahan Tuan Yang di-Pertua. Barangkali dengan RM20 juta ini, kita boleh memberi pengisian kepada 10,000 orang. *[Tepuk]* 10,000 orang akan dapat pekerjaan. Ini kalau RTM hendak siar, siarkan lebih baik.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau kita pasang CCTV rosak dan sebagainya, lebih baik kita melantik 10,000 orang. Orang yang *supply* dengan izin benda ini lebih membuat keuntungan untuk *maintenance*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi saya merasakan lebih baik kita lantik dan beri jawatan kepada 10,000 orang termasuk ijazah menganggur ini. Kalau gaji RM2,000 siapa yang tidak hendak sebagai polis tambahan. Tetapi jangan bagi uniform. Jangan bagi uniform. Untuk tengok keadaan menjaga keselamatan pelancong kita. Kalau semua pakai uniform polis, risau juga mereka Tuan Yang di-Pertua. Takut ramai sangat polis, apa jadi di bandar raya ini. Jadi saya merasakan ini perlu dilihat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kalau betul-betul Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hendak menggunakan wang sebanyak itu. Lebih baik memberi peluang kepada mengisi jawatan kosong mengatasi lagi masalah pengangguran dalam membantu meningkatkan lagi industri pelancongan ini terutamanya dalam....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:kempen melawat 2007 walaupun tidak masuk ke kawasan Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya hendak khusus kepada bandar raya kita ini iaitu Kuala Lumpur. Saya hendak berbalik kepada wang RM20 juta itu, saya harap benar. Saya lebih memilih untuk kita memperkasakan persatuan-persatuan penduduk ataupun NGO yang ada di kawasan bandar raya itu dengan modul tertentu mengikut kawasan tertentu untuk menjaga keamanan dan keselamatan di kawasan itu.

Selain daripada, saya setuju ini dengan Yang Berhormat bagi Larut. Jadi bukanlah keseluruhannya digunakan untuk polis tetapi saya lebih memilih. Saya kata melibatkan komuniti setempat itu untuk menjaga bandar raya kita. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu mungkin boleh tambah lagilah peruntukan lain. Sebab Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua sekarang ini di kanan dan kiri kita ini masalah peras ugut, rompakan dan sebagainya. Ini satu perkara yang serius yang perlu kita tangani dan kita hendak menggalakkan pelancong datang kerana industri pelancongan ini menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi kita yang begitu tinggi kerana kita tahu bahawa insya-Allah tahun hadapan pertumbuhan ekonomi kita meningkat kepada 6%, insya-Allah. Dan kita tahu bahawa pelancong hari ini sudah selesa datang ke negara kita ini. Termasuklah kempen yang dibuat oleh Timbalan Menteri Penerangan dahulu sewaktu menjadi Timbalan Menteri Pelancongan yang rajin pergi ke negara Timur Tengah. Dia kerap pergi sampai ke Morocco dan sebagainya.

Jadi saya lebih melihat satu, bagaimana kita dapat memberi pengalaman kepada rakyat kita untuk... Saya bukan tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam tadi tapi inilah jalan yang terbaik saya merasakan supaya kita mengambil tenaga seramai mungkin 10,000 orang dengan peruntukan yang ada itu untuk sama-sama membantu membanteras segala kemungkinan yang boleh menyebabkan berlakunya rompakan, peras ugut dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi kepada sukan sedikit. Kita tahu bahawa dalam bajet baru-baru ini kita ucap terima kasih kerana ada insentif yang telah disediakan oleh kerajaan termasuk pada atlet yang berjaya, yang akan diberikan biasiswa dan juga kepada syarikat-syarikat penaja yang mahu mengambil bahagian secara aktif dan secara lebih jangka panjang, insentif yang diberikan oleh kerajaan termasuk pengecualian cukai. Ini sudah tentu akan menggalakkan lagi pembabitan masyarakat dan rakyat kita dalam memajukan sukan di negara kita ini. Terutama sekali kita tahu bahawa kita masih memerlukan banyak lagi sokongan daripada semua pihak untuk menjadikan satu rangsangan dan satu jaminan kepada atlet kita supaya mereka ada masa depan kalau terlibat dengan sukan. Saya ingin menegaskan di sini bahawa industri sukan ini mestilah kita lihat satu sumbangan yang besar kepada ekonomi negara.

Kalau kita tengok apabila Formula One dijadikan sebagai salah satu kalendar perlumbaan di negara kita ini. Kita dapat bukan sahaja menarik pelancong-pelancong daripada negara-negara lain termasuk negara barat dan kita dapat menjual negara kita ini di mata dunia tetapi kita juga dapat pungutan hasil dan ini akan dapat membantu pendapatan negara kita selain daripada sukan-sukan yang bertaraf antarabangsa seperti perlumbaan basikal di Langkawi dan banyak lagi secara tidak langsung yang boleh sama-sama digerakkan bagi membantu sama dari Kementerian Belia dan Sukan.....

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:dan juga Majlis Sukan Negara kerana kita tahu bahawa Yang Berhormat bagi Gombak juga berminat dalam sukan ini.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut kerana memberi laluan kepada saya untuk memohon penjelasan. Bila menyebut pasal sukan, kita semua tidak merasa bangga terhadap pencapaian negara di dalam kesemua jenis sukan. Sama ada bola sepak, badminton, sepak takraw, olah raga dan sebagainya. Saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Larut sebagai orang yang begitu aktif di dalam bola sepak dan sukan-sukan yang lain.

Mengapakah penurunan ini berlaku? Kalau kita lihat di negara-negara lain, kalau sesebuah negara itu semakin lama semakin maju, selalunya prestasi sukan juga semakin lama semakin meningkat. Kerana sosioekonomi lebih baik, kemudahan lebih baik, pengetahuan dari segi teknikal lebih tinggi. Seharusnya kita bergerak ke arah yang lebih baik. Tetapi mengapa keadaan yang sebaliknya berlaku di Malaysia. Apakah yang harus dilakukan oleh kementerian supaya prestasi sukan ini kembali baik dan seterusnya boleh mengharumkan negara?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bagi contohlah, dalam bola sepak terutamanya. Kita membandingkan dengan negara-negara Afrika. Tidak kiralah, sama ada Togo, Ivory Coast, Ghana, ini di antara muka-muka baru yang telah berjaya masuk ke piala dunia. Kita memberikan perbandingan mengatakan bahawa kenapa negara miskin seperti ini boleh berjaya? Kita negara membangun, tidak boleh berjaya. Saya faham. Mereka ini sebenarnya Yang Berhormat, pemain-pemain mereka ini seratus peratus adalah beraksi di Eropah dalam liga EPL kalau di London, bermain dalam liga Itali dan juga liga Spain dan sebagainya.

Jadi mereka mendapat pendedahan bersama-sama mereka bermain dengan bintang-bintang seluruh dunia. Jadi mereka tahu di antara satu dengan yang lain. Kerana mereka sudah bermain bersama-sama dengan kemahiran yang setaraf. Mereka, pemain-pemain Afrika ini bertungkus-lumus, bermain dengan bermati-matian kerana hendak keluar daripada kemiskinan. Kerana kalau mereka tinggal dalam negara mereka, mereka akan terus miskin dan mungkin tidak boleh bermain bola kalau berada di dalam negara mereka. Ini sebagai contoh.

Jadi hari ini, kita tengok terlalu ramai pemain-pemain daripada Benua Afrika yang telah membanjiri sama ada dalam liga EPL, Itali dan juga Spain sebagai contoh dan mereka menjadi kaya-raya. Tetapi malangnya pemain-pemain kita, pemain-pemain bola sepak dalam negara kita ini, sudah selesa dengan apa yang mereka perolehi gaji dalam industri bola sepak yang ada di dalam negara kita ini. Mereka tidak perlu bersusah-payah bermain di dalam musim sejuk. Mereka tidak perlu tinggal jauh daripada negara sendiri kerana segala-galanya sudah selesa dalam negara kita. Dengan gaji pendapatan, rumah dan kemewahan yang lain.

Maka sebab itu mereka tidak ada semangat menjadi sebagai seorang pemain sebagaimana pemain-pemain di Afrika sebagai contohnya. Walau Brazil sekalipun, semua pemainnya bermain di luar. Bukan bermain dalam liga negara mereka sendiri. Maka sebab itulah meningkat mutu persembahan mereka. Macam mereka sudah bermain sesama mereka,

dia tahu Ronaldo main macam mana? Rowanda macam mana? Kerana mereka sudah main bersama. Tetapi pemain kita bila tidak bermain dengan mereka, macam mana dia hendak tahu cara kemahiran, pergerakan pemain-pemain berkenaan? Di sinilah kita ketinggalan.

Maka sebab itu, di Dewan ini juga saya pernah mencadangkan kalau kita juga hendak pergi ke pusingan akhir piala dunia, boleh, bukan tak boleh. Tetapi mahukah kita berkorban dengan mengambil pemain-pemain asing yang baik dengan diberikan kerakyatan untuk mewakili negara kita. Sebagaimana yang dilakukan oleh Perancis yang memenangi Piala Dunia pada tahun 1998 dan beberapa negara yang lain. Jadi sudah tentu kalau kita ambil pemain-pemain ini dengan memberi kerakyatan, mereka akan mewakili negara kita. Tetapi apakah kita bersedia dan sanggup berkorban mengetepikan pemain-pemain kita? Kita tahu produk-produk kita tidak akan sampai ke peringkat yang telah saya sebutkan tadi.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: *[Bangun].*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Mempersilakan Yang Berhormat bagi Gombak].*

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut kerana memberi laluan kepada saya.

[Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob *mempengerusikan mesyuarat*].

Saya tidak mahu menyentuh secara mendalam fasal bola sepak kerana saya percaya telah banyak diperdebatkan, ya? Tetapi soalnya, kalau kita tengok bola sepak pun, contohnya, kalau kita melihat teknik permainan pasukan-pasukan yang ternama di ketika ini dan dibandingkan teknik permainan pemain-pemain negara, jauh lebih rendah. Kita tengok teknik permainannya. Kalau kita selepas melihat satu permainan yang dipamerkan di kelab-kelab dunia dan kita melihat permainan yang ditunjukkan oleh pemain Malaysia, saya percaya tidak sampai lima minit kita akan menutup televisyen kita. Kita dapati bahawa tahap mutu teknik yang jauh berbeza.

Yang kedua. Tetapi Yang Berhormat bagi Larut, penjelasan yang saya mohon. Contohnya sukan-sukan yang kita menjadi pelopor. Contohnya badminton. Bagaimana ini juga boleh merosot? Adakah segala pengetahuan dan skil kemahiran kita telah diambil oleh orang-orang luar? Permainan takraw, baru-baru ini bagaimana kita boleh kalah dengan sebuah negara yang miskin? Myanmar, bola sepak? Ini kadang-kadang saya kurang faham Tuan Yang di-Pertua. Kalau dahulu semasa saya di sekolah dan di universiti, saya pemain bola sepak. Tetapi minat saya hilang seratus peratus apabila saya melihat tahap dan mutu permainan bola sepak negara kita? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut. Minta gulunglah. Yang Berhormat sudah bercakap dekat tiga jam sudah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, ya, saya gulung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak jelaskan, mereka bertanya Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya hendak jelaskan di sini...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Boleh saya tambah sedikit?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat saya hendak jelaskan di sini. Sepatutnya rakyat berterima kasih kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia. Pertama, kita tidak gunakan wang daripada mana-mana badan kerajaan. Ini adalah wang Persatuan Bola Sepak Malaysia sendiri. Kedua Yang Berhormat, terima kasihlah juga kerana 400 ke 500 orang anak Malaysia ini. Kalau tidak ada Persatuan Bola Sepak Malaysia, industri bola sepak tidak berkembang, di mana mereka ini hendak bekerja? Menganggur? Kalau katalah dia datang daripada Gombaklah, apakah Yang Berhormat bersedia untuk membantu mereka mencari pekerjaan? Kita kena lihat secara global. Ya? Kita kena lihat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey cukuplah. Yang lain tak payah ganggulah Yang Berhormat. Gulunglah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Habiskan ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sudah habis, sudah habis. Tentang bola sepak..

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah! Yang lain tak payah...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ..kita kena ingat. Dari segi *ranking* saya hendak tegaskan di sini. Dalam *ranking* FIFA, saya tidak tahu sukan lain. Kalau kita mengalahkan mana-mana juara yang di atas daripada kita, *ranking* kita akan naik. Umpamanya, betul kita kalah kepada Myanmar. Tetapi kita menang dengan Thailand. Thailand adalah juara di peringkat ASEAN. Bermakna *ranking* kita akan berubah. Tetapi pada waktu yang sama tadi Yang Berhormat mengatakan, okeylah. Ini bukan permainan tradisi kita. Takraw, saya bukan hendak memperkecilkan takraw. Takraw pun kalah juga kepada Myanmar. Kebetulan! Kebetulan!

Dari segi badminton, sebenarnya saya ingin memberi sedikit pandangan di sini, kita kurang dengan izin, '*pull of players*'. Asyik-asyik kita bergantung pada pemain yang sama. Kalau kita bergantung pada pemain yang sama, akhirnya mereka ini akan *demand*, akan besar kepala. Seolah-olah tidak ada orang lain yang boleh mengisi kekosongan mereka. Berbanding dengan negara-negara lain. Negara China, hari ini kalau pemain badmintonnya dianggap sudah menurun prestasinya, dia akan ganti dengan pemain-pemain yang lain kerana dia banyak pemain

yang lain. Tetapi kita malangnya, itulah pemain yang ada. Sama ada dalam badminton dan juga sukan-sukan yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat Larut, habiskan, habiskan. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sendiri berdiri di sini, marilah sama-sama kita berdoa ke hadrat Allah s.w.t. Supaya negara kita ini pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan diberikan kekuatan. Dan kita sendiri akan berdiri di belakang Yang Amat Berhormat untuk terus menjadikan negara Malaysia ini sebuah negara yang maju, yang dihormati, selamat dan mampu berdaya saing. Pedulikanlah mana-mana pihak kalau mereka memandang rendah, walaupun kita tahu di hati kecil mereka, mereka tahu bahawa kita mempunyai keupayaan dan Malaysia boleh. Insya-Allah mudah-mudahan dengan sokongan sedemikian, negara kita akan mencapai impian sebagai negara maju. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua, [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Labuan.

4.10 ptg.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih. Saya memanjatkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana telah menggerakkan hati Tuan Yang di-Pertua untuk memberi saya peluang untuk sama-sama berbahas Bajet 2007 ini. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang juga Menteri Kewangan Malaysia kerana telah membentangkan satu bajet yang bukan sahaja mesra rakyat, prihatinkan rakyat tetapi juga mengutamakan kepentingan negara demi untuk memastikan kesejahteraan rakyat negara kita di masa ini dan juga di masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, kita sedang membahaskan bajet bagi tahun 2007. Seperti yang kita sedia maklum tahun 2007 adalah satu tahun yang amat bermakna kepada negara ini. Ini adalah kerana pada tahun 2007 negara kita akan meraikan ulang tahun 50 tahun kemerdekaan di mana kita bebas daripada penjajah-penjajah asing yang kalau mengikut sejarah hampir 440 tahun lamanya. Di mana kita dijajah bermula daripada penjajahan Portugis di Melaka yang kemudiannya oleh Belanda, British, Jepun dan kembali lagi kepada British sebelum kita berjaya menuntut kemerdekaan pada tahun 1957.

Sepanjang tempoh 50 tahun tersebut, negara telah mengharungi pelbagai cabaran mengalami bukan sedikit kegagalan dan bukan sedikit juga kita mencapai kejayaan di bawah pimpinan lima orang Perdana Menteri yang kita kasihi iaitu bermula daripada Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra AL-Haj hinggalah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada hari ini. Tidak dapat kita nafikan bahawa Perdana Menteri-Perdana Menteri kita telah memainkan peranan-peranan mereka sebagai

pemimpin tertinggi negara dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi. Cemerlang dalam perancangan dan juga pelaksanaan sejajar dengan wawasan negara ke arah kegemilangan. Tidak keterlaluan Tuan Yang di-Pertua, jika kita katakan bahawa jasa dan pengorbanan kelima-lima Perdana Menteri itu telah meletakkan diri mereka antara tokoh-tokoh terbilang dalam sejarah tanah air yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua sejarah menunjukkan bahawa negara kita sememangnya beruntung sepanjang lima dekad ini. Ini adalah kerana negara ini *seems to have the right Prime Minister at the right time* dengan izin. Adalah perkara biasa jika terdapat isu-isu adaptasi dari seorang Perdana Menteri kepada seorang Perdana Menteri. Tetapi kita harus ingat kesinambungan pemerintahan Barisan Nasional telah berjaya mengukuhkan keamanan, membina kemakmuran, memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur asing dan seterusnya meletakkan Malaysia antara negara membangun yang dikagumi kerana pembangunannya yang memberangsangkan dalam suasana masyarakat yang berbilang etnik, budaya dan agama.

Tuan Yang di-Pertua kita sedang melihat kesungguhan kerajaan pada hari ini untuk terus membangunkan negara demi kesejahteraan rakyat melalui Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita dapat lihat bahawa jika Rancangan Malaysia yang sebelum ini tujuh, lapan, mungkin mengambil masa untuk dilaksanakan sehingga ianya mencatatkan *carry forward* atau dibawa ke hadapan RMK-7 sambung RMK-8, RMK-8 sambung lagi ke RMK-9. Kita berharap dan berdoa mudah-mudahan projek-projek yang dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dapat kita laksanakan dan siapkan dalam tempoh perancangan yang telah ditetapkan. Walaupun sebenarnya semasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan belanjawan pada tahun 2005 mencadangkan supaya Rancangan Malaysia Kesembilan projek-projek yang dirancang dilaksanakan sebaik sahaja beliau habis membentangkan belanjawan tetapi ternyata hingga ke hari ini masih belum banyak di antara projek-projek yang diumumkan yang dilaksanakan. Kenapa dan mengapa saya akan ulas sebentar nanti.

Tuan Yang di-Pertua, ujian sebenar keberkesanan Rancangan Malaysia Kesembilan adalah kejayaannya membawa kesejahteraan kepada rakyat secara keseluruhannya. Kita dapati rakyat secara amnya tidak lagi hairan dengan pembangunan-pembangunan fizikal di sekeliling mereka. Apa yang rakyat mahukan ialah pembangunan-pembangunan yang dapat meningkatkan kualiti hidup mereka secara keseluruhannya. Dari segi keselamatan seharian, kualiti perkhidmatan terutamanya seperti perkhidmatan awam, kualiti alam sekitar, peningkatan peluang pekerjaan, penambahan pendapatan, tahap kesihatan dan sebagainya. Pencemaran alam sekitar, peningkatan kadar jenayah, projek-projek yang terbengkalai, kebocoran ekonomi, pembaziran wang rakyat dan sebagainya ada sangkut pautnya dengan ketidakcekapan sistem penyampaian kita secara keseluruhannya. Kerana sekiranya sistem kita berkesan, kita tidak akan mendengar rungutan-rungutan seperti ini daripada rakyat terutamanya rakyat di peringkat akar umbi.

Oleh itu, kecekapan dan keberkesanan pihak kerajaan dalam mentadbir negara dan memberi kesejahteraan kepada rakyat bukan sahaja merangkumi soal pembangunan modal insan tetapi juga perwujudan satu sistem yang mempunyai *check and balance* dengan izin yang boleh diharapkan untuk memastikan pembangunan dilakukan dengan cekap dan bertanggungjawab. Tanggungjawab kita adalah kepada rakyat negara ini dan memastikan bahawa pembangunan di masa yang akan datang adalah pembangunan yang seimbang dan menyeluruh yang memberi keadilan kepada semua peringkat dan juga masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini sistem penyampaian perkhidmatan awam telah menjadi fokus oleh pelbagai pihak. Ini adalah kerana ia dilihat tidak berupaya sepenuhnya untuk memenuhi tuntutan-tuntutan yang semakin meningkat daripada rakyat. Kita maklum bahawa kerajaan telah mengambil banyak langkah-langkah untuk memperbaiki mutu perkhidmatan awam. Tetapi kita juga sedar bahawa masyarakat kita secara amnya semakin kritis dalam menilai tahap perkhidmatan yang diberikan kepada mereka. Masanya telah berlalu di mana rakyat hanya akan menerima apa sahaja perkhidmatan yang diberikan.

Pada hari ini ketidakcekan sesuatu perkhidmatan akan dipersoalkan oleh rakyat dan suara rakyat ini kadang-kadang dizahirkan, dikeluarkan di media-media. Tidak dinafikan peranan media mengetengahkan isu-isu sebegini sememangnya membantu dan mempercepatkan pembaikan dan perubahan dalam sistem penyampaian awam. Tetapi saya benar-benar berharap bahawa penambahbaikan sesuatu perkhidmatan melalui saluran yang sedemikian seperti yang saya sebutkan sebentar tadi melalui media dan sebagainya bukan hanya seperti "Pemahat dengan penukul". Kita tidak mahu hari ini kita kritik imigresen barulah imigresen kelam-kabut, kita kritik polis barulah polis kelam-kabut. Kita tidak mahu sistem perkhidmatan awam dan *delivery system* seperti ini daripada kerajaan. Kita difahamkan.....

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Gombak bangun Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Ya, silakan.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Adakah Yang Berhormat bagi Labuan ingin menyatakan bahawa sistem perkhidmatan sekarang ini sudah menurun ataupun prestasinya kurang dibandingkan dengan dahulu.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya rasa jika perkhidmatan awam yang diberikan ataupun jika *delivery system* yang diberikan meningkat tidak akan ada suara-suara sumbang daripada rakyat. Saya berani mengkategorikan. Mungkin disebabkan oleh kesilapan sistem dalaman seperti yang saya difahamkan oleh sesetengah kakitangan kerajaan, bila mana Jabatan Perkhidmatan Awam mengenalkan apa yang dipanggil tahap... I tidak ingat, dia ada satu peperiksaan, tahap kecekapan yang tiba-tiba diperkenalkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tengok siling kenapa?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya cuba mengingati Tuan Yang di-Pertua. PTK (Penilaian Tahap Kecekapan).

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Puchong bangun Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Bila mana diperkenalkan PTK ini dan kakitangan kerajaan sedih kerana mereka telah melihat untuk naik ke atas tiba-tiba diwujudkan *another layer*. Saya tidak arif tetapi saya secara kebetulan duduk sebagai Pengerusi Perbadanan Labuan. Dahulu untuk Penolong Pengarah Gred 41 naik ke 48 tidak ada masalah ataupun untuk 44 naik ke 48 tidak ada masalah, untuk 48 naik ke 54 tidak ada masalah. Tetapi sekarang ini dengan sistem yang baru diwujudkan lagi Gred 52 dan sebagainya dan ini menyulitkan kakitangan dan ramai kakitangan kerajaan tidak berpuas hati.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tuaran dengan Puchong Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Sebentar Tuan Yang di-Pertua. Sampai ada yang minta saya bertanya, "Datuk, Datuk tanya di Parlimen kami terpaksa duduk ujian PTK, KSU-KSU, KSN itu bila hendak duduk ujian PTK? Mereka kata kalau kami cekap, kalau kami lulus *exam* bermakna kami lebih cekap, KSU-KSU, KSN macam mana? Cekap atau tidak?" Sampai begitu sekali Tuan Yang di-Pertua mereka tidak berpuas hati. Ha, Puchong tanyalah apa hendak tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Memang Labuan telah memberi sedikit penjelasan mengenai masalah yang dihadapi oleh *delivery system* kita. Tetapi kalau sesuatu sistem terutama sekarang ini dalam era globalisasi dan juga liberalisasi ini, adakah Yang Berhormat setuju bahawa *structure* dan juga sistem yang ada di bawah pentadbiran awam sekarang ini mereka mungkin, kebanyakan pemimpin atau pentadbir ini mungkin kekurangan pendedahan terhadap apa yang berlaku dalam dunia.

Fasal itulah rakyat kita ini telah berpelajaran tinggi, mereka mempunyai pendedahan yang luas terutama di dunia-dunia luar ini melalui ICT dan juga pekerjaan di luar negara dan seterusnya bekerja dengan multinasional semua ini. Dalam memberi pendedahan kepada rakyat, tetapi pentadbir kita ataupun *administrator* kita ini kekurangan pendedahan kepada sistem global ini. Dan ini menyebabkan satu jurang perbezaan di antara pemikiran mentaliti di antara

expectancy dari rakyat dengan apa yang diharapkan daripada pentadbir-pentadbir untuk menguruskan sistem *delivery* kita ini. Maka perbezaan inilah telah menyebabkan banyak kesusahan ketidakseimbangan daripada segi pelaksanaan sesuatu dasar dan dari segi projek. Adakah Yang Berhormat setuju?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Yalah, saya setuju. Saya setuju berpendapat Yang Berhormat. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya setuju. Tak ada salah? Okay terima kasih. Tuan Yang di-Pertua

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [*Bangun*]

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Ha, bagi dahulu sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tuaran.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Yang Berhormat bercerita tentang keberkesanan sistem penyampaian kita. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebenarnya pencapaian *delivery system* kita, kita boleh lihat dalam laporan audit seperti mana yang sudah dibentangkan beberapa hari di Dewan yang mulia ini. Dan bila kita lihat laporan audit kita nampak bahawa masalah yang ditimbulkan berulang kali setiap kali itu juga dan sebagainya.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju supaya Parlimen ini ditangguhkan setiap tahun hanya untuk membincangkan laporan audit ini supaya kita dapat dedahkan kepada umum. Sebab laporan audit ini tebal dua *volume* dan negeri-negeri pun banyak untuk dibaca. Supaya kita bahaskan di Dewan yang mulia ini supaya orang ramai tahu apa sebenarnya yang berlaku. Kadang-kadang bila kita baca laporan audit kita hairan bagaimana banyak kesilapan yang berlaku dalam sistem penyampaian kita. Terima kasih.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya ingat kita jangan tangguh tetapi kita suruh kerajaan naikkan elaun kita, kita kerja setahun... Biar rakyat tahu bahawa kita sanggup bekerja sama seperti perkhidmatan awam cuma mereka kerja di pejabat kita kerja di Parlimen. Tetapi gaji kena bayar lebihlah tidak bolehlah yang sekarang.

Tuan Yang di-Pertua kita difahamkan bahawa antara fokus kerajaan dalam meningkatkan sistem kecekapan penyampaian awam ini termasuklah memperbaiki perkhidmatan di peringkat kerajaan tempatan. Di mana antara langkah-langkah yang diambil termasuklah menstruktur semula organisasi, pembangunan sumber manusia, penggunaan yang lebih menyeluruh ICT dalam operasi yang merangkumi e-tanah contohnya, e-PBT dan sebagainya. Peraturan dan prosedur akan dikemas kini untuk memastikan ianya mudah, cekap dan berkesan. Inisiatif akan dilipatgandakan untuk meningkatkan keberkesanan jentera penyampaian kerajaan dengan mengamalkan prinsip penzahiran, ketelusan *accountability* dan saling mempercayai.

Kita juga difahamkan bahawa KPI akan digunakan dalam menilai prestasi perkhidmatan agensi-agensi terutamanya perkhidmatan kaunter hadapan yang berhubung secara langsung dengan rakyat, aduan dan juga rungutan orang awam, diuruskan dengan secara berkesan.....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Putatan bangun Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]:untuk memastikan maklum balas ini dapat digunakan untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan awam. Ya.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Labuan. Saya terpanggil apabila Yang Berhormat menyentuh soal *performance index*. Bersetujukah Yang Berhormat kalau kita adakan sistem yang '*fair and fire*' terutama sekali kakitangan-kakitangan di peringkat PBT ini. Ramai antara kakitangan-kakitangan ini disokong oleh wakil-wakil rakyat yang datang tampil ke hadapan minta bantu untuk beri mereka kerja.

Jadi, apabila diberi kerja ramai di antara kakitangan yang di peringkat bawahan ini, prestasi kerjanya agak teruk sekali. Kadang-kadang tidak hadir kerja, kadang-kadang dia menyeleweng sini-sana. Apa pendapat Yang Berhormat kalau kita adakan sistem *pay and fired* ini? Sila.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Yang ini saya tidak berani hendak ulas, saya beri menteri menjawab kerana *pay and fired* ini melibatkan implikasi undang-undang. Bila you *employ* seseorang, *in most cases*, dengan izin, majikan selalu kalah di mahkamah bila mana kita berhentikan, walaupun dengan memberi notis, dengan alasan diberhentikan tanpa justifikasi. Saya mohon meneruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, segala-gala yang disebutkan tadi memanglah sedap didengar tetapi ujian yang sebenar ialah pelaksanaan yang berkesan di peringkat-peringkat yang ingin kita perbaiki. Tiada gunanya jika ia hanya indah dalam dokumen-dokumen atau ucapan-ucapan menteri sahaja tetapi tidak dipantau atau diselia dengan baik dan berkesan. Untuk itu wakil-wakil rakyat Barisan Nasional akan terus memantau dan menyuarakan pandangan dan pendapat rakyat di Dewan Rakyat yang mulia ini dalam isu penambahbaikan sistem penyampaian awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Yang Amat Berhormat membentangkan Belanjawan 2007, sekali lagi pertanian disentuh sebagai enjin pertumbuhan ketiga negara. Malangnya saya melihat tidak disentuh dengan panjang lebar berhubung kait potensi industri akuakultur. Sebagai seorang wakil rakyat kerajaan, yang datang dari sebuah pulau yang di kelilingi penuh dengan air laut dan memiliki sumber dan khazanah laut yang begitu kaya sekali, saya melihat hari ini mungkin disebabkan tidak ada polisi ataupun dasar yang begitu jelas terperinci menyokong industri akuakultur ini maka kebanyakan bank-bank komersial di negara ini tidak berminat

memberikan bantuan kewangan kepada pengusaha-pengusaha industri-industri ataupun industri akuakultur ini.

Saya menyeru kepada kerajaan, sebagai contoh di Sabah, menjadi sebuah negeri yang mengeluarkan hasil laut seperti udang harimau, ikan dan lumut laut ataupun *dried seaweed*, kita panggil untuk pasaran antarabangsa, Hong Kong, USA dan sebagainya. Tetapi malangnya dalam industri udang harimau, ikan, kerajaan setakat ini belum lagi dapat melahirkan usahawan-usahawan terutamanya bumiputera yang berjaya hasil daripada dasar dan polisi yang dirancang ataupun disusun oleh kerajaan berbanding dengan produk-produk lain dalam kategori industri pertanian. Oleh itu, saya memohon kepada kerajaan supaya melihat perkara ini, menambah baik peraturan, mengarahkan bank-bank tempatan memberikan bantuan kerana potensi untuk industri makanan laut ini berjumlah USD48 bilion setahun.

Jadi, ini merupakan satu jumlah yang cukup besar. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, di Labuan ada sebuah syarikat yang kecil tetapi mengeluarkan hasil laut bernilai hampir RM200 juta setahun. Dalam konteks sosioekonomi ianya telah membantu mewujudkan peluang pekerjaan hampir untuk seribu orang banyaknya. Jadi, jelas industri akuakultur ini sebenarnya juga turut menyumbang dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang usahawan seperti yang dibentangkan dalam Bajet 2007, membangunkan usahawan bumiputera berdaya saing. Seperti yang kita sedia maklum, peranan usahawan-usahawan tempatan adalah penting. Usahawan-usahawan dikatakan menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan negara melalui peranan mereka sebagai pemilik, pembuat keputusan, pemodal, penyelaras, pengantara dan penginovasi.

Keusahawanan juga berkait rapat dengan organisasi, malahan kedua-duanya saling melengkapi. Ini adalah kerana tanpa usahawan, organisasi tidak dapat digerakkan untuk menghasilkan barangan ataupun perkhidmatan. Tetapi menurut kajian ahli-ahli ekonomi, peranan paling penting yang dimainkan oleh usahawan dari segi pertumbuhan ekonomi adalah peranannya sebagai penginovasi.

Inovasi melalui kreativiti, daya fikir, penyelidikan dan pembangunan akan mempertingkatkan mutu dan kepelbagaian keluaran yang selanjutnya memperluaskan pasaran dan keuntungan sesebuah organisasi dan membantu meningkatkan pendapatan negara. Kejayaan usahawan-usahawan tempatan juga akan membantu menyediakan peluang-peluang pekerjaan, terutamanya kepada siswazah-siswazah kita, terutamanya siswazah-siswazah menganggur.

Kita tidak mahu terlalu bergantung kepada kerajaan untuk merancakkan aktiviti-aktiviti ekonomi negara. Kerajaan juga mempunyai kapasiti yang terhad, kerajaan harus menumpukan kepada peranan sebagai fasilitator dan penggalak kepada usahawan-usahawan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, jangan kita biarkan GLC-GLC terlalu bersaing dengan usahawan-usahawan tempatan dalam merebut peluang-peluang perniagaan. Inilah yang berlaku hari ini. Syarikat-syarikat yang melebarkan diri mereka sebagai GLC bersaing dengan usahawan-usahawan tempatan.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Maran bangun, Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Ini tidak sepatutnya berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Maran, sila.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Labuan. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat bagi Labuan. Sekarang ini kita ada kurang lebih 30,000 penganggur-penganggur lepasan universiti dan sebagainya. Pada saya untuk menjadi usahawan ini tidak perlu kita bekerja dengan kerajaan, ia ada peluang-peluang di luar dan sebagainya pelbagai bidang.

Apa yang kita suarakan baru ini ialah kita minta supaya kerajaan mengisi jawatan-jawatan kosong yang ada bagi membolehkan 30,000 graduan ini ataupun lebih mengambil peluang pekerjaan ini. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat boleh mencadangkan dalam usaha kita untuk menambah lebih ramai usahawan supaya satu mekanisme ataupun satu pendekatan yang lebih komprehensif, yang lebih berkesan agaknya bagi kita memberikan peluang kepada graduan-graduan ini supaya merebut peluang-peluang yang ada untuk menjadi usahawan yang berjaya di negara kita. Macam mana pandangan Yang Berhormat? Sila.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya bersetuju dengan sahabat saya Yang Berhormat bagi Maran tetapi jika sekiranya polisi yang sedia ada saya rasa tidak mungkin perkara ini dapat dilaksanakan atau berjaya. Saya mencadangkan kerajaan oleh kerana kita mempunyai kepentingan yang besar dalam GLC-GLC ini. Kita beri tanggungjawab kepada GLC-GLC ini untuk merangka satu program bagaimana untuk melahirkan usahawan-usahawan:

- (i) usahawan-usahawan yang sedia ada sama ada dalam *vendor* program ataupun sebagainya;
- (ii) siswazah-siswazah ataupun graduan-graduan yang tidak berpeluang mendapat pekerjaan atau yang berminat untuk berniaga mesti ada skim, mesti ada program.

Jika modal yang dijadikan isu maka sampai dunia kiamatlah graduan-graduan ini tidak akan mampu berniaga. Hari ini kalau kita ada syarikat, dapat satu projek, jumpa bank, bank akan tanya ada tanah untuk cagar atau tidak. Kalau ini menjadi asas yang berterusan dipraktikkan oleh bank-bank komersial, usaha kerajaan untuk melahirkan usahawan-usahawan terutamanya

daripada golongan graduan-graduan yang tidak memperoleh peluang pekerjaan ataupun yang memilih untuk jadi usahawan sudah pasti ia tidak akan menjadi realiti. Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya kerajaan melihat GLC-GLC ini.

Minggu yang lalu, saya bertemu seseorang. Dia berterima kasih Ahli-ahli Parlimen membelasah MAS cukup-cukup kerana dia di antara mangsa yang terpaksa menunggu lima jam sebelum dapat *connecting flight*. Orangnyanya berwibawa, berpangkat Tan Sri dan beliau melahirkan rasa kebimbangan bahawa GLC-GLC milik kerajaan ini terutamanya PNB.

Bila saya balik saya baca laporan kewangan PNB, saya masuk *web site*, saya terperanjat bila melihat ada orang yang menjadi pengerusi dalam syarikat kerajaan sampai tujuh atau lapan jawatankuasa pengerusi yang dia pegang. Kita takut PNB ini besok akan jadi macam ENRON di Amerika Syarikat, sebuah syarikat terkemuka tiba-tiba diselimuti oleh pelbagai skandal kewangan sehingga hancur ENRON.

Saya di sini Tuan Yang di-Pertua meminta kepada kerajaan, Kementerian Kewangan terutama supaya melihat GLC-GLC ini dikaji semula. Mereka yang menjawat jawatan CEO, mereka yang menjadi pengerusi kepada syarikat induk, pengerusi kepada anak-anak syarikat jangan sampai berbelas-belas dipegang oleh satu orang sahaja. Sepertilah di negara ini tidak cukup orang yang pandai selain daripada dia seorang. Dalam konteks tersebut mungkin kerajaan, Kementerian Kewangan boleh lihat GLC pertama PNB dan anak-anak syarikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak mahu terlalu bergantung kepada pelabur-pelabur asing ini adalah kerana penggantungan yang berpanjangan tanpa perancangan yang strategik akan hanya menjadikan pekerja-pekerja kita sebagai orang gaji kepada pemodal-pemodal asing ini. Sampai masanya mereka juga akan memindahkan kilang-kilang dan institusi-institusi mereka ke lokasi yang lebih menarik yang menawarkan pelbagai insentif yang kompetitif. Ini adalah realiti dengan lahirnya China dan India dan jika sekiranya kita tidak membuat perancangan yang strategik, saya yakin besok bila kilang-kilang tersebut berpindah lokasi tidak ada apa yang dapat kita pelajari daripada industri-industri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet 2007 juga menyentuh tentang potensi pelancongan. Saya cukup berminat dengan subjek ini kerana teras pembangunan Labuan di antaranya ialah untuk lahir sebagai satu destinasi pelancongan yang unggul di samping negara juga meletakkan dasar untuk menjadi destinasi pelancongan yang unggul di rantau ini.

Saya kagum dengan komitmen kerajaan yang memperuntukkan RM149 juta untuk *'Tahun Melawat Malaysia 2007'* dan khusus untuk tahun 2007, kerajaan telah meletakkan suatu tema menyambut 50 tahun kenegaraan. Soalan yang saya ingin timbulkan di sini, apakah kerajaan sedar bila kerajaan mengumumkan untuk menarik pelancong pada tahun 2007 seramai 20 juta orang ramainya.

Di peringkat agensi-agensinya pelaksana tidak bertindak selari dengan perancangan yang dibuat oleh kerajaan. Semasa membahaskan perbekalan tambahan, saya telah menimbulkan di

Dewan yang mulia ini kelemahan-kelemahan yang cukup ketara oleh MAS. MAS merupakan salah satu komponen penting dalam negara merealisasikan 'Visit Malaysia Year 2007' ataupun 'Tahun Melawat Malaysia 2007'.

Kenapa? Kerana MAS adalah *national carrier* – penerbangan kebangsaan. Saya telah pun berbincang dengan Menteri Pengangkutan setelah berbahas dalam perbekalan tambahan dan berterima kasih kepada beliau kerana beliau telah memberikan saya keyakinan, kepastian bahawa beliau akan berusaha mengembalikan semula jumlah penerbangan yang dikurangkan oleh MAS terutama yang melibatkan Labuan–Kuala Lumpur, Labuan–Kota Kinabalu, Labuan–Miri.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang ingin saya bantah di sini ialah kerajaan mempunyai perancangan yang cukup cantik tetapi kerajaan gagal untuk menangani sama ada ini merupakan satu perbuatan aniaya atau khianat agensi-agensi pelaksana yang seolah-olah melawan arus. Kerajaan kata 'go left' dengan izin, dia pergi 'right'. Kerajaan nampak kesilapan tetapi kerajaan tidak mahu bertindak.

Kita bising di Dewan yang mulia ini tentang ketidakcekapan MAS. Kita bising di Dewan yang mulia ini dengan pendekatan MAS. Bukan saya sahaja yang bising, ramai orang bising. Tadi semasa naik pesawat daripada Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur selepas saya melancarkan *Borneo International Yachting Challenge* yang melibatkan 11 buah negara dan 19 *participant* daripada empat *continent*, *American*, *African*, *European*, *New Zealand* dan *Australia*, *truly international* dengan izin untuk pertama kali saya menjadi Wakil Rakyat dan Ahli Parlimen juga Pengerusi Perbadanan di Labuan, saya melihat *participant* 100% daripada luar negara.

Dalam penerbangan saya balik ke Kuala Lumpur tadi pagi, seorang seperti memperlekehkan apa yang dibisingkan oleh Ahli Parlimen dalam Dewan ini. Dia kata, "Dato' you know something?" Saya kata, "Tidak tahu, apa dia?" "Chairman MAS kena *reopen for three years*". Saya kata, "Kita tidak tahu". Jadi kenapa kerajaan ini? Orang yang telah menunjukkan ketidakberkesanan, orang yang telah menunjukkan kegagalan dalam pengurusan, tidak ada rekod pencapaian dan sebagainya, kerajaan lantik lagi sekali. Yang *you all* MP terjerit-jerit kerajaan tidak dengarkah? Saya merah muka Tuan Yang di-Pertua, saya merah muka, kerana saya bimbang di antara sahabat-sahabat dalam Dewan ini yang cukup vokal mengkritik MAS, malah mencadangkan pengkerusinya sampai ke bawah patut letak jawatan kerana kebodohan mereka dalam pendekatan yang diambil dalam usaha memulihkan semula MAS.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini di antara perkara-perkara yang saya lihat kalau sekiranya kerajaan tidak fokus, hanya umum lepas itu lupa, umum lepas itu lupa, saya rasa balik lagi kepada Rancangan Malaysia yang berikutnya, kita akan berbincang perkara yang sama. Seperti juga hari ini, perkara yang sama kita bahaskan pada Rancangan Malaysia Kelapan saya masih ingat lagi dan kita bahaskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Padang Terap, Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Sila.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih saudara saya, Yang Berhormat bagi Labuan. Adakah Yang Berhormat bagi Labuan memikirkan bahawa pihak MAS tidak menyokong ataupun tidak memberi sokongan terhadap kerajaan untuk mempromosikan negara kita dalam Tahun Melawat Malaysia 2007 nanti kerana didapati bahawa apabila kita melihat di setiap kapal terbang, hanya terdapat satu kaki sahaja tertulis *Visit Malaysia 2007*. Tidak dibuat secara besar-besaran. Ini bermakna MAS tidak turut serta di dalam mempromosikan negara untuk menarik pelancong datang ke Malaysia. Adakah mereka berbuat demikian bahawa MAS sebenarnya tidak bersama-sama membantu kerajaan dalam kempen untuk menarik pelancong datang negara kita pada tahun 2007. Adakah itu maksud Yang Berhormat bagi Labuan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Yang Berhormat. Jika kita lihat kepada beratnya hala tuju pengurusan MSR ini, mereka lebih mementingkan bagaimana untuk mengubah warna merah kepada hitam tanpa mengambil kira obligasi kerajaan kepada rakyat. Kalau itu yang dipraktikkan, sudah jelaslah apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam konteks industri pelancongan tidak berjalan seiring dengan apa yang MAS akan laksanakan. Kerana kepada mereka, cara mudah untuk kembali daripada merah kepada hitam ialah mengurangkan kakitangan, mengurangkan penerbangan dan menaikkan tambang. Dan jika ini berlaku bagaimana kita boleh secara logiknya bagaimana kita boleh mempromosikan Malaysia sebagai destinasi unggul jika cara untuk datang ke Malaysia yang satu-satunya pilihan melalui udara adalah mahal.

Sebelum ini *Malaysia Airlines System* atau MAS merupakan satu penerbangan yang kompetitif. Tetapi saya rasa sejak ia diurus oleh MD yang baru, sudah tidak lagi kompetitif. Saya ulang dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon MAS turunkan semula tambang daripada Kota Kinabalu-Labuan dan Labuan-Kuala Lumpur kerana ia tidak wajar dan tidak berpatutan naik 100% bukan 15% atau 30% seperti yang dimaklumkan oleh MAS. Saya mengulangi di Dewan yang mulia ini, RM74 satu perjalanan dan RM144 untuk pergi dan balik. Hari ini tambang MAS untuk Labuan-Kota Kinabalu menjadi RM288, itu bermakna 100%. Apakah itu kenaikan 15%? Jadi saya hendak minta MAS, dia hendak naikkan kita tidak halang tetapi janganlah sampai ke peringkat menghisap darah rakyat sehinggakan seolah-olah obligasi kerajaan dalam integrasi nasional langsung tidak wujud. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, panjang lagikah Yang Berhormat?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Sedikit lagi. Sebelum saya berpindah....

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hendak beri jalan, Yang Berhormat bagi Santubong.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Ya, sila.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat bagi Labuan dalam MAS ini. Saya dengar dia pakar betul nampaknya. Jadi saya hendak tanya sedikit sahaja Yang Berhormat. Baru-baru ini MAS, pada masa mengurangkan kerugian MAS itu, dia minta dengan kerajaan RM800 juta supaya pegawai-pegawai yang lama-lama dekat hendak bersara dan sebagainya itu akan diberhentikan daripada pekerjaan. Dalam masa yang sama dia akan melantik pegawai yang rendah-rendah yang naik pangkat mungkin dengan gaji yang lebih kecil daripada apa yang diterima oleh pegawai-pegawai kanan yang diberhentikan sekarang.

Jadi sudah dapat *injection fund* RM800 juta daripada kerajaan, jumlah keuntungan didapati oleh kerana pegawai yang kanan yang meletak jawatan ini dan diganti dengan pegawai-pegawai yang kiri yang mungkin tidak mempunyai gaji yang tinggi, ini keuntungan dan satu lagi dengan menaikkan tambang daripada 30% sebenarnya sampai ke 100%? *[Sambil memandang ke arah Yang Berhormat bagi Labuan]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: *[Menyampuk]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: 30% yang naik. Kalau kita lihat di Kuching dahulu RM770 tambang *business class*, sekarang sudah RM1,170 *business class*. Jadi 30% lebih. Jadi ini dikatakan satu kepakaran untuk mengurus *restructuring* MAS dan supaya mendatangkan keuntungan pada MAS. Sebenarnya Yang Berhormat, MAS tidak mendapat untung walaupun dalam jangka masa yang pendek. *Restructure* ini untuk mendapat pembayaran daripada rakyat mendapat duit daripada kerajaan dan akhirnya akan merugikan pada masa yang panjang. Jadi oleh kerana tambang MAS telah meningkat kalau dibandingkan dengan tambang-tambang *airlines* di lain-lain seluruh negara. Kita belum *restructuring* ini pun kita sudah mahal, tapi ditambah lagi dengan penambahan ini MAS jauh lebih mahal daripada mana-mana *airline*. *In long run* MAS akan kerugian lagi daripada itu macam mana pandangan daripada Yang Berhormat dari Labuan?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Terima kasih Yang Berhormat dari Santubong. Tuan Yang di-Pertua saya setuju, itu yang saya katakan tadi. Kita tidak begitu arif pendekatan bentuk apa yang diambil oleh pengurusan MAS. Tetapi kalaulah misal kata objektifnya untuk menjadikan MAS sebuah syarikat yang untung pada tahun 2010 kah, apakah, dengan mengenakan beban yang tinggi kepada rakyat, saya rasa kerajaan harus mula sedar implikasinya nanti. Kenaikan tambang MAS ini yang merupakan salah satu kemudahan pengangkutan awam, pembangkang tidak bising kerana mereka tahu apabila rakyat marah, rakyat akan tunjukkan kemarahan mereka esok apabila pilihan raya. Pembangkang tidak cakap ini, dia suka, dia biarkan dan dia tidak mahu komen tentang kami Wakil Rakyat Kerajaan dan

dilaksanakan oleh kerajaan kita berharap ia akan memantapkan lagi sokongan rakyat. Saya ingat lagi. Jadi, bagaimana rakyat akan menyokong kita jika keadaan yang berlaku di peringkat pelaksanaan begini jadinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat cukuplah MAS ini. Saya pun tidak mahu marah. Saya ingat MAS hari ini *happy* kerana saya cukup lembut, halus. Saya cakap baik-baik, tidaklah macam dulu saya kata "MD dia gila", tidak ada. Hari ini tidak ada. Saya cuma kata, saya minta kerajaan tarik semula. Saya berlembut ini kerana Menteri Pengangkutan telah memberikan akujanji yang beliau akan melihat masalah ini dan akan memastikan ia ditangani dengan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada kerajaan. Selaku Ahli Parlimen yang begitu rapat dengan warga kontraktor, saya berterima kasih bila mana dalam Bajet 2007 sekali lagi kerajaan memperuntukkan RM1 bilion untuk kerja-kerja penyelenggaraan khusus untuk kontraktor kecil. Lagi semula saya berbalik kepada ungkapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang mengatakan saya katakan tadi, "*Dengan semua projek ini mudah-mudahanlah mereka akan terus menyokong kerajaan*".

Tetapi saya melihat, jika tidak ada *political will* daripada pemimpin-pemimpin di atas ke arah pelaksanaan projek-projek kecil ini ia akan jadi *backfire*. Sebagai contohnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih dengan sistem cabutan undi yang dibuat oleh kerajaan. Tetapi saya melihat banyak kelemahan. Ada yang mempunyai lesen tetapi bawa teksi, ada yang mempunyai lesen tetapi bekerja, kalau bukan di pejabat, di syarikat-syarikat. Semasa cabut undi mereka datang. Jadi, mereka yang betul-betul kontraktor sejati teraniaya kerana jika ada 100 projek, disuruh kumpulkan 200 kontraktor, bermakna ada 100 kontraktor yang akan pulang dengan tangan kosong. Dan jika yang pulang dengan tangan kosong itu mereka yang betul-betul hidup matinya memang bekerja sebagai kontraktor, dia akan marah kerana dia kata dan dia tahu, orang ini dia bukan kontraktor, dia cuma punya lesen.

Itulah makanya saya mencadangkan supaya Ahli-ahli Parlimen diberi mandat memandangkan kami lebih arif tentang kawasan-kawasan kami. Kami tahu siapa sebenarnya yang menjadi kontraktor kecil dan yang bukan, diberikan mandat penuh untuk memilih dan mencadangkan nama kontraktor. Kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, kalau ada 80 projek biarlah kami kemukakan cuma 80 sahaja, yang lainnya tunggu lagi fasa lain. Janganlah dibiarkan ada yang balik dengan satu undi, kosong, tidak dapat apa-apa. Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Labuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil apabila Yang Berhormat menyentuh soal pemilik-pemilik lesen kontraktor kelas F ini yang sebenarnya tidak aktif, ada yang menjadi pemandu teksi, ada yang masih lagi bekerja dengan kerajaan dan ada pula yang kerjanya pemandu. Ini soalan kepada Yang Berhormat, barangkali ini *nominee* kepada

pegawai-pegawai pelaksana yang dipertanggungjawabkan memberi projek-projek seperti mana yang dikatakan iaitu projek kecil-kecilan ini, yang diagih-agihkan oleh kerajaan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat mengenai soal ini kalau saya sentuh bahawa kalaulah misalnya seorang *engineer* mempunyai empat lesen kontraktor dan nama kontraktor memang kelas F bumiputera, tetapi nama-nama dalam lesen itu adalah bumiputera yang melulu, tetapi tidak pernah buat kerja. Minta penjelasan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, apa Yang Berhormat bagi Putatan katakan itu sebenarnya ada kebenarannya. Di awal saya menjadi wakil rakyat ...

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: *[Bangun]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya jawab dulu, ya? Di awal saya menjadi wakil rakyat, saya berdepan dengan satu kes di mana salah seorang pegawai kerajaan pegang 20 lesen. Tetapi orang itu sudah tidak ada, sudah keluar daripada Labuan. Ini memang betul. Tetapi, alhamdulillah, hari ini tidak ada. Di Labuan, alhamdulillah hari ini *clean*. Tetapi memang wujud dan inilah di antara kegagalan kita kerana kita tidak memantau. Silakan.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Labuan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Labuan, isu kontraktor mempunyai lebih lesen atas nama isteri, nama anak, nama isteri-isteri dan sebagainya adalah satu isu biasa yang menjadi fenomena yang bukan ganjil lagi di kalangan kontraktor-kontraktor kelas F. Tetapi saya dapat melihat cadangan Yang Berhormat tadi yang ingin kononnya mencadangkan supaya hanya kontraktor-kontraktor kelas F yang betul-betul mengendalikan kerja-kerja yang diperolehi daripada jabatan kerajaan ini pun biasanya menghadapi kegagalan. Ini kerana, biasanya kontraktor yang mendapat tender ini, yang mendapat kontrak ini, dia pun tidak juga menjalankan kerja itu dengan kepakarannya sendiri. Dia biasanya akan subkontrakannya kepada syarikat-syarikat lain yang mempunyai keupayaan; misalnya keupayaan kewangan, keupayaan jentera, keupayaan kakitangan dan keupayaan kepakaran.

Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat dan kalau boleh Yang Berhormat bangkitkan perkara ini, bahawa untuk menentukan satu kontraktor itu *genuine*, yang benar-benar menjalankan kerja, saya mencadangkan supaya pihak yang berkuasa berkenaan mestilah juga menyemak bukan sahaja lesen itu lesen yang sah, lesen yang masih berkuat kuasa. Pihak berkuasa juga perlu menyemak adakah syarikat kontraktor kelas F ini membayar caruman EPF misalnya untuk menentukan dia ada kakitangan yang bertugas dengan mereka. Untuk menyemak juga sama ada bayaran atau caruman SOCSO untuk menentukan mereka ini adalah kakitangan dalam syarikat kontraktor kelas F dan lain-lain kaedah yang boleh digunakan bagi memantau bahawa syarikat yang menerima tender ini sama ada cabut undi atau kaedah-kaedah lain menjalankan kerjanya bersendirian, dan bukannya untuk tujuan mengambil setakat potongan komisen sahaja. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Labuan.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat melibatkan SOCSO dan EPF itu memang telah dibuat oleh PKK kerana selaku Pengerusi Perbadanan, saya memang terlibat secara langsung dalam pemantauan projek-projek kecil ini. Tetapi apa yang ingin saya kongsi dengan sahabat saya Yang Berhormat, ialah tentang cara melaksanakan pengagihan projek-projek kecil ini. Maksud saya, kalau boleh saya minta kepada *Treasury*, Kementerian Kewangan supaya kalau boleh ubah polisi yang ada sekarang. Cabutan undi berdasarkan kepada jumlah projek dan jumlah kontraktor, dan kontraktor mestilah di *screen* kalau boleh oleh pihak berkuasa dan juga disokong oleh wakil-wakil rakyat. Dengan demikian, barulah kita dapat sokongan rakyat. Mereka yang senang hati, yang tahu bahawa kita mengenali mereka, sudah pasti mereka akan membalas balik jasa baik kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak sia-sia.

Saya hendak bagi contoh, kita bekerja bertungkus lumus untuk memenangkan kerajaan, dia bertungkus-lumus menentang kita, dia dapat, contohnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Setiu bangun, Yang Berhormat. Yang Berhormat hendak gulung?

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Jadi, ini saya rasa tidak betullah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah Yang Berhormat Labuan. Ini berkait dengan kontraktor juga, Kalau dalam belanjawan tahun lalu saya percaya kita telah berbincang soal monopoli projek dan saya percaya keadaan ini masih juga berlarutan, masih berlaku juga di setengah-setengah tempat, memonopoli projek. Kontraktor Kelas F digunakan lesennya oleh kontraktor-kontraktor besar yang bukan Kelas F, masuk tender, menentukan harga, melobi dan bagaimana hendak menjatuhkan kumpulan lain supaya harganya tidak begitu sesuai dengan harga yang sepatutnya tetapi dapat kepada kontraktor yang besar tadi kerana mereka mempunyai sehalagalanya dari segi *equipment* dan sebagainya mereka telah ada.

Walaupun mereka tidak untung banyak dari satu-satu projek yang dapat dengan menggunakan lesen kontraktor lain tetapi kontraktor yang lain yang sepatutnya dapat untung kalau 15% tetapi mereka tidak mendapat projek tersebut tetapi kumpulan yang seumpama ini. Saya mohon pandangan daripada Yang Berhormat Labuan untuk mengemukakan cadangan supaya teori monopoli projek ini tidak berlaku. Kita kesian ramai kontraktor pada hari ini yang hendak mendapatkan projek tetapi tidak dapat, peluang mereka sentiasa tersekat terhalang dan sebagainya.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Saya setuju dengan sahabat saya Setiu Tuan Yang di-Pertua dan saya mintalah supaya ucapan penjelasan beliau dimasukkan sebahagian sebagai ucapan saya. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: Sebelum saya mengakhiri ucapan saya.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat yang lain tidak payah kacaulah.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman [Labuan]: saya ingin mencadangkan, sekejap, sekejap. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, Kementerian Kewangan supaya mengkaji semula polisi tersebut dan saya juga meminta kepada PKK untuk menaikkan had untuk kontraktor Kelas F daripada RM200,000 ke RM300,000 kerana angka RM200,000 sudah tidak sesuai dengan kos barangan yang tinggi dan sebagainya. Jadi Tuan Yang di-Pertua kalau kita hendak menolong dan memberikan mereka ruang untuk maju ke depan, kita harus kaji kerana angka RM200,000 untuk had kerja-kerja yang boleh dilakukan oleh kontraktor Kelas F sudah tidak bertepatan dengan keadaan kos barangan hari ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikanlah ucapan terima kasih ibu bapa, murid-murid sekolah daripada kawasan saya kepada kerajaan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menghapuskan yuran sekolah bagi tahun 2007 untuk semua yuran peperiksaan dan juga ingin menyampaikan salam mereka kepada Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, Menteri Pelajaran supaya melaksanakan dengan serentak penghapusan yuran-yuran yang diguna pakai oleh sekolah yang tidak melibatkan yuran peperiksaan supaya semua sekolah kerajaan pada tahun 2007 benar-benar percuma kepada rakyat jelata bukannya ada lagi yuran peperiksaan tidak dibayar tetapi yuran-yuran seperti komputer, perabot dan sebagainya berjumlah RM105 setahun masih dikenakan.

Jika ibu bapa mempunyai lima orang anak dan pada hari pendaftaran tahun 2007 dan gajinya cuma RM1,000, sudah tentu dia akan menghadapi kesukaran dan di sinilah Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua hendak tahu bermulanya kisah orang-orang miskin, orang-orang berpendapatan rendah terlibat dengan pinjaman 'along-along ataupun pemberi pinjaman haram ini kerana mereka sudah tidak ada pilihan. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya dengan ini menyokong bajet 2007. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Putatan.

5.14 ptg.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat bersyukur dan berterima kasih kerana diberi peluang untuk turut membahas belanjawan 2007 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri kita yang juga merangkap Menteri Kewangan Malaysia pada 1 September 2006 yang lalu. Satu bajet yang sungguh prihatin dan sungguh adil yang tidak

mengira kaum, bangsa dan agama dan membawa kegembiraan kepada semua lapisan masyarakat dan yang disambut baik oleh semua kaum di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan hujah saya yang berpandukan kepada lima teras Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga sebagai objektif bajet 2007 ini, iaitu saya pendekkan kepada 5(S) iaitu:

- (i) 'Schematic' Economic Development dengan izin
- (ii) Scientific and spiritual development
- (iii) Solution of social economic in balances
- (iv) Standard of living, life style and
- (v) System of delivery and implementation, dengan izin.

Dan beberapa isu yang saya fikirkan wajar untuk sama-sama kita bahaskan dan putuskan dengan mesra dan dengan pendekatan dan pelaksanaan mengikut lima prinsip Rukun Negara dan lima prinsip etika kerja iaitu 5(S) yang saya katakan di sini dengan izin '*one must be always have a smiling face, smart, sihat, sincere, secure* dan *it must 'synergize'* itu dengan izin. Teras pertama iaitu apabila kita membangun usahawan bumiputera bersaing iaitu dalam dasar MPPB. Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan rancangan kerajaan untuk membangunkan usahawan bumiputera berdaya saing, kementerian yang bertanggungjawab untuk memajukan usahawan bumiputera telah diperuntukkan berjumlah RM2.7 bilion dalam bajet ini supaya dapat menghasilkan lebih ramai lagi usahawan bumiputera yang mana kementerian membuat sasaran 150,000 usahawan baru dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Soalan saya, berapakah agaknya sasaran kementerian tahun ini dan tahun hadapan dan berapa sasaran kementerian untuk bumiputera-bumiputera yang kesian sekali yang tinggal di Sabah dan Sarawak. Dasar MPPB iaitu Masyarakat Perniagaan dan Perindustrian Bumiputera sebagai yang digariskan dalam misi nasional yang banyak menyediakan kemudahan-kemudahan dan pembiayaan-pembiayaan dalam bajet ini, namun bumiputera-bumiputera di Sabah ramai lagi yang tidak dan memang tidak akan mengetahuinya.

Apabila bajet 2006 di bentang dahulu, ada diumumkan penubuhan Yayasan Amanah Harta Tanah Bumiputera bertujuan untuk meningkatkan penyertaan dan hak milik bumiputera dalam sektor hartanah komersial di lokasi utama di bandar dan adanya diwujudkan Pelaburan Harta Tanah Bumiputera Berhad (PHBB) maka adalah harapan bagi rakyat Sabah dan Sarawak supaya khidmat yayasan ini juga dipanjangkan ke negeri-negeri itu dan bukan setakat di Lembah Klang sahaja. Untuk menjayakan matlamat-matlamat kerajaan ini supaya bumiputera-bumiputera di Sabah dan Sarawak tidak ketinggalan jauh daripada saudara-saudaranya di Semenanjung dan daripada makluman yang saya terima daripada Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah iaitu (DPBS), Dewan Perniagaan Melayu Sabah (DPMM) cawangan Sabah, Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kadazan Dusun Sabah iaitu (KCCI) dan Dewan Perniagaan Perindustrian Dayak Sarawak (DCCI).

Keluhan-keluhan mereka ini adalah semua jenis bantuan yang digariskan oleh kerajaan bagi membantu membangun MPPB di negeri itu tidak kesampaian kepada mereka dan gagal di kecapai oleh mereka.

Yang Berhormat bagi Kepong mahu tanya? Baliklah, Yang Berhormat bagi Kepong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Kepong mahu tanya atau mahu balik?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini sebab - Yang Berhormat bagi Kepong pulanglah - fakta tidak mengetahui apa jua jenis kemudahan pembiayaan matlamat-matlamat lain seperti prosedur atau cara-cara, kriteria-kriteria untuk menerokai atau memperoleh kemudahan-kemudahan ini, di mana yang ada, siapa dijumpa dan sebagainya. Kementerian apa? Di mana? Mereka tidak tahu disebabkan kerajaan tidak memberi maklumat. Ada pun kurang atau langsung tidak ada penyebaran maklumat oleh pihak-pihak yang berkenaan atau kementerian yang bertanggungjawab. Yang ada mungkin ada di media cetak nasional iaitu surat khabar nasional. Orang Sabah ini jarang beli surat-surat khabar seperti Berita Harian, Berita Minggu. Ia lebih mahal jika dibandingkan dengan surat khabar tempatan dan surat khabar nasional ini tidak melaporkan berita-berita tempatan. Jadi, *termislah*. Kebanyakan daripada mereka *termis* apa-apa peluang yang ada pada kerajaan.

Kalau ada yang diiklankan oleh kementerian, kalau adalah, kita semua maklum penonton TV masyarakat kita tidak begitu gemar dan kurang berminat menonton isu-isu nasional, apatah lagi iklan. Ramai yang bertumpu dan mengutamakan kepada *entertainment* atau program-program hiburan sahaja. Oleh itu, saya menyarankan kementerian turut mengiklankan apa jua jenis maklumat yang mahu disebarikan melalui media elektronik seperti TV atau internet supaya ia dapat dimaklumkan oleh semua lapisan masyarakat di negeri itu.

TV swasta, Astro, memang mengutamakan komersial. Apa dia peduli dengan isu nasional? Tidak ada apalah, bagi dia *business*. Iklankanlah di tengah-tengah rancangan hiburan ini. Kalau kita tengok kutipan hasil pengiklanan daripada TV-TV kerajaan, pada penghujung tahun 2005 ia mendapat hasil berjumlah RM56.6 juta mengikut laporan audit dan kutipan daripada bahagian pengiklanan yang berdiskaun pula hanya berjumlah RM2.37 juta, yang mana iklan tempahan oleh kementerian yang memberi 50% diskaun menerima 18 iklan sahaja. Syarikat-syarikat di bawah kelolaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi menerima hanya tiga iklan sahaja, GLC 18 iklan, iklan dari syarikat swasta yang mempromosikan kempen kerajaan, yang memberi diskaun 20% hanya menerima dua iklan sahaja. Manakala GLC untuk tujuan komersial sembilan iklan.

Adalah dipercayai pemberian diskaun ini tidak teratur dan tidak mematuhi peraturan komunikasi radio, iklan pada tahun 1985. Misalnya PUNB, PROSPER, TEKUN. Apa lagi,

MARA? Apa SME bank bagi? Apa SMEDEC bagi? Sistem mikro kredit dan lain-lain jenis pembiayaan. Mana penyebaran maklumat? Langsung tiada. Ada pun yang tahu melalui sumber-sumber yang lain, dan juga pernah memohon memang tidak dapat, Tuan Yang di-Pertua. Kalau bukan alasan dana-dana itu sudah habis ataupun sengaja tidak mahu diproses kerana apa yang saya dengar dari seorang pemohon, kalau seseorang itu memohon dia terpaksa memberi sedikit “minyak pelincir”, duit pelincir supaya ia dapat diproses dan tidak semestinya mendapat kelulusan; dan ada lagi banyak alasan yang lain.

Dalam Laporan Audit 2005, muka surat 115 hingga 116, negeri Sabah dan Sarawak antara terendah mendapat kemudahan pinjaman mikro kredit ini. Sarawak -RM9.73 juta yang memberi pinjaman kepada 1,302 peminjam, Melaka - RM13.68 juta memberi kepada 1,411 peminjam dan Sabah lebih kurang RM20 juta untuk 2,000 lebih peminjam. Manakala Kelantan dan negeri Perak yang tertinggi - RM98.39 juta kepada 13,319 peminjam dan negeri Perak RM95.88 juta yang memberi 8,835 peminjam.

Kalau mengikut bentuk saiz dan jumlah penduduk serta jurang perbezaan sosioekonomi, memang pengagihan ini tidak betul, tidak adil. Bukan saya merendah-rendahkan negeri yang lain, tetapi bagilah agihan dengan cara yang adil. Saya nampak janji kata oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang mengatakan, “Gerak Usahawan menyebarkan maklumat dan ilmu keusahawanan melalui ceramah sesi klinik dan rundingan, bengkel, taklimat perniagaan, pameran produk sesi padanan perniagaan”, yang melalui kenyataannya di surat khabar pada minggu yang lalu iaitu pada 3 September.

Bagi saya ini cerita lama, Tuan Yang di-Pertua, dan sudah menjadi cerita dogeng. Sudah puas kita dengar janji-janji macam ini. Saya sokong usaha kementerian untuk mewujudkan program seperti Gerak Usahawan yang diadakan tahun ini dan merangka satu pelan induk yang komprehensif bagi membantu kumpulan-kumpulan yang terpinggir ini. Saya betul-betul berharap agar Gerak Usahawan ini berkesan untuk menjadi pusat sehati bagi membantu usahawan pilih perniagaan, urus pembiayaan, pemasaran dan bantuan-bantuan perkhidmatan yang lain. Saya memohon untuk dimestikan dan diperaktifkan di Sabah dan Sarawak. Jangan cakap sahaja kerana janji-janji ini mesti dikotakan kerana rakyat sudah muak dengan janji yang tidak betul. Nampak ikhlas dalam dasar tetapi tidak dapat dilaksanakan. Apa guna? Jangan kita biarkan isu ini berlarutan dan kita tahu akan kesannya apa yang terjadi pada pilihan raya besar negeri Sarawak baru-baru ini. Soal tender terbuka, apa sudah jadi? Rakyat mahu bertanya apakah kriteria pemilihan penganugerahan kontrak konsesi yang menyelenggarakan jalan-jalan berturap di negeri Sabah keseluruhannya sejauh 2,828 kilometer kepada Syarikat ‘Globinako’ Sdn. Bhd., mendapat RM78 juta setahun selama 15 tahun. *[Disampuk]* Untuk jalan-jalan Persekutuan yang berturap berjumlah sejauh 1,339 kilometer diberi kepada dua syarikat iaitu Syarikat Lintasan Resources Sdn. Bhd. dan Syarikat Gamalai Sdn.

Bhd. yang mendapat RM40 juta setahun untuk selama 15 tahun. Saya tidak tahu siapa yang punya. Bagi jalan-jalan PBT dan jalan-jalan raya...

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, saya habiskan sekejap... diberikan kepada Syarikat Pembinaan Kekal Mewah Sdn. Bhd. untuk menyelenggarakan jalan berturap dan jalan berkerikil ...*[Disampuk]* Tunggu sekejap. 5,505 kilometer untuk sepuluh tahun pada kadar RM100 juta setahun. Ya, silakan Yang Berhormat bagi Ketereh.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih. Saya tengok jam pun sudah hendak habis. Tetapi sebenarnya saya minta Yang Berhormat sambung esok. Bukan saya jadi Speaker, beritahu juga di Semenanjung Malaysia ini pun perkara yang sama berlaku, bukan di Sabah dan Sarawak sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Di Semenanjung Malaysia ini di sebelah Pantai Timur syarikat lain dan Pantai Barat syarikat lain dan tempohnya macam itu juga, 10 tahun, 15 tahun *maintenance of the road* ini. *[Disorak]* Saya minta esok tolong sebutkan. Saya tidak ingat fakta itu. Boleh tolong saya? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, Yang Berhormat. Berapa lama lagi Yang Berhormat hendak bercakap?

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini baru mukadimah, Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh sambung dua, tiga jam. Kalau masuk *injury time* dua, tiga jamlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan yang ada. Sekejap saja.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Walau bagaimanapun saya akan jawab Ketereh....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, Yang Berhormat, teruskan sekejap lagi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat kawan saya yang baik dari Ketereh, ini memang berlaku. Syarikat-syarikat yang diberi konsesi ini kita sudah bising bukan hari ini sahaja, memang kita sudah bising dari dulu lagi, semenjak saya kecil memang sudah ada konsesi ini. Saya terlibat dengan Dewan Perniagaan ini, kami ahli-ahli Dewan menangis kerana hanya kontraktor-kontraktor yang ada jaringan dengan orang yang pegang kuasa. Saya berani cakap di sini. Ini akan membantut usaha kerajaan untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera yang mahu dimajukan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Maran, berminat juga dengan ini? Hendak kontrak?

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Putatan. Saya cukup tertarik dengan apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Putatan dan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh tadi, sebenarnya perkara ini bukan di Sabah dan Sarawak sahaja bahkan di Semenanjung. Saya kira ini telah lama kita suarakan. Persoalan saya bagaimana kita hendak mengatasi supaya perkara ini tidak berterusan berlaku. Saya minta supaya Yang Berhormat cadangkan, apakah perlu kita mengadakan satu *committee* khas untuk menilai balik konsesi yang diberi ini.

Seorang Ahli: PAClah.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Minta pandangan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Putatan, Yang Berhormat buat kajian dulu, esok sambung. *[Ketawa]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.